

Bil 217

Wadah Terkini Tentera Darat

PERCUMA

CBTDM

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



**KEMERIAHAN SYAWAL
DIPERBATASAN**

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

PENA KETUA PENGARANG

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA

EDISI 217

" Pengorbanan ini bukanlah sesuatu yang perlu diratapi, tetapi sebaliknya perlu dibanggakan kerana tanpa keringat yang anda titiskan, mungkin tiada senyuman untuk mereka cangkirkan "

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin
Ketua Pengarang

PENGORBANAN DEMI KEDAULATAN

السلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَّكَاتُهُ



Alhamsudillah, menadah kesyukuran ke hadrat Illahi dengan inayahNya diberikan kita jodoh untuk bertemu kembali pada edisi 217 ini. Mengangkat kesyukuran juga kepada Yang Maha Esa kerana rahmatNya, kita diberi kekuatan untuk melaksanakan tuntutan Rukun Islam yang ketiga, berpuasa di bulan Ramadhan meskipun dalam tugas yang memerlukan keringat dan kudrat ini. Berpuasa bukanlah satu halangan buat umat Islam dan ia sendiri telah dipercontohkan oleh Rasul junjungan kita semua, Nabi Muhammad S.A.W, bukan sahaja berpuasa di bulan yang mulia, malah ketika bertempur di medan perang menegakkan syiar Islam baginda turut berpuasa dan masih gagah menghunus senjata. Oleh hal yang sedemikian, tidak ada alasan yang munasabah untuk kita yang diberikan sihat tubuh badan dan situasi yang aman tidak menuai ibadah ini.

Merafak kesyukuran kepada pemilik sekian alam kerana memberikan kesempatan untuk meraikan hari kejayaan umat Islam ini. Meskipun sambutannya berbeza bergantung kepada suasana dan keadaan persekitaran, namun saya yakin teras sambutan ini bukanlah untuk hanya sekadar bergaya dan gah dengan kemeriahahan, sebaliknya dihiasi dengan nilai eratan ukhwah sesama insan dan saling memaafi demi kehidupan yang harmoni.

Suka untuk saya ingatkan disini, disaat kita gembira meraikan hari lebaran ini bersama insan tersayang, tidak semua yang diberi kesempatan untuk memperolehi peluang yang sama dek kerana tuntutan tugas, khususnya kepada pasukan keselamatan negara yang mengorbankan detik penting ini agar negara kekal berdaulat dan isinya kekal selamat.

Justeru, kepada mereka yang berada di perbatasan, ingatlah bahawa pengorbanan ini bukanlah sesuatu yang perlu diratapi, tetapi sebaliknya perlu dibanggakan kerana tanpa keringat yang anda titiskan, mungkin tiada senyuman untuk mereka cangkirkan di hari lebaran. Oleh itu, kekal ikhlas berbakti kepada negara yang dicintai agar Maha Pengasih merahmati perjuangan yang suci ini.

Lanjutan daripada itu, saya juga ingin menzhirkan rasa kagum kepada pucuk kepimpinan tertinggi TD di atas keprihatinan yang ditonjolkan. Keinginan untuk mereka merayakan hari yang gembira bersama warga TD yang sedang beroperasi di persempadan telah dizahirkan. Syabas dan tahniah diucapkan.

Jelas terpamer bahawa seorang 'ayah' tidak pernah meninggalkan 'anak-anak' mereka. Susah sama dipukul dan ringan sama dijinjing. Begitulah indahnya hubungan kekeluargaan organisasi ini. Biarpun sedia maklum tentera tidak lari dengan penampilan agresif dan tegas, namun secara dalamannya dipenuhi dengan kasih dan sayang. Marilah kita bersama-sama mengekalkan hubungan kekeluargaan ini agar teras perpaduan sesama kita tidak goyah dan terus utuh.

Warga TD sekalian, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan saudara dan saudari serta diri sendiri jua. Sejak akhir-akhir ini, budaya "pelaburan haram" semakin membiak dengan pesat. Dahulu, ia senang dibendung memandangkan tempatnya adalah berpusat.

Kini, ia semakin sukar untuk dipantau memandangkan kemudahan untuk melaksanakan aktiviti ini melalui aplikasi atas talian dan boleh diakses menerusi telefon pintar dan komputer peribadi. Justeru itu, organisasi ini memandang serius akan permasalahan judi atas talian kerana dikhuatir akan meruntuhkan nilai disiplin serta kehidupan warganya.

Aktiviti tidak bermoral ini langsung tiada mendatangkan sebarang faedah dan kebaikan. Namun, kesan mudarat lebih banyak diterima dan akan memporak-perandakan kehidupan. Saya juga yakin, setiap agama juga melarang umatnya untuk menjebakkam diri dalam aktiviti perjudian.

Ingatlah, hanya usaha dan doa sahaja mampu memperkasakan diri kita ke arah kehidupan yang lebih baik dan yang pasti tiada jalan pintas untuk memperoleh kesenangan hakiki. Hanya kita sendiri yang mampu mengubah diri sendiri.



4

COVER STORY

PTD meraikan kemerahan Aidilfitri bersama anggota yang sedang melaksanakan operasi di Banding, Perak

www.btdmonline.net

Isi Kandungan

April-Mei-Jun 2019



www.btdmonline.net | 217

8

BERSAMA PEMIMPIN

PTD berbuka puasa bersama anggota operasi

PAPARAN MENARIK

12| Kegembiraan Ramadan dan Syawal dilupakan

Pengorbanan demi negara harus diutamakan.

16| Bersyukur Dengan Keamanan Dikecapi

Rakyat Malaysia harus mempertahankan keamanan yang dinikmati selama ini kerana ianya hasil pengorbanan anggota terdahulu.

22| Perbatasan Tema Raya Aidilfitri TD 2019

Sambutan Hari Raya peringkat TD telah dilaksanakan di Kem Perdana Sungai Besi.

26| Program NAIM Peringkat Kementerian Pertahanan

Warga ATM manghadiri wacana ilmu yang disampaikan oleh pakar dalam bidang berkaitan.

30| PTTK Tulang Belakang TD

PTTK merupakan elemen penting yang menyumbang kepada pencapaian matlamat TD

PROFIL PASUKAN

34

CPP 91 DPOD Nadi
Percetakan Buat ATM

Sidang Redaksi

PENAUNG

Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi

KETUA PENGARANG

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin

EDITOR

Kol Zulkifli Hj Tahir

PENOLONG EDITOR

Kapt Aminin Hafizhin Minhad

WARTAWAN/JURUGAMBAR

SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli, Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan Kpl Ainur Aisyah Yahaya,

SUSUN ATUR DAN GRAFIK

SSjn Nor Rizam Hamad dan Saifun Hakimi Zainon

KORESPONDEN

TRUP TD

Kapt Fathi Kamil Khazali, Lt Muhamad Zainalarifin Mohamad Zainal Abidin, Lt Mohd Noradri Mat Rashid, Lt Mohd Akmal Che Isa, SSjn Ahmad Norizam Jaafar, SSjn Md Noor Sabar, LKpl Muhammad Razif Anzeli

MEDAN BARAT

Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Fikry Nordin dan LKpl Norirawati Abdul Wahab

1 DIVISYEN

Kapt Siti Rabia Aldawia, Kapt Syaiful Shahidan, Kapt Muhammad Afandi Jefri, Lt Muhammad Khawarizmi Abdul Shukor, Lt Muhammad Furqan Firdaus Rusli, Lt Ammar Abdullah, Lt Azlan Azmi, Sjn Donny Mike Andy, Sjn Juanis Tingging, Pbt Iskandar Abdullah, Pbt Muhammad Aizat Fitri Ariffin, Pbt Muhammad Aiman Solihin Hasmady, Pbt Muhammad Nawawi, Pbt Muhammad Khairulasyraf Mohd Kahar

2 DIVISYEN

Mej Mohd Said Adam Mohamed Said, Lt Muhammad Firdaus Mohd Zamri, Lt Amirul Ashraf Johari Tuan, Lt Ataillah Afham Kamarol Zaman, SSjn Nurhayati Zakaria, Sjn Mohd Rashidi Ab.Ghani, Kpl Md Shukor Md Soleh, LKpl Azmi Jainuddin, Pbt Nor Azam Mohd Noh, Pbt Mohd Nor Izham Salahudin, Pbt Mohamad Zulkhairi Mohamad Don, Pbt Aliff Nashuddin

3 DIVISYEN

Mej Mohamed Fahmi Ishak, Lt Khairul Adha Roslam, SSjn Muhammad Haffizz Hamid, SSjn Azwan Pairus, Sjn Gunatharan Baskaran, Sjn Muhamad Suhamy Jimmy, Kpl Mohd Firdaus Alias, Kpl Mohd Hafiz Hamzah, Pbt Noor Atirah Abu Seman

4 DIVISYEN

Mej Suria Sulaiman, Mej Wan Ismail Wan Abdullah, Kapt Mohd Yusof Mohd Noh, SSjn Syed Saifullah Syed Kamarulzaman, Sjn Che Azham Che Raman, Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Sadiq Zakaria, Kpl Siti Zubaidah Ramli, Kpl Mohd Nazrul Adnan, LKpl Khatijah Sahbudin,

MARKAS PEMERINTAHAN LATIHAN DAN DOKTRIN

Mej Syed Kamalluddin Syed Mokhtarruddin

Mari ikuti kami di Laman rasmi kami
BTDM online...



40



SUDUT INSPIRASI

Keadaan ketika semasa operasi sangat susah dan atas semangat yang tinggi membuatkan saya terfikir menyambung pelajaran supaya mendapat kehidupan yang lebih baik kelak

HUT

80

RAJD Sambut HUT ke -66

90 | Perbarisan Penghargaan Mej Jen Dato' Ismail Abetah

Mencurahkan khidmat bakti selama 40 tahun dalam TD amnya dan KRD khasnya



JUDI ONLINE

Tabiat berjudi akan mengakibatkan pelbagai masalah sosial yang serius hingga ke peringkat merundumnya sesuatu tamadun

BTDM mengalu-alukan artikel, idea dan kritikan anda agar dapat dikongsi bersama. Setiap surat atau artikel perlu ada nama penuh dan di tandatangani. Segala sumbangan artikel boleh disalurkan terus kepada:

Pengarang BTDM, Tingkat 8-11,

Markas Tentera Darat,

Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR

atau

e-mail: btdmonline@gmail.com Faks: 03-26985536/03-26923195
Tel: 03-20716290



PTD Raikan Syawal Bersama Anggota TD Di Perbatasan

Oleh Sjn Saiful Fazley Rusli


Gambar: SSjn Vijay Gaundar al Arikrishan

PERAK: Warga Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD) yang sedang melaksanakan operasi di kawasan tanggungjawab diraikan dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bertempat di Kem Sri Banding pada 5 Jun 2019.

Sambutan hari raya tersebut sedikit sebanyak dapat mengurangkan kerinduan buat keluarga dalam meraikan 1 syawal buat mereka yang sedang bertugas di perbatasan.

PTD bersama Ketua-ketua dari Bahagian, Cawangan dan Jabatan (BCJ) Markas Tentera Darat (MKTD) berkesempatan menunaikan Solat Sunat Aidilfitri bersama anggota di tempat pendaratan helikopter Kem Sri Banding.

Disamping itu, beliau turut melancarkan Buku Dari Meja Panglima Tentera Darat (DMPTD) jilid ketiga yang mana edisi itu merupakan medium nasihat daripada seorang ayah kepada anak untuk menjadi seorang warga TD yang profesional dan sentiasa meletakkan keimanan dalam setiap pekerjaan.



Dalam ucapannya, beliau mengingatkan kepada warga TD agar sentiasa berwaspada dan jangan sekali-kali leka serta cuai dalam memikul tugas menjaga keselamatan sempadan negara.

"Sebagai warga TD, tugas kita tidak bermasa dan tidak



bermusim di mana hakikatnya kita adalah tentera 24 jam.


"Kita telah berikrar mengutamakan tugas tidak kira tempat dan ketika yang mana kita tidak boleh leka dibuai masa perayaan dan ingatlah pepatah malang tidak berbau kerana suasana aman boleh berubah secara mendadak," tegas beliau.

Tambahnya lagi, beliau mahukan kesiagaan dan kawalan keselamatan kekal di tahap tertinggi pada sebilang masa kerana khidmat anggota TD pada waktu perayaan adalah suatu pengorbanan yang mulia dan disanjung tinggi.

Terdahulu, sehari sebelumnya PTD bersama Ketua-ketua dari BCJ MKTD melakukan lawatan ke pos-pos kawasan operasi dan berbuka puasa bersama anggota yang bertugas di perbatasan.

Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima Logistik TD, Mej Jen Dato' Hanafiah Jaafar, Ketua Staf TD, Mej Jen Dato' Zakaria Hj Yadi dan Panglima 2 Bgd, Brig Jen Datuk Nizam Hj Jaafar.





KEMERIAHAN AIDILFITRI DI PERBATASAN





PTD BERBUKA PUASA BERSAMA ANGGOTA OPERASI

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

PERAK: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi berkesempatan berbuka puasa bersama anggota Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD) bertempat di Kem Sri Banding pada 4 Jun 2019.

Majlis tersebut turut dihadiri Ketua-ketua dari setiap Bahagian, Cawangan dan Jabatanarah (BCJ) Markas Tentera Darat (MKTD) yang mana bertujuan meraikan anggota yang sedang melaksanakan operasi.

Selesai majlis berbuka puasa, Solat Mahgrib dan Isyak beliau bersama-sama anggota kem tersebut melaungkan takbir raya, membesarluarkan keagungan Allah SWT dan sebagai tanda memanjatkan kesyukuran terhadap nikmat yang dikurniakan-Nya bertempat di Surau Kem Sri Banding.

Selain itu, PTD bersama pegawai kanan MKTD mengadakan sidang video ke atas Panglima Medan Barat TD dan Panglima Medan Timur TD bagi mengetahui laporan keadaan kesiagaan anggota di kawasan tanggungjawab masing-masing.

Pada masa sama, beliau turut melihat dan beramah mesra bersama anggota yang sedang menyiapkan juadah bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri untuk keesokkan harinya.

Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima Logistik TD, Mej Jen Dato' Hanafiah Jaafar, Ketua Staf TD, Mej Jen Dato' Zakaria Hj Yadi dan Panglima 2 Bgd, Brig Jen Datuk Mohd Nizam Hj Jaafar.





BERSAMA PEMIMPIN

PERAK: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bersama Ketua-ketua Bahagian, Cawangan dan Jabatanarrah (BCJ) Markas Tentera Darat melakukan lawatan ke kawasan operasi sekitar Banding pada 4 Jun 2019.

Lawatan tersebut adalah untuk meninjau pos-pos operasi dan melihat tahap kesiapsiagaan anggota selain menyuntik semangat kepada semua anggota dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan semasa orang lain bergembira menyambut kedatangan syawal.

Pada masa sama dapat mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh anggota yang sedang melaksanakan operasi.

Dalam lawatan tersebut, beliau turut menyampaikan sumbangan beg raya kepada anggota yang bertugas di perbatasan yang mana dengan pemberian tersebut dapat mengurangkan sedikit kerinduan anggota buat keluarga masing-masing ketika sedang bertugas di hari lebaran.

Turut mengikuti lawatan tersebut Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima Logistik TD, Mej Jen Dato' Hanafiah Jaafar, Ketua Staf TD, Mej Jen Dato' Zakaria Hj Yadi dan Panglima 2 Bgd, Brig Jen Datuk Mohd Nizam Hj Jaffar.



PTD LAWAT KAWASAN OPERASI

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan







Kegembiraan Ramadan Dan Syawal Dilupakan

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

RENCANA



Apabila menjadi seorang anggota tentera komitmen terhadap tanggungjawab yang diberikan begitu tinggi ditambah pula perasaan duka tatkala berjauhan dari ahli keluarga ketika berbuka puasa dan menyambut lebaran terpaksa dilupakan.

Inilah yang dirasai oleh sebahagian anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terpaksa bertugas di perbatasan, perairan dan ruang udara demi negara pada bulan Ramadan dan Syawal. Warga Tentera Darat (TD) yang terlibat dalam operasi semasa melaksanakan ibadah puasa meskipun terpaksa berpanas di bawah terik mentari serta dilanda pelbagai cabaran, tidak sedikit pun goyah keimanannya demi melunaskan tanggungjawab kepada negara yang tercinta.

Keperitan yang melanda pejuang negara ini lebih meruntun hati apabila kejayaan dalam melaksanakan ibadah tersebut tidak dapat disambut bersama insan yang dikasihinya apabila takbir raya dilaungkan dan hanya memori serta kenangan menjadi peneman.

Tugas sebagai anggota tentera mengorbankan kegembiraan berpuasa dan berhari raya di kampung halaman masing-masing lantaran tanggungjawab sebagai pasukan keselamatan perlu didahulukan. Biarpun berjauhan daripada keluarga tercinta, kegembiraan masih terpancar pada wajah setiap daripada mereka.

Perasaan sedih tidak dapat berbuka puasa bersama ahli keluarga tidak dapat dinafikan. Namun, kesedihan dapat diubati sedikit dengan berbuka puasa dan berhari raya diperbatasan bersama rakan-rakan dengan menyediakan juadah bersama.

Sempena hari yang mulia ini, diucapkan ribuan terima



yang diamanahkan. Sungguhpun begitu, jauh di sudut hati setiap petugas keselamatan negara yang berada di kawasan operasi, pasti terdetik rasa kesayuan tatkala takbir raya bergema di corong telinga. Apa yang pasti, wajah-wajah insan kesayangan akan terlintas dibenak fikiran satu persatu sekali gus menambah kesyahduan dipagi lebaran yang mulia.

Namun tanggungjawab adalah keutamaan bagi mereka dalam memastikan negara tetap teguh, aman dan sejahtera daripada anasir-anasir luar. Bagi pegawai dan anggota yang sedang bertugas di kawasan operasi ketika lebaran,



mereka sedikit pun tidak menyesal atau mengeluh walau-pun terpaksa meninggalkan keluarga tercinta.

Malah, mereka berbangga dengan pengorbanan yang dilakukan demi memastikan kedaulatan tanah air terus terpelihara. Itulah erti pengorbanan seorang satria dan perwira negara yang mencurahkan keringat tidak kira masa dan jarak demi untuk mempertahankan kesejahteraan dan keamanan yang dinikmati kini

Pasukan keselamatan negara seperti Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, APMM dan Polis Diraja Malaysia merupakan

kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan keselamatan, khususnya mereka yang sedang bertugas menjaga keamanan dan keselamatan dari ancaman musuh negara.

Suasana hari raya adalah suasana riang gembira dan ceria kerana kejayaan kita menunaikan ibadah puasa selama sebulan dan kebebasan kita untuk makan dan minum semula di siang hari. Namun begitu disebalik perasaan gembira menyambut hari raya, pernahkah anda semua terfikir akan ada insan-insan yang berada disebalik tabir yang berkurban demi mempertahankan negara tercinta?

Kita juga perlu memperingati diri kita akan sumbangan pihak tertentu yang menyelamatkan kita sepanjang masa dengan menjaga keamanan dan keselamatan negara kita.

Satu Syawal takbir raya berkumandang dan ketika umat Islam meraikan Aidilfitri dalam suasana gembira, sebahagian besar anggota keselamatan tabah melaksanakan tanggungjawab mereka bagi memastikan kedaulatan negara terus terbelia. Belantara tebal, pulau dan lautan juga merupakan antara kawasan operasi pasukan keselamatan bagi memastikan sempadan negara tidak diceroboh oleh anasir-anasir luar.

Walaupun beraya jauh di perbatasan tanpa keluarga tersayang, anggota terlibat tetap setia menjalankan tugas

RENCANA

pasukan keselamatan yang cekap dan berdedikasi, bersikap profesional dan sedar akan tanggungjawab mereka. Kita dapat meraikan hari raya dengan selamat kerana di sempadan, di laut dan di udara dan tempat-tempat tertentu pasukan keselamatan kita sanggup menjalankan tugas mereka tanpa berehat dan bercuti meraikan hari raya bersama keluarga tercinta.

Mereka tetap amanah dan setia di dalam menjalankan tugas mereka dan bertungkus-lumus memastikan keamanan negara tidak tergugat oleh sebarang bentuk ancaman luar. Walaupun beraya jauh di perbatasan tanpa keluarga, mereka tetap menyambut hari raya. Mereka tetap membakar lemang, merebus ketupat, memasak rendang, menunaikan Solat Hari Raya secara berjemaah serta menjamu juadah kuih raya hasil sumbangan individu dan masyarakat.

Mereka turut diberi peluang untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya melalui media massa dan media cetak yang disediakan. Namun begitu, ternyata sumbangan dan penghargaan kita buat mereka tidak mencukupi jika hendak dibandingkan dengan pengorbanan mereka di dalam mempertahankan tanah air kita.

Di Malaysia hari ini kita wajar bersyukur kerana kehidupan terselamat daripada peperangan dan kebinasaan. Kita dapat merayakan Hari Raya Aidilfitri dengan sempurna. Kita selamat kerana berjaya dalam usaha menangkis pelbagai cubaan untuk merosakkan negara kita, menjadikan kita miskin, menjadikan kita pengejis yang meminta-minta pertolongan daripada orang asing yang tidak mempunyai niat baik terhadap kita tetapi janganlah kita fikir serangan ke atas kita tidak akan dilakukan lagi.

Jika kita tidak berjaga-jaga, tidak berusaha meningkatkan daya tahan serangan yang akan datang mungkin menewaskan kita. Oleh yang demikian, keupayaan ATM perlu diperkasa di segenap sudut demi menjadikan ATM sebagai sebuah organisasi yang relevan dan berwibawa. Aspirasi ini amatlah bertepatan, sesuai dengan peranan utama ATM sebagai benteng

utama kedaulatan negara. Bagi meralasikan aspirasi ini, ia memerlukan komitmen yang padu oleh semua peringkat warga ATM untuk menentukan maruah nusa dan bangsa sentiasa terpelihara sepanjang masa. Disamping itu, semangat setia kawan yang tinggi dan semangat juang yang kental perlu ada di sanubari setiap perwira dan perajurit ATM demi menjaga maruah



negara Malaysia yang tercinta ini.

Perjuangan ATM mempertahankan negara daripada sebarang ancaman merupakan satu wadah yang mesti ditunaikan dengan penuh rasa kejujuran dan keikhlasan bagi mempertahankan maruah dan kedaulatan negara dari sebarang ancaman. Kita sama sekali tidak mengharapkan sanjungan dari pada mana-mana pihak.

Hanya bagi kita yang sentiasa berada di dalam keselesaan dan menikmati kedamaian yang ada sekarang, jasa para perwira-perwira negara tidak kira di mana juga pun, sama ada mereka yang mengawasi persisiran pantai negara atau di perbatasan negara sentiasa diingati dan diiringi doa semoga selamat berjuang untuk bangsa dan negara.

Lihat bagaimana perajurit dan perwira negara yang terpaksa berjauhan daripada keluarga tercinta demi menggalas tanggungjawab mempertahankan perbatasan negara daripada pencerobohan musuh. Sudah pasti

mereka sedih dan sayu mengenangkan suasana bahagia berhari raya tanpa anak, isteri dan ahli keluarga.

Sungguh besar dan mulianya pengorbanan mereka. Sudah tentu mereka juga tidak dapat memakai pakaian serba cantik serta berwarna-warni pada pagi Aidilfitri nanti kerana kepentingan tugas. Atas prinsip besar lagi mulia mempertahankan tanah air, mereka sanggup melupakan seketika kegembiraan sambutan hari raya demi keselamatan kita semua.



Justeru, kita wajib bersyukur dan berterima kasih atas pengorbanan mereka. Kepada perajurit tanah air, kita doakan pengorbanan murni mereka itu menjadi ibadat yang memperoleh ganjaran terbaik di sisi Allah. Pengorbanan mereka itu adalah satu



jihad yang sangat disanjung oleh seluruh lapisan masyarakat. Disebabkan pengorbanan itu, maka rakyat mampu merayakan Aidilfitri dalam suasana penuh keceriaan dan kesejahteraan.

Demikian juga kepada doktor, jururawat, pembantu hospital serta kepada sesiapa sahaja yang terpaksa melupakan detik gembira bersama keluarga demi tanggungjawab terhadap kerja.





Bersyukur Dengan Keamanan Dikecapi - Tun Dr. Siti Hasmah

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Menteri Pertahanan Malaysia, Hj Mohamad Sabu menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Daripada Penyumbang Kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama isteri Perdana Menteri (PM), Tun Dr. Siti Hasmah Hj Mohamad Ali merangkap Yang DiPertua Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (KASIH) bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) pada 28 Mei 2019.

Dalam ucapan MENHAN beliau memaklumkan bahawa pengorbanan warga ATM dalam menentukan keamanan, kestabilan dan suasana harmoni warga Malaysia amat dihargai kerana para perwira dan para perajurit terus bertugas dalam suasana Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut nanti.

Sementara itu dalam ucapan balas



isteri Perdana Menteri (PM), Tun Dr. Siti Hasmah Hj Mohamad Ali meminta rakyat Malaysia sentiasa bersyukur dengan keamanan yang dikecapi dan mendoakan kesejahteraan pasukan keselamatan yang berkorban tanpa mengira masa.

Beliau turut berkongsi kenangan ketika melawat pasukan keselamatan negara yang bertugas di Konjic, Bosnia suatu ketika dahulu, di mana wira-wira negara yang bertugas di luar negara menjalankan tanggungjawab dengan penuh taat setia dan sering dipuji



kerana profesionalisme mereka.

"Kami cukup bangga melihat perajurit-perajurit negara yang berada di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjalankan tugas dengan sangat profesional dan pasukan keselamatan negara kita terkenal kerana mereka pandai membina hospital lengkap dengan doktor-doktor pakar," jelasnya lagi.

Pada tahun ini, ATM menerima sumbangan bernilai RM 1,452,900.00 daripada 53 agensi penyumbang yang terdiri daripada badan-badan korporat, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat swasta dan persatuan sukarela.

Daripada 53 agensi, 39 agensi telah menyumbangkan sumbangan berbentuk kewangan, manakala 14 agensi lagi menyalurkan sumbangan berbentuk barang.

ATM turut menerima sumbangan wang zakat yang disalurkan kepada Tabung Zakat ATM daripada Affin Islamic Bank Berhad sebanyak RM 500,000.00, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad sebanyak RM 350,000.00, Affin Hwang Investment Bank Berhad sebanyak RM 300,000.00 dan RM 300,000.00 lagi disumbangkan kepada Yayasan



Veteran ATM.

Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ATM turut membantu dengan menyumbangkan tenaga kerja bagi menyediakan 15,000 unit bungkus beg hari raya.

Terdahulu ketibaan isteri PM disambut oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin dan Ketua Setiausaha Kementerian

Pertahanan (KSU), Dato' Seri Mohd Zuki Ali.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang.

Agong Berbuka Puasa Bersama Warga ATM

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

KUALA LUMPUR: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Masjid Khalid Al-Walid pada 13 Mei 2019.

Ketibaan baginda dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah disambut Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu dan Panglima ATM, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin.

Majlis dimulakan dengan berbuka puasa dan selepas itu baginda menyertai hadirin terdiri dari 2000 anggota ATM dan awam menunaikan Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah.



Selain itu baginda turut menyampaikan sumbangan Ramadan kepada 50 pelajar Sekolah Tahfiz dan Anak Yatim ATM (STAY ATM).

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong

Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Sri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang.

Majlis Berbuka Puasa Kol YDP RRD Dan KPTD



KUALA LUMPUR: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail selaku Kol Yang DiPertua (YDP) Rejimen Renjer Diraja (RRD) dan Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) bersama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid berkenan mencemar duli ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Kol YDP RRD dan KPTD bertempat di Masjid Al-Fateh Kem Wardieburn pada 10 Mei 2019.

Terdahulu keberangkatan tiba Tuanku disambut oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Sri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di perkarangan masjid.

Selepas berbuka puasa baginda menyertai jemaah yang hadir terdiri dari 216 pegawai dan 364 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) untuk menunaikan Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih.

Raja Perlis berkenan mengurniakan cek bernilai RM 60,000.00

kepada Pengurus Yayasan Kol YDP RRD, Lt Jen Dato' Wira Mohd Zaki Hj Mokhtar (B) untuk disumbangkan kepada golongan Veteran Angkatan Tentera Malaysia, bala anggota tentera dan anak istimewa.

Turut hadir Pengurus RRD, Mej Jen Dato Md Din Hj Abu, Pengurus KPTD, Brig Jen Hj Mislan Anuar dan Menteri Besar Perlis, Dato' Sri Azlan Man. - **Sjn Saiful Fazley Rusli, Gambar: SSJn Vijay Gaundar Arikrishnan**

PTD Berbuka Puasa Bersama Warga PMB TD

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 500 warga Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMB TD) hadir dalam Majlis Berbuka Puasa bersama Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Masjid Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Sungai Besi pada 21 Mei 2019.

Sebaik ketibaan PTD, beliau disambut oleh Panglima Medan Barat TD (PMB TD), Lt Jen Datuk Azizan Md Delin lalu meluangkan masa berjumpa warga PMB TD.

Selepas berbuka puasa PTD menyertai jemaah yang hadir untuk menunaikan Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih.

Majlis diadakan bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim dan semangat kekitaan terutama dikalangan warga PMB TD dan mengambil berat akan kebajikan warga PMB TD.

Selain mengeratkan hubungan antara pemimpin dan anggota, majlis ini juga untuk meraikan pelajar Sekolah



Tahfiz Anak Yatim ATM (STAY ATM) yang mana dapat memberikan kemeriahkan buat pelajar-pelajar ini menyambut Ramadan.

Turut hadir, Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dan Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin.

Sultan Johor Iftar Bersama Warga GGK



JOHOR: DYMM Sultan Johor Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan berangkat berbuka puasa bersama 47 pegawai dan 420 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 21 Gerup Gerak Khas (GGK) di Kem Iskandar pada 17 Mei 2019.

Terdahulu, keberangkatan tiba Tuanku Sultan Ibrahim yang juga Kolonel Komandan GGK disambut Panglima 21 GGK, Mej Jen Datuk Hasan Ali.

Baginda turut menunaikan Solat Maghrib bersama warga 21 GGK di Masjid Iskandar, Mersing.

Turut mengiringi baginda ialah YAM Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim dan YAM Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim. - **Kapt Sirichai Manichorte, Gambar: SSJn Ahmad Norizam Jaafar**

PTD Berbuka Puasa Bersama Warga MK TD



KUALA LUMPUR: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menghadiri Majlis Berbuka Puasa Markas Tentera Darat (MK TD) bertempat di Masjid Khalid Al-Walid pada 15 Mei 2019.

Ketibaan PTD dan isteri di perkarangan masjid di sambut oleh TPTD, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah bersama KS TD, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi lalu dimulakan dengan berbuka puasa dan selepas itu PTD bersama warga MK TD menunaikan Solat Mahgrib, Isyak dan Tarawih berjemaah.

Turut hadir Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharudin dan SMR TD, PW1 Hayazi Abdul Aziz. - **SJn Saiful Fazley Rusli, Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang**



Sentiasa Kekal Berwaspada - PAT

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) hadir dalam Majlis Perjumpaan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin bersama warga MK ATM sempena Perutusan Hari Raya Aidilfitri di Auditorium Kementerian Pertahanan pada 30 Mei 2019.

Tujuan perjumpaan tersebut adalah untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan menyampaikan cenderahati kepada warga ATM serta menasihatkan kepada semua warga ATM sentiasa mengamalkan sikap berjimat cermat dalam perbelanjaan, sentiasa memandu dengan berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan sentiasa patuhi undang-undang.

Dalam perutusan PAT, beliau menyatakan bahawa warga ATM yang berpeluang untuk berhari raya di kampung halaman, raikanlah dengan penuh hikmah dan kegembiraan, eratkan tautan silaturahim kekeluargaan, persahabatan serta perpaduan.

"Kepada perwira dan perajurit yang bertugas, saya ingin berpesan supaya sentiasa kekal berwaspada terhadap sebarang kemungkinan dan ancaman serta meletakkan disiplin diri pada tahap tertinggi.



"Sesungguhnya khidmat bakti sahabat seperjuangan sekalian adalah besar yang sangat istimewa, disanjung tinggi oleh agama dan negara.

"Kerana khidmat bakti saudara saudarilah, maka rakyat seluruhnya dapat mengecapi nikmat hidup aman di bumi bertuah ini," ujar PAT.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Sri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut,



Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang.

Tabung Ihya' Ramadan Tahun 2019 Dilancarkan



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 1500 pegawai dan anggota Lain Lain Pangkat (LLP) dari ketiga -tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hadir dalam Majlis Pelancaran Tabung Ihya' Ramadan disempurnakan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin bertempat di Masjid Khalid Al-Walid pada 3 Mei 2019.



Acara tahunan yang dikoordinasikan oleh Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) ini adalah bertujuan bagi menimbulkan semangat suka menderma dikalangan warga ATM dan juga Kementerian Pertahanan.

Menyemarakkan program Ihya' Ramadan pada bulan Ramadan 1440H, pihak Tabung Zakat ATM turut menyampaikan sumbangan kepada 58 buah Masjid dan Surau Jumaat ATM serta Surau ATM dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 117,500.00.



Selain itu, Tabung Zakat ATM juga turut memberikan sumbangan sebanyak RM 40,000 kepada Sekolah Tahfiz Anak-Anak Yatim ATM (STAY ATM) bagi menampung segala keperluan mereka.

Majlis diteruskan dengan Perasmian Gerobok Rezeki, hasil ilham Pengurus KAGAT, Mej Jen Dato' Hj Kamarudin Hj Mamat dengan kerjasama Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) bertujuan membantu golongan asnaf kurang berkemampuan yang bermastautin sekitar kawasan kariah.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany.

Perbatasan Tema Raya Aidilfitri TD 2019



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: Ssjn Vijay Gaundar al Arikrishnan

KUALA LUMPUR: Seramai 10000 warga Tentera Darat (TD) dan keluarga hadir memeriahkan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 Peringkat TD bersama Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Kem Perdana Sungai Besi pada 15 Jun 2019.

Majlis berkonsepkan Hari Raya di Perbatasan bersesuaian dengan perlaksanaan TD pada tahun ini sebagai Tahun Latihan dan Penjajaran bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara semua warga TD.

Selain itu, ianya dapat memberi peluang kepada warga TD dan keluarga merasai suasana berhari raya di kawasan operasi yang disambut oleh anggota TD setiap kali bertugas di perbatasan pada hari raya.

Terdahulu, PTD menyambut ketibaan Menteri Pertahanan (MENHAN), Hj Mohamad Sabu bersama isteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong.



Hadirin yang hadir dapat menikmati juadah dari 36 buah gerai yang menyajikan pelbagai juadah hari raya dan turut dihiburkan dengan persembahan dari Badan Kesenian Tentera Darat, Band D'Amore, D' Elektras

dan Amplifire 24, Pasukan Drumline Muzik TD, pertunjukkan bunga api serta pelbagai pertandingan termasuk menganyam ketupat dan putting bola golf.





Selain itu pemberian duit raya kepada kanak-kanak yang hadir serta hadiah untuk beberapa acara pertandingan yang dilaksanakan telah disampaikan oleh PTD.

Turut hadir, Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, pegawai kanan TD dan mantan-mantan PTD.



PAT Beri Syarahan di ATD



Oleh: Kapt Syed Abdul Muiz Syed Mashor
Gambar: Kpl Mohd Hirzee Md Her

NEGERI SEMBILAN: Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin telah meluangkan masa ke Akademi Tentera Darat (ATD) bagi menyampaikan syarahan kepada Kursus

Orientasi Pertahanan (OPN) Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Siri 1/2019 di Auditorium Sebatang Karah, Kem Segenting pada 2 Mei 2019.

Syarahan yang disampaikan bertajuk *The Role Of Society In Defending Malaysia* memberi gambaran kepada penuntut berkenaan keadaan semasa strategik pertahanan di Malaysia dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pertahanan negara ini.

Selain itu, PAT turut menekankan pada setiap penuntut dengan semangat patriotisme serta kesedaran terhadap ancaman dalam dan luar negara pada zaman teknologi canggih ini.

Turut hadir Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Pengarah INTAN, Dato' Suriani Dato' Ahmad dan Komandan ATD, Brig Jen Dato' Abdul Aziz Hj Ismail.

Agong Lawat Tapak Cadangan Program Rumah SASaR

KUALA LUMPUR: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda YDP Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah, Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli ke tapak cadangan Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) di Sungai Besi pada 30 Apr 2019.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan wakil-wakil Panglima Perkhidmatan.

Program SASaR ini telah diperkenalkan pada tahun 2018 bertujuan membantu warga dan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk memiliki rumah sendiri, yang mana ianya merupakan sebahagian dari aspek kebajikan yang diperkenalkan ATM dalam meningkatkan tahap kualiti serta keselesaan hidup warga ATM terutamanya setelah menamatkan perkhidmatan nanti.

Sebagai permulaan, sebanyak 3,500 unit rumah bertingkat di bawah program ini akan dibina di kawasan seluas 23 ekar di Kem Transmitter, Sungai Besi dan unit kediaman ini diberi nama Residensi Satria Sungai Besi telah dibuka untuk pendaftaran bermula pada 18 Dis 2017 sehingga 18 Jan 2018 dirasmikan oleh Menteri Pertahanan pada ketika itu, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Pada ketika ini Residensi Satria

Sungai Besi telah memasuki fasa pra pembinaan dan dijadualkan memulakan proses pembinaan seterusnya pada penghujung tahun 2019 dimana jumlah permohonan yang diterima untuk projek pertama SASaR setakat ini adalah sebanyak 5,628 pemohon.

Kementerian Pertahanan turut merancang untuk memperluaskan lagi perlaksanaan program ini ke seluruh negeri di Malaysia melalui kerjasama strategik bersama pihak swasta dan kerajaan negeri serta merealisasikan hasrat kerajaan yang menyasarkan untuk membina 1 juta Rumah Mampu Milik dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun 2018 sehingga 2028. - MK ATM J7



Seminar SMR TD Tahun 2019

KUALA LUMPUR: Seramai 169 Sarjan Mejari Rejimen (SMR) dari pelbagai Kor Tentera Darat (TD) hadir dalam Seminar SMR TD Tahun 2019 disempurnakan Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bertempat di Auditorium

Kementerian Pertahanan pada 18 Jun 2019.

Seminar SMR TD Tahun 2019 adalah kesinambungan dari seminar yang pertama yang berlangsung baharu-baharu ini dan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan semua SMR dalam TD dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab terhadap tugas mereka.

Selain itu, seminar ini disusuli dengan penyampaian kompilasi Buku Dari Meja Panglima Tentera Darat (DMPTD) kepada SMR-SMR Kor dan Formasi.

Majlis diteruskan dengan syarahan yang disampaikan oleh Ketua Staf Tentera Darat, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi dan syarahan kedua disampaikan oleh Pegawai Staf 1 Cawangan Sumber Manusia (CSM), Lt Kol Md Zaini Osman bertajuk Peranan SMR dalam Pembangunan Sumber Manusia Tentera Darat. - **Kpl Mohd Zulkifli Awang**



Raja Muda Perlis Lawat Kawasan Operasi

SABAH: Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Perlis, Brig Jen Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail selaku Komander Rejimen 504 Askar Wataniah melakukan lawatan ke pulau-pulau di Semporna yang melibatkan kawasan operasi oleh pasukan keselamatan pada 20 Mei 2019.

Baginda dan delegasi telah melawat ke Pulau Siamil dan Pulau Manampalik serta disambut oleh Ketua Penempatan daripada 17 RAMD (Para) yang merupakan kawasan operasi Tentera Darat.

Manakala di Pulau Omadal, baginda disambut oleh Pegawai Memerintah Batalion 14 PGA yang mana

merupakan penempatan keselamatan oleh pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melalui Op TARING.

Terdahulu, lawatan ini yang lebih dikenali sebagai Eksesais PERBAH merupakan satu siri eksesais yang dirasmikan oleh Raja Muda Perlis dan merupakan singkatan perkataan Negeri Perlis dan Sabah.

Eksesais ini berkonsepkan jiwa murni serta bertujuan untuk meneruskan kesinambungan aktiviti di kawasan operasi dengan keprihatinan dan komitmen Kerajaan Negeri Perlis dengan Kerajaan Negeri Sabah.

Antara aktiviti eksesais adalah menyelami cabaran tugas gerakan oleh pasukan keselamatan di pulau-pulau yang merupakan sebahagian daripada penempatan Op PASIR Selatan.

Kehadiran Raja Muda Perlis ini memberi semangat dan moral kepada anggota yang sedang bertugas dan baginda turut menyampaikan sumbangan kepada semua anggota bertugas dan penduduk tempatan.

Dalam titahnya, baginda menyeru agar anggota keselamatan sentiasa berwaspada kerana musuh akan datang dalam pelbagai cara.

Selain itu baginda turut mengingatkan tentang peranan dan komitmen oleh setiap warga ATM bersama agensi-agensi keselamatan yang lain amat penting sekali untuk menjamin keselamatan di kawasan operasi.

Turut menyertai eksesais, Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Panglima ATB 2, Brig Jen Dato Zarondin Md Amin, Tim Komander Rej 504 AW, Lt Kol Mohamad Zaidi Ishak serta delegasi dari SUK dan Kerajaan Negeri Perlis. - **Lt M Nur Faeezah Izzati Ahmad Rusli**





Program NAIM Peringkat Kementerian Pertahanan

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Program Nadwah Ilmiah (NAIM) – Rahmatan Lil Alamin Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2019 telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan (MENHAN), Hj Mohamad Sabu diiringi Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima

Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 3 Mei 2019.

Seramai 1,000 peserta terdiri dari pegawai dan anggota dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM, pegawai awam Kementerian Pertahanan, peserta jemputan dari agensi penyuatuasa serta agensi agama terlibat dalam program ini di mana dalam Sesi

Townhall telah dikendalikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof.

NAIM merupakan satu program berbentuk kolokium ilmuan anjuran bersama Jabatanarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertemakan Penghayatan



Konsep Rahmatan Lil Alamin (*Mercy To All Creations*) berpaksikan Maqasid Syariah yang bermaksud tuntutan dalam kehidupan manusia untuk menjaga lima teras utama seperti Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta.

Objektif program ini bertujuan untuk memperkasakan barisan kepimpinan agensi keselamatan dari sudut pemahaman dan penghayatan Maqasid Syariah serta

meningkatkan imej Kementerian Pertahanan dan ATM dalam menyuburkan nilai integriti yang konsisten melalui kekuatan medium Maqasid Syariah.

Selain itu untuk mengeratkan hubungan dan menyuburkan sifat kerjasama antara ATM dengan lain-lain agensi beruniform dalam negara demi kepentingan dan kecemerlangan organisasi serta menyemarakkan wacana minda



bagi persefahaman untuk kepentingan bersama antara pihak kerajaan dan warga Kementerian Pertahanan.

Seterusnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyerahkan Profil Maqasid Syariah dan Tadbir Urus Negara kepada MENHAN sebagai garis panduan kepada kementerian dalam melaksanakan urusan pentadbiran Negara mengikut konsep berlandaskan Maqasid Syariah.

Turut hadir Ketua Setiausaha, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hj Mohamad Nordin Ibrahim, Mufti Negeri Kelantan, Sahibus Samahah Dato' Paduka Hj Mohamad Shukri Mohamad, Pengarah JAWI, Tuan Hj Mohd Ajib Ismail serta panglima perkhidmatan.





Hari Wanita TD Ke-54

Oleh : Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Seramai 500 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat wanita Tentera Darat (TD) dari pelbagai kor hadir dalam Majlis Sambutan Hari Wanita TD Ke-54 dirasmikan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Auditorium Wisma Pertahanan pada 11 Apr 2019.

Majlis sambutan ini berkonsepkan seminar sebagai salah satu usaha menambah pengetahuan wanita TD berkenaan tanggungjawab wanita yang bermotivasi, mementingkan penjagaan kesihatan mental dan berpengetahuan terutamanya berkenaan perkhidmatan wanita.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menyelaras dan mengkoordinasikan aspek pentadbiran bagi Majlis Sambutan Hari Wanita TD Ke-54.

Pada masa itu, satu pelan strategik di mana empat objektif utama sedang dirangka iaitu membangunkan sahsiah diri wanita TD yang berilmu, berkemahiran, berketrampilan dan

memenuhi keperluan profil TD serta memperkuatkannya kedudukan wanita TD.

Bagi objektif ketiga pula ialah meningkatkan pengurusan kebajikan

dan kualiti hidup wanita TD, manakala yang terakhir adalah memperkasakan pengurusan kerjaya wanita TD.

Dalam ucapan PTD, beliau mahukan kajian terperinci dilaksanakan





dan perkhidmatan.

"Maka majlis ini adalah simbolik penghargaan TD terhadap warga wanita dimana tema sambutan Hari Wanita bagi tahun ini adalah Wanita Bersama Pembangunan TD," kata PTD. Tambahnya lagi, beliau berharap agar wanita TD terus gigih menggalas amanah yang diberi demi memartabatkan lagi kecemerlangan TD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan, Ketua Staf Markas TD, Mej Jen Dato' Zakaria Hj Yadi dan Pengarah Tenaga Kerja Bahagian Perkhidmatan Anggota merangkap Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita TD, Brig Jen Suriakala Suriabagavan.





PTTK Tulang Belakang Keutuhan TD - PTD



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

KUALA LUMPUR: Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menyempurnakan Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) Pegawai Tak Tauliah Kanan (PTTK) sempena Hari Tentera Darat Ke-86 di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 12 Apr 2019.

Majlis yang penuh istiadat ini merupakan adat serta budaya rejimental yang diamalkan sejak sekian lama bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang telah terjalin di antara mantan Sarjan Mejor Rejimen (SMR) TD bersama PTTK walaupun mereka telah bersara.

Majlis dimulakan dengan acara bergambar dan

seterusnya PTD menyampaikan penghargaan kepada tim penembak serta atlet TD di atas kejayaan mereka mengharumkan nama TD.

Dalam ucapan PTD, beliau menghargai kehadiran mantan SMR TD di mana ianya melambangkan hubungan dengan TD tetap abadi dan tetap segar.

"PTTK merupakan elemen penting yang menyumbang kepada pencapaian matlamat TD, sesungguhnya tanpa komitmen PTTK khususnya SMR, tidak mungkin TD dapat bergerak dan bertindak sebagai satu ketumbukan.

"Menguatkuasakan arahan dan dasar TD serta membantu pegawai atasan dalam menjayakan visi dan misi perkhidmatan, di samping menjaga dan meningkatkan tahap disiplin anggota adalah tanggungjawab hakiki yang besar.

"Kesimpulannya, PTTK dilihat sebagai Tulang Belakang





Keutuhan TD dan cabarannya untuk terus kekal sebagai tulang belakang yang mantap," tegas PTD.

Selain itu, beliau merumuskan bahawa PTTK berada di tahap yang relevan dengan kursus kepakaran yang telah dihadiri mengikut prosedur pelaksanaan tugas yang telah digariskan oleh TD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima Brigid Artilleri Roket merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Brig Jen Zulkefale A Rahman, SMR TD, PW I Hayazi Abdul Aziz serta mantan-mantan SMR TD.



Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: SSjn Vijay Gaundar
Arikrishnan

MELAKA: Seramai 20 pegawai kanan dari pelbagai Kor Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD yang disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Serbaguna Terendak pada 2 Apr 2019.

Pemakaian pangkat didahului oleh Lt Kol Jafri Sulaiman yang dinaikkan pangkat daripada Lt Kol ke Kol dan menjawat jawatan sebagai Kol Latih Markas Pemerintahan Medan Barat TD serta Lt Kol (Dr) Aeriza Dato' Mohd Yusak dipakaikan pangkat yang sama dan menjawat jawatan sebagai Pegawai Memerintah, Hospital TD Kem Syed Sirajuddin.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada 18 pegawai kanan yang dinaikkan pangkat dari Mej ke Lt Kol.

Dalam ucapan PTD, beliau menyatakan bahawa amanah yang lebih besar lazimnya diiringi tuntutan serta



dugaan yang lebih mencabar dan sejauh mana amanah baharu mampu dijunjung terletak pada diri sendiri.

"Sebagai pemimpin, kitalah yang mencorakkan segala perancangan, strategi dan sebagainya di mana staf atau anggota hanya mengikut arahan dan panduan.

"Semoga kita sama-sama

menggalas amanah yang diberi dengan penuh komited, jujur dan ikhlas," kata PTD.

Turut hadir Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Badrul Hisham Muhammad.

Bedah (Jab Bedah) Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Lt Kol Abdul Aziz Samsi@Hj Shamsudin menjawat jawatan Ketua Kumpulan KP, Markas Pemerintahan Logistik TD dan Al-Hambra Juhar dinaikkan ke pangkat Kol Sukarela AW serta menjawat jawatan sebagai Komander Rej 507 AW.

Manakala seramai 19 pegawai kanan termasuk Pegawai Sukarela AW dinaikkan pangkat dari Mej ke Lt Kol.

Dalam ucapan PTD, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai yang dinaikkan pangkat kerana ianya kurniahan Ilahi serta berkat hasil kegigihan, integriti dan sifat terpuji yang konsisten yang mana ketiga-tiga aspek tersebut adalah antara ciri-ciri asas bagi pemimpin.

"Sebagai pegawai kanan yang memimpin anggota bawahan, saya berharap saudara-saudari dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing agar TD akan menjadi lebih harmoni dan cekap," tegas PTD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan. - **Saifun Hakimi Zainon.**



KUALA LUMPUR: Seramai 25 pegawai kanan Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Tanjung, Wisma Transit pada 9 Mei 2019.

Mendahului senarai, Kol Mohd Halim Khalid yang dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Panglima 6 Bgd, Kol

Mohd Nazri Abd Rahman dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Panglima 1 Bgd, Kol Azman@Norazman Selamat dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Provos Marsyal Darat.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada tiga pegawai kanan yang dinaikkan pangkat daripada Lt Kol ke Kol didahului oleh Lt Kol (Dr) Ngoo Kay Seong yang menjawat jawatan sebagai Pakar

Tiada Jalan Singat Untuk Berjaya - PTD



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 47 pegawai kanan Tentera Darat (TD) dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Zulkifeli Zin, Wisma Perwira TD pada 10 Apr 2019.

Mendahului sena-



untuk terus berkhidmat dengan lebih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

"Saudara-saudari hendaklah menentukan anggota bawahan masing-masing mempunyai pemikiran membudayakan latihan fizikal, mental dan rohani sebagai gaya hidup tentera, justeru hayatilah Perintah Ulung PTD, amalkan ASAS dan jadikan coretan Dari Meja PTD sebagai panduan, tiada jalan



rai, Kol Profesor Ir. Dr Norazman Mohamad Nor yang dinaikkan pangkat daripada Kol ke Brig Jen dan menjawat jawatan sebagai Pensyarah di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada empat pegawai kanan dinaikkan pangkat daripada Lt Kol ke Kol didahului oleh Lt Kol Norazman Ismail yang menjawat jawatan sebagai Ketua Staf, Markas Artilleri Div 2 Div, Lt Kol (Dr) Meor Adzhary Sagiruddin menjawat jawatan sebagai Kol Perubatan, MK

Pemerintahan Medan Timur TD, Lt Kol Dzeidee Schaff Jamaludin menjawat jawatan sebagai Ketua Perhubungan Luar, Bahagian Staf Perisikan Pertahanan dan Lt Kol Profesor Madya (Dr) Khairol Amali Ahmad menjawat jawatan sebagai Pensyarah UPNM.

Manakala seramai 42 pegawai kanan dinaikkan pangkat dari Mej ke Lt Kol.

Dalam ucapan PTD, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai yang dinaikkan pangkat dan berharap ini adalah pemangkin

singkat untuk berjaya dan menjadi Tentera Darat kelas pertama.

"Sebagai pegawai kanan yang memimpin anggota bawahan, saya berharap saudara-saudari dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing agar TD akan menjadi lebih harmoni dan cekap," tegas PTD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan.



Lt Kol (PKO) Hj Mohamad Jamian
Hj Samuri

CPP 91 DPOD

Nadi Percetakan Buat ATM

Mungkin ramai dikalangan warga tentera tidak mengetahui bahawa Kor Ordnans Diraja mempunyai satu pasukan atau cawangan yang merupakan nadi dari aspek percetakan buat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khasnya dan Tentera Darat (TD) amnya yang mana cawangan ini merupakan pusat percetakan terbesar yang dimiliki oleh TD dalam penghasilan *backdrop*, *streamer*, buku aturcara dan pelbagai lagi material.

Setiap hari warga tentera pasti menggunakan pelbagai jenis Borang Angkatan Tentera (BAT) yang diwartakan tidak kira dari mana-mana kor dalam TD sam ada di pejabat mahupun penempatan kem-kem tentera dan begitu juga dengan buku-buku serta aturcara majlis rasmi TD. Pernahkah mereka terpikir dari mana serta bagaimana bahan-bahan tersebut dikeluarkan. Pasti ada mereka disebalik tabir yang berusaha keras menentukan segala keperluan ATM dan TD berjalan lancar seperti yang dikehendaki oleh perkhidmatan.

Bagi mengetahui lebih lanjut berkenaan pasukan ini, ikutilah **wawancara Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia, SSjn Nor Rizam Hamad dan Jurugambar**

BTDM, Saifun Hakimi Zainon dengan Cawangan Perkhidmatan Percetakan 91 Depot Pusat Kor Ordnans Diraja (CPP 91 DPOD).

Mengimbas sejarah awal penubuhan CPP 91 DPOD, ia ditubuhkan pada 1 Apr 1964 (beroperasi penuh 12 Jun 1964) bertempat di Kementerian Pertahanan dengan nama asalnya Pasukan Cetak Angkatan Tentera (PCAT). Pada ketika itu Jabatan Percetakan Negara (JPN) bermurah hati membekalkan dua buah mesin cetak jenis Rotaprint R 20 dan R 30 serta sebuah mesin potong kertas berukuran 36 inci jenis Nebiohio Tne - 90. Kemudiannya pada tahun yang sama juga Kor Lengkap telah melantik Mej Lopez dari Tentera British menjadi Ketua Cetak pertama untuk mengendalikan kerja-kerja percetakan.

Pada tahun 1967, Pasukan Cetak dipindahkan dari Kementerian Pertahanan ke Kem Batu Kentonmen di Bangunan Semak Stok dan ia sekali lagi dipindahkan pada tahun 1968 ke Bangunan BKK hingga sekarang di bawah pentadbiran 91 DPK (kini 91 DPOD). Bagi meneruskan kerja-kerja cetakan untuk ATM, TD dan KEMENSAH, khasnya cetakan dalam skala (guna sama) dan luar skala dengan nama baharu Cawangan Cetak 91 Depot Pusat



Kol Hj Mohd Athiyah Hj Hassan

Ordnans (CCDPO). Kemudian pada tahun 2010 selaras dengan perjawatan baharu 91 DPOD, CCDPO ditukar nama sekali lagi kepada Cawangan Perkhidmatan Percetakan

91 DPOD hingga sekarang. Segala urusan pentadbiran diletakkan dibawah 91DPOD dan arahan kerja percetakan di bawah Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat dan jawatankuasa induk percetakan borang ATM.

Menurut Ketua Perkhidmatan Percetakan 91 DPOD, Lt Kol (Pko) Mohamad Jamian Hj Samuri, visi utama CPP 91 DPOD adalah untuk menjadi satu unit percetakan yang terbaik dengan teknologi yang terkini dalam menyampaikan bantuan Ordnans dalam memenuhi kehendak pelanggan selain turut menghasilkan

perkhidmatan percetakan untuk pelanggan dengan kualiti yang terbaik, dalam masa yang telah ditetapkan dan kos yang paling jimat.

Tambahnya lagi, CPP 91 DPOD mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri iaitu di masa aman mereka melaksanakan kerja-kerja percetakan Dalam Skala iaitu memenuhi keperluan cetakan Borang Angkatan Tentera (BAT) guna sama TD, TLDM dan TUDM yang telah diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Induk Percetakan Borang ATM

pada setiap tahun ke tahap 100%. Manakala Luar Skala ialah memenuhi keperluan cetakan untuk kegunaan ATM khasnya unit-unit TD ke tahap 100% dan Luar Jadual (Dalam Skala) iaitu proses cetakan sama seperti Dalam Skala, keperluan tida dalam rancangan jadual asal cetakan tahunan dan diluluskan oleh MK PLTD ke tahap 100%.

Semasa perang atau darurat, cawangan ini melaksanakan percetakan propaganda seperti poster, pamphlet, risalah, laporan khas sebagaimana yang diarahkan oleh ATM, selain mencetak borang ATM/Awam (BATM) yang digunakan oleh TD, ATM dan KEMENTAH.

Proses Percetakan

Proses untuk menghasilkan sesuatu percetakan di cawangan ini telah dipecahkan kepada empat sel iaitu Sel Pentadbiran yang bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran di Cawangan Perkhidmatan Percetakan



PROFIL PASUKAN


termasuklah penyediaan Jadual Percetakan, Laporan Bulanan, Penyelenggaraan Mesin Cetak, Rancangan Perolehan Bahan-Bahan Percetakan, Pengurusan Stor dan Kemasukan Data Ke Sistem CODIMS (*Central Ordnance Depot Management System*).

Bagi Sel Perancangan dan Proses ia bertanggungjawab untuk merancang kerja-kerja percetakan yang telah diluluskan oleh Ketua CPP termasuk reka bentuk dan kawalan kualiti yang dibahagikan kepada Seksyen Atur Huruf, Seksyen Fotografi dan Seksyen Pembuatan Plate Cetak. Sel Percetakan akan melaksanakan kerja cetakan dan dibahagikan kepada Seksyen Percetakan Am melibatkan cetakan Borang ATM/Luar Skala dan Seksyen Percetakan Berdarjah melibatkan cetakan RAHSIA/RAHSIA BESAR/LAPORAN KHAS dan akan dipantau sendiri oleh wakil BSPP/ATCK atau Wakil Pengguna.

Sel Penjilidan pula bertanggungjawab untuk kerja-kerja sebelum proses percetakan dan selepas proses percetakan. Ia dibahagikan kepada Seksyen Mesin iaitu membuat kerja pemotongan kad atau kertas yang hendak dicetak dan lepas dicetak untuk dibuat jilidan mengikut jenis jilidan serta Seksyen Penyelesaian iaitu membuat kerja penjilidan tangan atau menggunakan mesin.

Kepakaran dan Kemahiran Anggota CPP 91 DPOD

Setiap anggota di dalam Cawangan Perkhidmatan Percetakan memainkan peranan yang penting di dalam



memastikan kelancaran bantuan perkhidmatan percetakan. Oleh yang demikian pendedahan terhadap mesin dan peralatan percetakan yang terkini seiring dengan perkembangan teknologi percetakan dengan menghantar anggota mengikuti latihan dari semasa ke semasa sama ada di Institut awam atau swasta amatlah perlu demi meningkatkan tahap kemahiran anggota.

“Semua pegawai dan anggota LLP yang bertugas di cawangan ini diwajibkan mempunyai Diploma dan Sijil Kemahiran dari Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia

(ILJTM) Kementerian Sumber Manusia atau Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPBM) atau agensi yang diiktiraf oleh kerajaan.

Jenis kemahiran yang ada pada pegawai dan LLP juga mengikut bidang tugas mereka seperti *Techincal Off Set Machine Two and Four Colour, Techincal Off Set* Senggaraan Mesin Cetak, Juruteknik Percetakan Perindustrian, Jurucetak *Lithografik* (SKM Tahap 1 dan 2), *Lithografik Offset* (SKM Tahap 3), *Printing Assistant Production Manager* (DKM Tahap 4) dan *Printing Production Manager*



(DKM Lanjutan Tahap 5),” kata Pegawai Pemerintah Pusat Percetakan.

Selain itu anggota CPP 91 DPOD turut menghadiri Kursus Peningkatan Kemahiran Pengendalian Mesin Percetakan dan Penyelenggaraan Kecil yang dilaksanakan dengan kerjasama *Print Media Academic* Jerman/Malaysia dengan tempoh latihan seminggu melibatkan anggota yang telah memiliki SKM Tahap 2. Ia bersesuaian apabila cawangan ini telah menerima mesin baharu CTP bernilai hampir satu Juta pada tahun ini dan untuk tahun 2020/2021,



perancangan untuk perolehan mesin teknologi 4.0.1 bagi menggantikan mesin lama telah ditaja dan mendapat sokongan dari kepimpinan tertinggi TD.

Pengiktirafan

CPP 91 DPOD adalah satu-satunya unit cetak yang terdapat di dalam ATM dan antara yang terdapat di Jabatan Percetakan Kerajaan yang pernah diberi pengiktirafan Persijilan MS ISO : 9001 : 2000 dalam Pengurusan Percetakan pada tahun 2004 dan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2010 hingga 2016. Cawangan ini juga telah menggunakan Prosedur Kualiti *Malaysia Army Standards* (MAST) iaitu Pengurusan Percetakan mulai 1 Mac 2017 hingga sekarang dalam operasi kerja cetakan.

Setiap tahun borang maklumat pelanggan akan dimajukan kepada pucuk pimpinan tertinggi ATM dan TD untuk menilai tahap perkhidmatan dan kualiti cetakan yang di laksanakan oleh CPP 91 DPOD.



PW I Daman Huri Ahmad Ibrahim



PROFIL PASUKAN



Kesimpulan

Secara keseluruhannya CPP 91 DPOD merupakan cawangan yang begitu rapat dengan setiap organisasi yang terdapat dalam perkhidmatan ATM yang mana cawangan ini merupakan nadi dari aspek percetakan. Di zaman yang serba moden, cawangan ini tidak harus ketinggalan dari aspek pemilikan mesin-mesin pencetak terkini kerana impak pengeluaran sesuatu benda yang dicetak itu sedikit sebanyak dapat mengharumkan nama TD dan juga ATM.

Biarpun jasa anggotanya bukanlah seperti diperbatasan negara, tetapi tanpa mereka yang mahir di bidang percetakan tidak mungkin sesuatu cetakan itu berhasil. Walaupun mempunyai kekangan dari aspek kewangan, anggota dan mesin, khidmat yang diberikan tetap berkualiti yang mana sehingga kini Cawangan



Percetakan Perkhidmatan 91 DPO ini terus menjadi kebanggan KOD dalam memberi perkhidmatan percetakan untuk ATM, TD dan KEMENTAH.



Logo dan Moto



Tepat - Bermaksud tepat dari segi ketepatan warna mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan hasil cetakan mengikut masa diperlukan oleh pihak pengguna.

Berkualiti - Bermaksud produk cetakan yang dihasilkan berkualiti tinggi setaraf dengan agensi percetakan luar dan memenuhi kehendak pengguna.

Tiada Pembaziran - Bermaksud setiap kerja cetakan hendaklah dirancang dengan teliti dan seminima kos penggunaan bahan-bahan percetakan.

Lambang 8 putaran cylinder Machine - Bermaksud kerjasama dalam satu kumpulan teras kejayaan, jika salah satu putaran *cylinder Machine* tidak berfungsi akan menyebabkan proses cetakan tidak dapat dilaksanakan dengan tepat dan berkualiti.



Taraf Pendidikan Penting Demi Kejayaan

Nekad Mahu mengubah kehidupan



Kalaupun tidak dipecahkan ruyong manakan dapat suguhan dan banyak lagi ruyong yang perlu dipecahkan demi kejayaan. Pepatah bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian sentiasa tersemat disanubari SSjn (B) P.Nagarajan M. Ponniah seorang veteran tentera dan usahawan yang kini menjadi Pakar Perunding serta Pelatih dalam bidang industri Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Safety and Health. Bagi mengetahui kisah lanjut beliau, ikuti Wawancara **Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan dan Jurugambar, Sjn Saiful Fazley Rusli** dengan beliau.

Usaha dan kegigihan SSjn (B) P.Nagarajan M. Ponniah bermula sejak beliau mula menceburkan diri ke dalam ketenteraan yang mana terdetik disanubarnya bahawa taraf pendidikan itu amat penting bagi membolehkan seseorang itu untuk berjaya dan meningkat. Prinsip yang dipegang sejak berkhemat dengan ATM banyak membantu SSjn (B) P.Nagarajan untuk berjaya. Kejayaan bukan datang bergolek, bahkan ia mesti disusuli dengan iltizam yang tinggi demi mencapai cita-cita yang disasarkan.

Mengimbas keperibadiannya, SSjn (B) P.Nagarajan M. Ponniah, 59,

dilahirkan di kampung Permatang Tinggi Simpang Ampat pada 15 Apr 1960 dan merupakan anak ketujuh dari 10 orang adik beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Permatang



Tinggi dan melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Simpang Ampat, Seberang Prai sehingga tamat tingkatan Tiga serta memiliki Sijil Rendah Pelajaran (SRP) sahaja.

Beliau mula menceburkan diri dalam Angkatan Tentera Malaysia

(ATM) pada 22 Jan 1979 dan menjalani Latihan Asas Rekrut di Rejimen Ke-3 Artilleri (Pasukan 3 Meriam) di Kamunting, Perak selama enam bulan. Setelah tamat Latihan Asas Rekrut beliau ditempatkan di C Bateri Rejimen Ke-3 Artilleri. Hasrat menyambung pengajian tercusus setelah tamat latihan rekrut dan dihantar ke kawasan operasi berhampiran sempadan Thailand ketika usianya 18 tahun.

"Keadaan ketika semasa operasi sangat susah dan atas semangat yang tinggi membuatkan saya terfikir menyambung pelajaran supaya mendapat kehidupan yang lebih baik kelak," kata SSjn (B) P.Nagarajan M. Ponniah.

Berkat kesabaran dan semangat yang gigih SSjn (B) P.Nagarajan telah menyampaikan hasrat hatinya ingin menyambung pelajaran kepada pegawai atasannya iaitu Bateri Comander, Mej Ahmad Daud dan Bateri Sarjan Mejar C Bateri, Pegawai Waren II Wong. Beliau berasasib baik kerana mendapat sokongan dari pegawai atasan dan berpeluang menduduki semula peperiksaan SRP di sebuah sekolah di Pokok Asam pada tahun 1980 sebagai calon persidirian dengan bantuan Pusat Pendidikan Wilayah di Taiping Garison sehingga memperolehi Pangkat B.



Perasaan gembira sukar digamarkan pada waktu itu kerana setelah enam kali menduduki peperiksaan, akhirnya beliau lulus dan kemudian ditugaskan sebagai kerani serta bertanggungjawab melakukan tugas untuk pegawai atasan. Pada tahun 1981 beliau ditukar ke Kuala Lumpur dan ditempatkan di Jabatanarah Artilleri, namun hasratnya untuk belajar tidak terhenti setakat itu sahaja.

"Saya berjumpa dengan Pengarah Artilleri pada ketika itu iaitu Kol Abu Bakar Salleh dan menyuarahkan hasrat untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). "Dengan sokongan beliau saya dapat meminjam buku-buku rujukan dari Perpustakaan ATM di MinDef dan mengambil kelas pada waktu malam serta boleh diibaratkan umpama kelawar pada waktu itu kerana terpaksa menghadiri kelas sehingga lewat malam.

"Akhirnya saya boleh tersenyum kerana usaha saya selama ini berbaloi apabila berjaya memperolehi keputusan cemerlang iaitu Pangkat Satu dalam SPM," jelas beliau.

Menurutnya, setelah mendapat keputusan cemerlang, beliau kemudiannya ditawarkan untuk menjadi

1987 dengan bantuan Kol Abu Bakar Salleh beliau telah menukar ke Kor Perkhidmatan Am (Pendidikan) dan mendapat latihan sebagai Jurulatih Pelajaran di Pusat Latihan Tentera Darat LATEDA, Port Dickson. Setelah tamat latihan sebagai Jurulatih Pelajaran beliau ditempatkan dalam pasukan Batalion Ke-2 Hospital Angkatan Tentera Kem Kinrara, Selangor sebagai Pegawai Pelajaran.

Selaku Pegawai Pendidikan Pasukan, beliau bertanggung-jawab kepada pihak atasan untuk mempertingkatkan taraf pendidikan kepada semua peringkat pegawai dan anggota dalam pasukan. Beliau juga pernah ditugaskan sebagai Pegawai Pelajaran Markas Staf Stesen Kem Sungai Buloh, tenaga pengajar bagi kelas SPM di Markas 11 Briged, Pegawai Pelajaran Markas Wilayah II Tentera Laut Diraja Malaysia di Labuan dan Pegawai Pelajaran

Tentera Udara Diraja Malaysia juga di Labuan.

Sebelum besar dari ATM, pada tahun 1989 beliau menyambung



pegawai tentera tetapi menolaknya kerana berminat mendidik anak bangsa terutama dalam kalangan anak anggota tentera. Pada 27 Ogos





pengajian di Universiti Malaya dalam bindang Kaunseling dan pada 21 Jan 2001 beliau menamatkan perkhidmatan sebagai Pegawai Pelajaran Pasukan Batalion Ke-8 Rejimen Renjar Diraja (Para). Dalam tempoh perkhidmatan beliau banyak melibatkan diri dalam penambahbaikan produk dan perkhidmatan pendidikan yang mana beliau sering terlibat dalam mempertingkatkan tahap pendidikan anggota pasukan.

Kebijaksanaan beliau sebagai Pegawai Pelajaran Pasukan meletakan beliau setanding dengan profesional perguruan di Kementerian Pelajaran. Dalam aspek sosial, beliau memiliki personaliti yang amat membanggakan dan merupakan seorang yang berdidikasi, komited dengan tugas, berkarsma, pemimpin yang serba boleh dan sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme ke arah kecemerlangan organisasi yang mana sentiasa mentitik beratkan soal moral dan kebajikan anggota bawahannya.

Di atas kecemerlangan dan kesungguhan yang ditunjukkan, beliau telah dianugerahkan Sijil Khidmat Cemerlang ATM pada tahun 1995. Beliau terus menyumbang kemahiran dan ilmunya kepada warga veteran tentera sehingga beliau membangun dan menjadi pengasas Persatuan Bekas Angkatan Tentera India Malaysia (PERIM).

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Anjala Devi A.V. Chinniah serta mendapat empat orang cahaya mata yang membanggakan dirinya kerana anak sulungnya telah menjadi seorang Doktor Perubatan manakala dua anaknya menjadi Pegawai Jurutera di Astro dan seorang lagi masih belajar dalam bidang perundangan.

Kini SSjn (B) P.Nagarajan M.Ponniah adalah seorang usahawan yang berjaya dan menjadi Pakar Perunding dan Pelatih dalam bidang industri Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Safety and Health serta mempunyai sebuah syarikat Worldwide NASTRAK Global Resources. Beliau mempunyai seramai 37 pelatih untuk menganjurkan pelbagai kursus yang berkaitan dengan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Safety and Health serta Leadership Program kepada pengurus-pengurus syarikat dan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Safety and Health officer.

Sebelum mengakhiri bicara beliau berpesan dan berharap agar warga TD kini yang masih berkhidmat atau bersara agar meningkatkan diri dengan menambahkan ilmu di dada serta meningkatkan taraf pendidikan bagi membolehkan mereka mengubah kehidupan pada masa akan datang.

PERBARISAN TAMAT LAT

PERAJURIT MUDA TENTERA DARA

22 JUN 2019



TD PERLU MERLU MEREKA YANG BERJIWA BESAR - PTD

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini
Gambar: SSjn Vijay Gaundar,
Sjn Saiful Fazley dan Hakimi Zainon

NEGERI SEMBILAN: "Profesional ketenteraan adalah sinonim dengan kedaulatan tanah dan sebagai benteng pertahanan negara, Tentera Darat (TD) perlu didokong oleh mereka yang berjiwa besar serta merelakan diri untuk berkorban demi kepentingan nusa dan bangsa," kata Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dalam ucapan beliau

semasa Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda Lelaki Siri 188/2018 di Padang Kawad Pusat Latihan Asas TD (PUSASDA), Port Dickson pada 22 Jun 2019.

Seramai 1727 Perajurit Muda (PM) berjaya menamatkan latihan pada kali ini yang mana mereka telah menjalani latihan selama enam bulan bermula dari 23 Nov 2018 lalu dan sepanjang latihan yang dilaksanakan PM dibentuk agar mempunyai keperibadian

ketenteraan, kekuatan mental dan juga fizikal.

Latihan ini juga dibahagikan kepada beberapa komponen utama meliputi pembinaan karakter, pengetahuan am ketenteraan, latihan jasmani, pengendalian senjata, latihan kemahiran perang disamping pengukuhan kepada aspek kerohanian kepada mereka yang beragama Islam dan kelas Moral kepada yang bukan beragama Islam.

TIHAN

T SIRI 188/2018

TEMPAT L



Terdahulu ketibaan PTD disambut oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah bersama Komandan PUSASDA, Kol Zambery Jefry Hj Darus lalu menerima tabik hormat dari kontijen perbarisan diketuai PM Muhamad Shahriman Ab Razak yang juga merupakan PM Keseluruhan Terbaik.

Selain itu dalam ucapan PTD beliau mahukan PM melupai kehidupan awam dan menjawai sepenuhnya jati

diri anggota tentera dengan kotakan sumpah perajurit dan Ikrar Kesatria serta tidak sekali-kali mengkhianati kedua-duanya.

"Dunia tentera banyak dugaan dan pantang larangnya, tuntutan mutlak adalah patuh kepada peraturan dan ketua serta menjauhi perkara-perkara yang ditegah dan saya ingin menasihati jangan sekali-kali mendekati atau mencuba sebarang gejala negatif kerana kita tidak boleh

menbenarkan akibat nila setitik habis rosak susu sebelanga," tegas PTD.

Perbarisan diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada PM yang meliputi beberapa kategori dimana PM Akademik Terbaik di berikan kepada PM Muhammad Fahimi Mohammad Nadzir, PM Kawad Terbaik, PM Mohd Sakirin Khairani manakala PM Kecergasan Terbaik

ialah PM Iskandar Zulkarnain Abdul Manan dan PM Penembak Terbaik di berikan kepada PM Ahmad Yunis Sulaiman.

Pada masa sama pameran ketenteraan turut diadakan seperti memperkenalkan Peralatan Khas TD, Peralatan Komunikasi, Kejuruteraan Medan, Kembalik Pelbagai Varian, Kenderaan Lipan Bara, Meriam 105, Persenjataan

Batalion Infantri, Kenderaan Pembawa Senjata, Condor, Klinik Pergigian dan Hospital Bergerak serta Ikhtiar Hidup di Padang Kawad Cawangan Latih.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain dan Panglima Latihan Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami.





" Dunia tentera banyak dugaan dan pantang larangnya, tuntutan mutlak adalah patuh kepada peraturan dan ketua "

- Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasballah
Hj Mohd Nawawi



Panglima Latihan TD Jumpa Warga MK PLDTD

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha
Gambar: Kpl Ahmad Idhlan Firdaus Rasdy

NEGERI SEMBILAN: Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD (MK PLDTD) melaksanakan Perbarisan bersempena Perjumpaan Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami bersama warga staf MK PLDTD di Dataran TRADOC Kem Segenting pada 29 Mei 2019.

Aturcara perbarisan dimulai dengan Pemakaian Pangkat kepada tiga anggota Lain-Lain Pangkat MK PLDTD yang dinaikkan pangkat daripada SSjn ke PW II.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada semua masjid dan surau dalam kem tentera sekitar Port Dickson oleh YB Parlimen Port Dickson disempurnakan Panglima Latihan TD.

Panglima Latihan TD dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dipakaikan pangkat dan menyatakan bahawa keberkatan rezeki adalah daripada hasil perlaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaiknya.



Beliau juga turut menyampaikan amanat kepada semua supaya memandu dan pulang ke kampung halaman dengan berhati-hati sempena dengan beberapa cuti perayaan serentak yang bakal disambut kelak.

Turut hadir Ketua Staf MK PLDTD, Kol Mohd Mansor Hj Mohd Sharip dan Kol Doktrin MK PLDTD, Kol Suhaimi Navinder Abdullah.

MK PLDTD Banteras Judi Siber

NEGERI SEMBILAN: Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD (Mk PLDTD) melaksanakan pemeriksaan mengejut telefon bimbit dan penyata bank kepada semua peringkat anggota staf pada 14 Jun 2019.

Pemeriksaan ini dilaksanakan bertujuan untuk mencegah gejala judi siber yang kian menular dalam kalangan anggota tentera pada masa kini serta juga bagi mengesan individu yang terlibat dalam masalah judi siber.

Pemeriksaan telah dilaksanakan oleh semua Pegawai Staf 1 di MK PLDTD. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha**
Gambar: Kpl Ahmad Idhlan Firdaus Rasdy



Perbarisan Bulanan SMR MK PLDTD



NEGERI SEMBILAN: Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (MK PLDTD) telah melaksanakan Perbarisan Bulanan Sarjan Mejar Rejimen (SMR), PW I Mohd Fairuz Medon bertempat di Padang Kawad Kem Segenting, Port Dickson pada 27 Jun 2019.

Perbarisan melibatkan seramai 129 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) MK PLDTD dan diketuai oleh PW I Azham Tahir

Objektif pelaksanaan perbarisan adalah bagi menentukan tahap disiplin anggota LLP MK PLDTD dan kekemasan dalam berpakaian uniform serta memastikan staf menguasai ilmu kawad sebagai asas disiplin dalam Tentera Darat. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha, Gambar: Kpl Ahmad Idhlan Firdaus Rasdy**

MMR Penghargaan Panglima Latihan TD Ke-19



Oleh: SSjn Abdul Taib Johree

PUTRAJAYA: Seramai 400 pegawai bersama isteri terdiri dari pada pasukan di bawah naungan PLDTD terlibat dalam Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) sempena Penghargaan Panglima

Makan Malam Bersama Panglima

NEGERI SEMBILAN: Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi dan isteri, Datin Wira Rosnani Ab Ghani meluangkan masa bersama staf MK PLDTD dalam Majlis Makan Malam yang diadakan di Kompleks Sukan Kem Segenting pada 20 Apr 2019.

Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran isteri dan keluarga masing-masing serta persembahan dari Kugiran Amplifier daripada 24 RAMD.

Pengarah Pengurusan Latihan, Brig Jen Dato' Hj Hasim Jabar turut menyampaikan cenderahati kepada Panglima Latihan TD di penghujung majlis.

Turut hadir Panglima 1 Bgd, Brig Jen Loh Kooi Leong dan Ketua Pengarah Doktrin, Brig Jen Dato' Md Rahim Hj Muhamad. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha, Gambar: Sig Surya Saizuan**



Latihan TD Ke-19, Mej Jen Dato Wira Md Tajri Alwi bersama isteri, Datin Wira Rosnani Ab Ghani bertempat di hotel terkemuka di sekitar Putrajaya pada 18 Apr 2019.

Dalam ucapan Panglima Latihan TD, beliau menyatakan rasa berterima kasih kepada semua Komandan dan Ketua Jurulatih serta staf MK PLDTD di atas kerjasama yang diberikan.

Selain itu beliau turut berasa bangga dengan pencapaian PLDTD dalam pelbagai anugerah yang telah dirangkul sepanjang beliau memegang pucuk pimpinan PLDTD.

"Saya turut berasa bertuah kerana dapat mengakhiri perkhidmatan saya di Port Dickson yang mana merupakan tempat bermulanya karier saya sebagai seorang Pegawai Tentera dalam TD," ujar beliau.

Turut hadir Kol (K) Prof Datin Paduka Dr Aini Idris dan Kol (K) Prof Dato' Dr Musa Ahmad.

Arahan Penjimatan Penggunaan Sumber



NEGERI SEMBILAN: Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD (MK PLDTD) telah melaksanakan Bacaan Arahan Penjimatan Penggunaan Sumber Secara Berhemat dan Arahan Keselamatan dan Kawalan ke Atas Barang kawalan di Astaka Padang Kawad Kem Segenting pada 24 Mei 2019.

Kedua-dua Arahan tersebut telah dibacakan oleh Pegawai Staf 1 Pengurusan MK PLDTD, Lt Kol Salleh Mohamad dan dihadiri oleh semua peringkat anggota staf MK PLDTD.

Tazkirah ringkas agama juga turut dilaksanakan sejurus selepas pembacaan arahan tersebut yang mana telah disampaikan oleh Pegawai Staf 2 Rohaniah, Mej (Ust) Rudin Shah Jamil.

Turut hadir Ketua Staf MK PLDTD, Kol Mohd Mansor Hj Mohd Sharip. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha, Gambar: Kpl Ahmad Idhlan Firdaus Rasdy**

Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima Latihan TD

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan
Mustapha
Gambar: PLTD

NEGERI SEMBILAN: Seramai 27 pegawai dan 473 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri dari semua pasukan di bawah naungan Markas Pemerintahan Latihan Doktrin Tentera Darat (MK PLTD) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima Latihan Tentera Darat (TD) diketuai Pegawai Staf 1 Tadbir MK PLTD, Lt Kol Johan Effendi Hj Mohd Salleh di Padang Kawad Kem Segenting pada 23 Apr 2019.

Perbarisan ini menyaksikan Panglima Latihan TD Ke-19, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi menyerahkan tugas kepada Panglima Latihan TD Ke-20, Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami disaksikan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah.

Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi mula berkhidmat pada 10 Jul 1978 dengan menyertai Yunit Latihan Pendahuluan Pegawai Kadet (YLPPK) Pengambilan Ke-34 di Kem Sebatang Karah, Port Dickson dan ditauliahkan pada 11 Apr 1980 di Royal Military Academy



Sandhurst, United Kingdom serta dianugerahkan *Cane of Honour*.

Mantan Panglima Latihan TD dalam ucapannya semasa Jamuan Makan Tengah Hari Bersama Warga MK PLTD di Dewan Serbaguna Kem Segenting, menyatakan bahawa beliau berasa bangga dengan pencapaian dan pelbagai anugerah yang telah dirangkul sepanjang beliau memegang pucuk pimpinan MK PLTD.

Beliau turut merasa bertuah kerana Port Dickson merupakan tempat bermulanya karier dalam Angkatan Tentera Malaysia dan di sini juga tempat beliau menamatkan perkhidmatan setelah berkhidmat selama 41 tahun empat bulan dan 12 hari dalam TD.

Perbarisan Perintah Ulung Panglima Latihan TD Ke-20

NEGERI SEMBILAN: Seramai 120 pegawai dan 310 LLP terdiri dari semua pasukan di bawah naungan PLTD Zon Port Dickson terlibat

dalam Perbarisan Perintah Ulung Panglima Latihan TD Ke-20 bertempat di Padang Kawad Kem Segenting pada 17 Mei 2019.

Perbarisan diketuai oleh Ketua Cawangan Rancang dan Validasi MK PLTD, Lt Kol Mohd Nizam Masri dan SMR Perbarisan ialah PW I Fairuz Medon serta diiringi pancaragam daripada gabungan 2 KAD dan PUSASDA.

Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami merupakan Panglima Latihan TD Ke-20 dan telah mengambil alih pucuk pimpinan PLTD pada 23 Apr 2019.

Turut hadir Pengarah Pengurusan Latihan, Brig Jen Dato' Hj Hasim Jabar, Ketua Pengarah Doktrin, Brig Jen Dato' Md Rahim Hj Mohamad serta barisan pegawai kanan PLTD. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha**



PAHANG: Seramai 12 pegawai dan 13 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada Batalion 165 Risik Tentera Darat terlibat dalam Eksesais Kucing Emas Siri 1/2019 selama lima hari dari 25 hingga 29 Apr 2019.

Eksesais ini meliputi tiga fasa iaitu *Cross Training Exercise*, *Bn Staffex* dan *Command Post Exercise* menggunakan Sistem Olah Perang (*Battle Tac IV*) dikendalikan oleh Pusat Olah Perang Tentera Darat (POP TD).

Ia bertujuan untuk mengukur keupayaan perancangan operasi dan bantuan logistik dari elemen bantuan perkhidmatan di bawah naungan Bn 165 Risik TD.

Pada masa yang sama ia merupakan salah satu platform untuk pasukan terlibat dalam memberi taklimat kepada pihak pengurusan atasan tentang kelebihan serta kekurangan sebuah Batalion untuk melaksanakan sesuatu operasi.

Selain taktik peperangan, peserta turut diuji dari segi perancangan dan pelaksanaan aspek logistik, perubatan, komunikasi, rancangan tembakan dan perkiraan persekitaran kawasan operasi serta musuh yang akan dihadapi.

Objektif eksesais untuk melihat keupayaan staf merancang pelaksanaan operasi, menilai kebolehgunaan Prosedur Tetap Operasi serta menilai keberkesanan doktrin-doktrin berkaitan.

Perasmian Eksesais Kucing Emas Siri 1/2019 ini telah disempurnakan oleh Pengarah Kor Risik Diraja Kol Hj Idros Hj Muhammad manakala penutup Eksesais pula disempurnakan oleh AKS Perisikan, Mej Jen Dato' Rezil Shahidin.

Dalam ucapan penutupan eksesais, AKS Perisikan mengucapkan tahniah kepada semua pelaku dan staf pengendali yang terlibat kerana telah memberi komitmen sepenuhnya sepanjang eksesais berlangsung seterusnya memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti.

Beliau juga menasihatkan agar semua pegawai dan anggota terlibat memahirkan diri dengan penggunaan *Battle Tac IV* supaya dapat mengaplikasikan segala pengetahuan, kemahiran dan fungsi sepenuhnya dalam pelaksanaan eksesais ini.

Turut hadir Pengarah (POP TD), Kol Abdul Razak Hussain, Ketua Perisikan Bn 165 Risik TD, Kol Mohamad Fauzi Abdul Majid.



Eks Kucing Emas Mantapkan Warga 165 Risik TD

Oleh: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan



Lawatan Kerja Komander Jurutera Medan Barat

Oleh: Lt Muhammad Syahir
Asyraf Mhd Zain
Gambar: Spr Harryson Lekop
anak Alfred

NEGERI SEMBILAN: Komander Jurutera Medan Barat, Brig Jen Ir Abdul Hamid Mohd Isa mengadakan Lawatan Kerja ke Skuadron Ke-Empat Rejimen Askar Jurutera Diraja (Jambatan) di Kem Syed Sirajuddin pada 17 Jun 19.

Ketibaan Komander Jurutera Medan Barat disambut oleh Pegawai Pemerintah 4 Skn RAJD (Jn), Lt Kol Syed Mohd Khairul Asraf Tuan Kechil disusuli dengan pemeriksaan Kawalan Kuarter sebelum acara bersalaman bersama para Pegawai dan anggota PTT Kanan pasukan.

Lawatan Kerja bertujuan bagi melihat perancangan dan persediaan yang dirancang oleh pasukan bagi Latihan Kepakaran Combined Arms Gap-Crossing dan Chemical Biology, Radiation dan Nuclear (CBRN) Capability sempena Lawatan Peserta Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia (KPSM) Siri 48/2019 pada 25 Jun 2019.



Sebelum mengakhiri lawatan, Panglima turut memberi peringatan agar sentiasa berketerampilan sebagai seorang anggota tentera yang terlatih dan melaksanakan latihan bukan untuk demonstrasi tetapi untuk berperang.

Turut hadir, Pegawai Pemerintah 12 Skn RAJD (CBRNe), Lt Kol Norhelmi Ismail dan Pegawai Staf 1 Oplat MK RAJD PMBTD, Lt Kol Ahmad Ridzuan Ahmad.

Latihan Kebakaran Peringkat MK PMBTD



KUALA LUMPUR: Semua pegawai dan anggota Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) terlibat dengan Latihan Kebakaran Tahunan Peringkat MK PMBTD di Kompleks MK PMBTD pada 26 Jun 2019.

Latihan ini dianjurkan oleh Pegawai Api Pasukan, Kapt Rabi Atul Adawiyah Md Zain dengan kerjasama daripada anggota Stesen Bomba Tentera Darat Kem Sungai Buloh untuk membuat latihan kebakaran dan demostrasi cara memadam api serta pen-erangan mengenai tindakan yang perlu dilakukan jika berlaku kebakaran.

Tujuan latihan kebakaran adalah untuk memberi pendedahan kepada semua peringkat pegawai dan anggota sebagai langkah-langkah yang perlu dilakukan jika berlaku kebakaran serta cara-cara menggunakan alat pemadam api. - **LKpl Norirawati Abdul Wahabi**

Mesyuarat Pengurusan Operasi Siri 1/2019 PMBTD

KEDAH: Mesyuarat Pengurusan Operasi Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Markas 6 Bgd di Pengerusikan oleh Kol Operasi MK PMBTD, Kol Mohamed Saari Omar pada 17 dan 18 Apr 2019.

Tujuan mesyuarat ini adalah untuk memperolehi input-input dari setiap Formasi terhadap kekangan atau implikasi lain dalam memastikan keberkesanan aturgerak operasi yang dilaksanakan pada masa kini mahupun yang mendatang.



Pengurusan Operasi secara konsisten dan pemantauan yang berterusan amatlah penting bagi memastikan apa jua perancangan aturgerak operasi dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Matlamat operasi pucuk pimpinan PMBTD di mana aspek pengurusan operasi yang berkesan merupakan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) dalam menentukan arah keberkesanan aturgerak operasi yang dirancang.

Keberhasilan dalam pelbagai kaedah melalui sesi percambahan fikiran bagi mendapatkan analisa kesan

dan akibat (*Cause and Effect Analysis*) terhadap semua perancangan aturgerak yang telah dibuat.

Aspek ini akan memberi imej sebenar terhadap pengawalan dan pencapaian aspek keselamatan sama ada di dalam mahupun di luar negara sebagaimana ditetapkan dalam KPI operasi TD.

Turut hadir Kol CBT MK PMBTD Kol Noor Sazali Puteh, Kol Logistik MK PMBTD, Kol Mohd Tamam Jamioon, dan Pegawai Operasi dari setiap Formasi. - **Kpl Nor Azlina Abd Azmi**

Program Perdana Ambang Ramadan Peringkat Kentomen Sungai Besi



KUALA LUMPUR: Sel Agama MK PMBTD telah menganjurkan Ceramah Perdana Ambang Ramadan sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan, bertempat di Masjid ATM, Kem Perdana Sg Besi pada 25 Apr 2019.

Ceramah disampaikan oleh SMR KAGAT, PW I Hj Mohd Fikri Hj Ramli dengan tajuk Ramadhan Suatu Penantian Seribu Pengharapan.

Program ini bertujuan memberi kefahaman dan juga kesedaran betapa pentingnya konsep mujahadah nafsiah di dalam Islam dan kesedaran kepada umat Islam bagi persiapan menghadapi serta menghayati keindahan bulan Ramadan, pengisian program antara lain adalah Qiamullail, Solat Subuh berjemaah dan kuliah Subuh.

Turut hadir Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah dan Kol Tadbir MK PMBTD, Kol Hj Hashim Hj Osman, Kol Tadbir MK PMBTD. - **Kpl Nor Azlina Abd Azmi**

Lawatan Ulung PMT TD ke Sibu

Oleh: Lt Zahureen Norazan
Gambar: Pbt Mohd
Khairulasyraf Mohd Kahar

SARAWAK: Seramai 14 pegawai dan 480 anggota Lain-Lain (LLP) terlibat dalam Perbarisan Penyampaian Perintah Ulung Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD) yang diketuai oleh Pegawai Memerintah Batalion Ke-9 Rej Sempadan, Lt Kol Faridul Anwar Hj Amran, di Padang Kawad Batalion Ke-3 Rej Renjer Diraja, Kem Oya, Sibu pada 16 April 2019.

Perbarisan ini adalah gabungan dari 9 Bgd dan 31 Bgd terdiri dari dua kontinjen dan empat detasmen.

Dalam ucapan PMT TD, beliau menjelaskan bahawa keselamatan negara ini bergantung kepada sebuah angkatan tentera yang kredibel, responsif, dinamik dan mampu mengeksplotasi teknologi serta dianggotai oleh warga yang bangga untuk berkhidmat demi agama, bangsa dan negara.

"Untuk mencapai hasrat tersebut beliau telah memberi penekanan kepada empat teras utama iaitu angkatan yang profesional, ketumbukan yang siap siaga, keutuhan organisasi dan memperkasakan kualiti hidup seperti yang digariskan di dalam Perintah Ulung Panglima Angkatan



Tentera Ke-20 dan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-27," jelas beliau.

PMT TD meneruskan lawatan beliau ke Kem Junaco di mana terletaknya MK 31 Bgd dan Batalion Ke-6 Rej Sempadan.

Turut diadakan acara Jamuan Makan Sempena Lawatan Ulung PMT TD Bersama Warga 31 Bgd di Dewan Makan Junaco.

Turut hadir Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Mohd Shariff, Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng dan Pegawai-pegawai Memerintah di bawah naungan.

Perbarisan Serah Terima Kem Muara Tuang

SARAWAK: Seramai 39 pegawai dan 689 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) diketuai Lt Kol Mohd Asmadi Haji Ahmad terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Kem Muara Tuang di antara Markas Divisyen Pertama Infantri Malaysia dengan Pemerintahan Medan Timur Tentera

Darat disempurnakan Panglima Medan Timur TD, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain pada 28 Jun 2019.

Pengambilalihan Kompleks Kem Muara Tuang ini bertujuan untuk melancarkan pentadbiran dan sistem *Chain Of Commands* selaku formasi tertinggi di Wilayah 2

(Sabah dan Sarawak) dalam merealisasikan PMTTD ke arah sebuah ketumbukan yang mampan dan mampu berdiri seiring dengan Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat.

Acara diteruskan dengan menandatangani Sijil Serah Terima Kem Muara Tuang di antara PMT TD dan Panglima 1 Div diikuti sesi menandatangani Sijil Serah Terima Kem Muara Tuang di antara Ketua Staf Am PMTTD dan Ketua Staf Markas 1 Div.

Terdahulu dari itu, turut diadakan acara pemakaian pangkat pegawai dan anggota LLP di bawah naungan terdiri daripada tiga pegawai dan lapan anggota LLP. - Sel PR MK 1 Div



Hari Pengajian Pegawai Memerintah dan Pemerintah Peringkat PMTTD



Oleh : Kapt Muhammad Muzhafar Salji
Gambar : Pbt Muhammad Fazlan Tumijan

SARAWAK: Seramai 88 pegawai di bawah naungan Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat terlibat

dalam Hari Pengajian Pegawai Memerintah/Pemerintah Siri 1/2019 peringkat PMTTD bertempat di Wisma Perwira Seri Kenyalang, Kem Muara Tuang dari 23 hingga 26 Apr 2019.

Objektif program adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pegawai Memerintah dan Pemerintah dalam mempraktikkan SLTD dalam aspek perancangan, persiapan, pelaksanaan dan

penilaian latihan yang sistematis.

Selain itu turut memberi pendedahan kepada mereka terhadap pelan pengajaran latihan PMTTD tahun 2019 serta menggalakkan percambahan idea melalui perbincangan di dalam penambahbaikan latihan.

Kunjungan Hormat TNI -AD Kepada Panglima Medan Timur TD



SARAWAK: Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Darat dari Korem 121/Alambhana Wanawai Sempena *Unit Commander Meeting* Siri 1/2019 telah melakukan Kunjungan Hormat kepada Panglima Medan Timur Tentera Darat pada 24 Jun 2019.

Kunjungan terdiri daripada Kol Inf Achmad Solihin, Kol

Inf Trijoko Adiwiyono, Kol Inf Asep Akhmad Hidayat, Kol Inf Nyamin.

Turut hadir Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar, dan Ketua Staf Mk 3 Bgd, Lt Kol Ilyas Hanafi. - **Cwg Risik MK PMT TD**

Perbarisan Pegawai Memerintah 3 RRD

Oleh: Lt Syafiq Amierul Fahmy
Gambar: Rjr Awang Zainuddin

SARAWAK: Seramai 15 pegawai dan 263 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Pegawai Memerintah diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah, Mej Mohamad di Padang Kawad Batalion Ketiga Rejimen Renjer Diraja pada 3 Apr 2019.

Perbarisan dimulakan dengan nyanyian lagu pasukan, pemeriksaan perbarisan oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Zulkifli Jaafar diikuti dengan pemakaian pangkat anggota LLP dan ucapan.

Pegawai Memerintah dalam ucapannya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dinaikan pangkat.

Beliau juga memberi amanat bawah pangkat dan jawatan yang diberi merupakan satu amanah untuk dipulih dan dilaksanakan secara jujur, ikhlas,



dedikasi dan komited supaya pasukan ke arah kecemerlangan dan sentiasa digeruni di segenap peringkat.

Mengakhiri ucapannya, beliau berharap aktiviti rejimental seperti ini akan diteruskan lagi bagi memperkuatkan *Espirit De Corps* dan semangat berpasukan di kalangan angota.

Lawatan Panglima 1 Div Ke 9 Bgd



SARAWAK: Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu melakukan lawatan ke 9 Bgd pada 8 Apr 2019.

Ketibaan Panglima 1 Div disambut oleh Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff dan diteruskan dengan pemeriksaan Kawalan Kehormatan Kuater dihadapan MK 9 Bgd.

Seterusnya Panglima 1 Div diperkenalkan kepada Ketua Staf, Pegawai Memerintah, Pegawai Pemerintah, Pegawai Staf dan juga wakil pegawai daripada Indonesia (ILO) dan diikuti dengan acara bergambar.

Panglima 1 Div juga melaksanakan kunjungan hormat kepada Panglima 9 Bgd dan menandatangani Buku Lawatan serta bertukar cenderahati.

Seterusnya, Ketua Staf MK 9 Bgd telah memberi taklimat berkenaan perkara G,A dan Q 9 Bgd dalam melaksanakan peranan dan tugas di kawasan tanggungjawab.

Setelah selesai taklimat Panglima 1 Div telah bergerak ke Dewan Oya, 3 RRD bagi mengadakan perjumpaan dengan anggota bawah naungan 9 Bgd dan majlis diakhiri dengan jamuan makan tengahari bersama pegawai dan anggota 9 Bgd.

Turut hadir Ketua Staf MK 9 Bgd, Pegawai Memerintah dan Pemerintah dibawah naungan, serta ILO Indonesia. - **Lt Azlan Azmi, Gambar: Pbt Muhamad Nazrul Ismaili**

Serah Terima Tugas Ketua Skuadron 9 SSB

SARAWAK: Seramai tiga pegawai dan 50 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai Kapt Syahril Hj Yusop terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Skuadron Semboyan Brigid Kesembilan Infantri bertempat di Padang Kawad Kem RASCOM pada 12 Apr 2019.

Serah menyerah ini diantara Mej Ahmad Razali Mohamad Khalid yang menyerahkan tugas Ketua Skuadron kepada Lt Kol Abdul Jaafar Abdul Halim.

Majlis diteruskan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas Ketua Skuadron disaksikan oleh Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff serta seluruh warga Skuadron Semboyan Brigid Kesembilan Infantri.

Di samping itu turut diadakan Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 9 Bgd diantara Norazliza Samsudin yang menyerahkan tugasnya kepada Nor Afizah Hj



Sukiman disaksikan Pengerusi BAKAT 9 Bgd, Che Rohana Abdul Kadir. - **Lt Nasuha Zainal Abidin, Gambar: Kpl Mohd Noor Zaridy Sazali**

Lawatan Ulung PMT TD ke Sibu

Oleh: Lt Zahureen Norazan
Gambar: Pbt Mohd Khairulasyraf Mohd Kahar

SARAWAK: Seramai 14 pegawai dan 480 anggota Lain-Lain (LLP) terlibat dalam Perbarisan Penyampaian Perintah Ulung Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD) diketuai Pegawai Memerintah Batalion Ke-9 Rejimen Sempadan, Lt Kol Faridul Anwar Hj Amran di Padang Kawad Batalion Ke-3 Rejimen Renjer Diraja, pada 16 Apr 2019.

Perbarisan ini adalah gabungan dari 9 Bgd dan 31 Bgd terdiri dari dua kontinjen dan empat detasmen.

Dalam ucapan PMT TD, beliau telah menjelaskan bahawa keselamatan negara ini bergantung kepada sebuah angkatan tentera yang kredibel, responsif, dinamik dan mampu mengeksplotasi teknologi serta dianggotai oleh warga yang bangga untuk berkhidmat demi agama, bangsa dan negara.

Untuk mencapai hasrat tersebut beliau telah memberi penekanan kepada empat teras utama iaitu angkatan yang professional, ketumbukan yang siap siaga, keutuhan organisasi



dan memperkasakan kualiti hidup seperti yang digariskan di dalam Perintah Ulung Panglima Angkatan Tentera Ke-20 dan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-27.

Seterusnya beliau melakukan lawatan ke Kem Junaco di mana terletaknya MK 31 Bgd dan Batalion Ke-6 Rejimen Sempadan serta bersama Warga 31 Bgd dalam Jamuan Makan Sempena Lawatan Ulung PMT TD di Dewan Makan Junaco.

Turut hadir Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Mohd Shariff, Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng dan Pegawai Memerintah dibawah naungan.

UJL 8 Km Mantapkan Warga 5 Skn RAJD



SABAH: Pasukan Skuadron Ke-5 Rejimen Askar Jurutera Diraja telah melaksanakan Ujian Jalan Laju (UJL) sejauh lapan kilometer bertempat di Kem Lok Kawi pada 16 Apr 2019.

Seramai empat pegawai dan 85 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam melaksanakan ujian ini yang merupakan salah satu latihan ketenteraan yang wajib dilaksanakan bagi semua peringkat anggota khasnya Tentera Darat.

Ujian ini bukan sahaja melatih ketahanan mental dan fizikal malahan menguji tahap kerjasama dan semangat setia kawan antara anggota dalam satu kumpulan. - Sjn Mohamad Syahzwan

Pengarah JLJ Bersama Warga KJLD

SABAH: Pengarah JLJ , Brig Jen Dato' Ir. Hj Najmuddin Hj Ja'afar telah menghadiri Majlis Dialog bersama warga KJLD yang bertugas di Kota Kinabalu di Dewan Makan Gapmata 71 Woksyop Div pada 17 Apr 2019.

Aturcara majlis dimulakan dengan menerima Tabik Hormat daripada kawalan kehormatan dan seterusnya diperkenalkan kepada pegawai dan PTTK oleh Pegawai Memerintah 71 Wksp Div.

Sesi Dialog dimulakan dengan upacara pemakaian pangkat Lt ke Kapt oleh Pengarah JLJ kepada Ajutan 71 Wksp Div dan seterusnya ucapan aluan oleh Pegawai Memerintah 71 Wksp Div, Lt Kol Azis Masjak serta sesi Dialog Bersama warga KJLD yang hadir.

Pengarah JLJ juga menekankan penghayatan kepada ASAS didalam kerja sehariannya sebagai seorang Petukang KJLD.

Majlis Dialog Pengarah JLJ Bersama warga KJLD di Kota Kinabalu diakhiri dengan menandatangani Buku Lawatan.

- Mej Dailami, Gambar: Sjn Patrick



Serah Terima Tugas Timbalan Komander Rej 516 (AW)



Oleh: Lt M Sofiuddin Esa
Gambar: Sjn Abdul Harid

SABAH: Seramai lima pegawai dan 70 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas

Timbalan Komander Rejimen 516 (AW) bertempat di Padang Kawad Batalion Ke-26 Rejimen Askar Melayu Diraja pada 15 Apr 2019.

Perbarisan diketuai oleh Ketua Cawangan Latih, Mej Muhammad Mel Izzat Abdullah.

Serah Terima Tugas Timbalan Komander Rejimen 516 (AW) ini diantara Lt Kol Zakhir Asni Zabidi dengan Pemangku Timbalan Komandan, Mej Mohd Tajuddin Mohd Yasin disaksikan Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan.

Simbolik acara ialah menandatangani Nota Serah Terima Tugas Timbalan Komander Rejimen 516 (AW).

Pada masa sama turut diadakan Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 516 (AW) di antara Suhaili Rosli dan Maziah Mohd Isa sebagai Pengerusi BAKAT Rejimen 516 (AW) yang baru.

Panglima 1 Div Lawat Bn Pertama Perubatan

SARAWAK: Panglima 1 Divisyen, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu melakukan Lawatan Ulung ke Batalion Pertama Perubatan pada 24 Mei 2019.

Ketibaan Panglima 1 Div disambut oleh Pegawai Memerintah Batalion Pertama Perubatan, Lt Kol (Dr) Saiful Anuar Ju @ Ju Ahmad disusuli dengan pemeriksaan Kawalan Kuarter.

Pegawai Memerintah Batalion Pertama Perubatan kemudiannya memperkenalkan kepada Panglima 1 Div semua pegawai dan PTT Kanan sebelum ke sesi dialog bersama warga batalion.

Sesi lawatan diteruskan dengan demonstrasi pengoperasian Hospital Hadapan daripada Kompeni Perubatan Alpha dan lawatan diakhiri dengan sesi menandatangani Buku Lawatan oleh Panglima 1 Div. - **Kapt Muhammad Afifi Azham Mohd, Gambar: Pbt Mohamad Haznil Zahari**



Eksesais SATRIA GAGAH Siri 2/2019



SARAWAK: Markas Brigid Ketiga Infantri Malaysia (3 Bgd) melaksanakan Eksesais Satria Gagah Siri 2/2019 bersempena dengan tahun latihan dan penajaran Tentera

Darat bertempat di Dewan Bukavu, Kem Penrissen bermula dari 21 sehingga 23 Mei 2019.

Eksesais ini berkonsepkan CPX dan menggunakan *terrain board* serta pendekatan yang sama digunakan semasa Eksesais Satria Gagah Siri 1/2019.

Tujuan eksesais dilaksanakan adalah untuk melihat pasukan-pasukan yang berada di Kawasan Senggaraan Bgd beroperasi dan bertindak balas dalam senario-senario yang dirancang mengikut prosedur-prosedur yang sepatutnya.

Hadir sama mendengar dan melihat perjalanan eksesais ialah Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu, Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar dan Panglima 3 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng. **Pbt Muhammad Hafizin Abd Aziz, Gambar: Pbt Muhammad Mujibur Mohd Hosni.**

Penutup Kursus Penjaga Stor Senjata dan Peluru Pasukan

Oleh: Mej Ismail Abdul Rahim
Gambar: Pbt Gery Panggabang

SABAH: Seramai 55 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) bawah naungan 5 Bgd, 13 Bgd ESSCOM dan Tp Div AP 450 terlibat dalam Majlis Penutup Kursus Penjaga Stor Senjata dan Peluru Pasukan (Dec) Siri 14/2019 yang disempurnakan oleh Ketua Staf 5 Bgd, Lt Kol Kamarulzaman Mohd Yunus pada 26 Apr 2019.

Kursus ini adalah kali pertama pada tahun 2019 dianjurkan oleh Cawangan Risik MK 5 Bgd bermula dari 22 hingga 26 Apr 2019 bertujuan memberikan pengetahuan, pembelajaran dan pendedahan yang telah digariskan



mengikut silibus *Malaysian Army Standard* (MASt) kepada penuntut.

Di akhir majlis KS 5 Bgd mewakili Panglima 5 Bgd telah menyampaikan sijil kursus kepada semua penuntut yang terlibat.

Turut hadir, PS 1 Risik MK AT 450, Lt Kol Chula Endiang.

Perbarisan Pegawai Memerintah 71 Wksp Div



SABAH: Seramai lima pegawai dan 120 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dengan Perbarisan Pegawai Memerintah 71 Woksyop Div, Lt Kol Azis Masjak yang

dilaksanakan di Padang Kawad Pasukan pada 15 Mei 2019.

Aturcara perbarisan dimulakan dengan Pegawai Memerintah menerima Tabik Hormat dan seterusnya menyaksikan Upacara Menandatangai Nota Serah Terima Tugas RSM dan Penyerahan Tongkat Kuasa diantara PW II Norhafiz Ahmad dan PW II Erry Hashim.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau menegaskan agar semua lapisan anggota pasukan ini menerapkan ASAS dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Beliau juga menyeru agar setiap anggota tahu tugas dan tanggungjawab masing-masing agar mampu mendukung 14 perkara di dalam Perintah Ulung PMT TD.

Perbarisan Pegawai Memerintah 71 Wksp Div diakhiri dengan acara bergambar. - Mej Dailami, Gambar: Sjn Patrick

Serah Terima Tugas Tim Komander Rej 510 AW

SARAWAK: Pasukan Rejimen 510 Askar Wataniah (Rej 510 AW) mengadakan Majlis Serah Terima Tugas Timbalan Komander Rej 510 AW bertempat di Padang Kawad Rej 510 AW pada 16 Mei 2019.

Majlis dimulakan dengan acara pemakaian pangkat anggota oleh mantan Timbalan Komander, seterusnya diteruskan dengan upacara menandatangani Nota Serah Terima Tugas di antara Lt Kol Zakaria Abdul Rahman dan Lt Kol Awis Ibrahim disaksikan Panglima 9 Bgd serta simbolik majlis iaitu penyerahan Tongkat Kuasa.

Mantan Timbalan Komander dalam ucapan beliau turut mengucapkan jutaan terima kasih diatas sumbang bakti dan kerjasama yang diberikan oleh semua peringkat sepanjang tampuk pimpinan beliau.

Beliau juga berharap agar tugas dan tanggungjawab dapat digembleng seiring dengan cogan kata Segulai Sejalai. - Lt Nurul Amira Abd Razak, Gambar : Pbt Saiful Madli



Program Roadshow Task Force Perisai Wira ATM

Oleh: Lt Muhammad Firdaus Mohd Zamri
 Gambar: Pbt Muhammad Junazrin Mat Jusoh

KEDAH: Seramai 27 pegawai dan 243 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) warga 6 Bgd hadir dalam Syarahan Keselamatan Ancaman Militan Daesh Sempena Road Show Perisai Wira ATM Peringkat 6 Bgd pada 16 Apr 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Kem Lapangan Terbang.

Syarahan disampaikan oleh Lt Kol Shaharudin Abd Rahman dari BSPP - Cwg Anti Keganasan dan objektif utama program adalah untuk memberi kesedaran kepada warga 6 Bgd supaya tidak terpengaruh atau melibatkan diri dengan kumpulan ekstrimis, Militan Daesh.



Turut hadir, Ketua Staf MK 6 Bgd, Lt Kol Zunaidi Hassan serta pegawai-pegawai MK 6 Bgd.

Majlis Happy Hour Wisma Perwira 6 Bgd



KEDAH: Seramai 30 Ahli Wisma Perwira 6 Bgd hadir dalam Majlis Happy Hour bertempat di Wisma Perwira 6 Bgd pada 16 Apr 2019.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk beramah mesra dan bersuai kenai serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara Ahli Wisma Perwira 6 Bgd.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh YDP Wisma Perwira 6 Bgd, Lt Kol Ishak Hj Abdul Razak diikuti dengan ucapan perasmian Pegawai Memerintah Wisma Perwira 6 Bgd, Lt Kol Zunaidi Hassan.

Antara acara-acara yang dilaksanakan dalam majlis tersebut adalah Suai Kenal Ahli Wisma yang baharu, Sambutan Hari Jadi dan juga karaoke. - **Lt Muhammad Firdaus mohd Zamri, Gambar: Pbt Muhammad Junazrin Mat Jusoh**

Serah Tugas Pegawai Memerintah 3 KAD

KEDAH: Seramai 16 pegawai dan 224 anggota Lain-Lain Pangkat Rejimen Ketiga Kor Armor Diraja (3 KAD) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 3 KAD disaksikan Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad di Padang Kawad Pasukan pada 15 Apr 2019.

Dalam upacara ini, Lt Kol Noor Azman Hj Yahya menyerahkan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Memerintah 3 KAD Ke-24 kepada Lt Kol Norazri Hj Mohd Noor iaitu sebagai Pegawai Memerintah 3 KAD Ke-25.

Lt Kol Noor Azman Hj Yahya bertukar keluar dan mengambil alih jawatan Komandan di PULAMOR manakala Lt Kol Norazri Hj Mohd Noor telah dinaikkan pangkat pada 10 Apr yang lalu setelah menamatkan pengajian Sarjana Pengurusan di INSPEKA.

Perbarisan Serah Terima Tugas ini berkonsepkan Perbarisan Berkenderaan bersama dengan Panji-panji Rejimen yang diadakan dengan penuh istiadat sebuah Rejimen Armor. - **Kapt Mohd Syariman Ali @ Nayan, Gambar: Pej Risik 3 KAD**



Program Road Show Task Force Perisai Wira ATM Peringkat 8 Bgd

Oleh: Kapt Oui Bee Chu
Gambar LKpl Mohamad Hafif

KELANTAN: Seramai 23 pegawai dan 230 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) warga 8 Bgd terlibat dalam Program Road Show Task Force Perisai Wira ATM Peringkat 8 Bgd bertempat di Dewan Sri Pahlawan, Kem Desa Pahlawan pada 18 Apr 2019.

Program anjuran MK 8 Bgd ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang ancaman *Ekstremisme, Radikalisme* dan *Terrorisme* terhadap keselamatan anggota Angkatan Tentera Malaysia amnya dan warga 8 Bgd khasnya.

Peserta-peserta program juga telah diberi khidmat nasihat dan pendedahan implikasi Undang-undang Anti Keganasan sekiranya ada anggota terlibat dengan aktiviti-aktiviti *Ekstremisme, Radikalisme* atau *Terrorisme*.

Penceramah jemputan adalah dari Bahagian Staf Perisikan Pertahanan iaitu Pegawai Staf 1 Undang-undang, Lt Kol Shaharudin Abd Rahman dan Ketua Cawangan Anti Keganasan, Lt Kol Dr Zulkarnain Harun.



Acara diteruskan dengan sesi dialog antara penceramah dan peserta-peserta program sebelum diakhiri dengan penyampaian cenderahati. Turut hadir Ketua Staf MK 8 Bgd, Lt Kol Zaabar Jaaffa.

MK 2 Div Laksana UJL 5 Kilometer



PULAU PINANG: Pegawai dan anggota dari MK 2 Div dan Kem 2 Div telah melaksanakan Ujian Jalan Laju (UJL) 5 Km pada 24 Apr 2019.

UJL ini sebagai latihan penyesuaian untuk menguji ketabahan mental dan fizikal serta memupuk semangat kerjasama di kalangan pegawai dan anggota.

Seramai 11 pegawai dan 116 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) telah berjaya melaksanakan UJL 5 km kali ini, yang bermula dari Padang Kawad MK 2 Div, Kem Tun Razak melintasi laluan ke Kem Sungai Ara, Bayan Lepas.

Pada latihan tersebut anggota telah dibahagikan mengikut kumpulan dan dipantau oleh pegawai penyelaras yang dilantik bagi memenuhi matlamat dan objektif latihan.

- Mej Mohd Said Adam Mohd Said, Gambar: Kpl Md Shukor Md Soleh

Serah Terima Tugas SMR Rejimen 504 AW

PERLIS: Seramai 93 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas SMR Rejimen 504 Askar Wataniah diantara PW I Mohd Khair Abd Rani dengan PW I Baharudin Ismail disaksikan oleh Timbalan Komander Rejimen 504 Askar Wataniah, Lt Kol Mohamad Zaidi Ishak di Padang Kawad Pasukan pada 30 Apr 2019.

PW I Mohd Khair akan menjalani Latihan Peralihan mulai 25 Apr 2019 dan seterusnya akan menamatkan perkhidmatan pada 2 Nov 2019.

Turut hadir, semua pegawai dan anggota BAKAT Rejimen 504 Askar Wataniah. - Lt M Nur Faeezah Izzati Ahmad Rusli, Gambar: Kpl Kamarulzaman Ahmad



Majlis Serah Terima OP WAWASAN Kelantan

Oleh: SSJn Zahaki Abdullah
Gambar LKpl Mohamad Hafif

KELANTAN: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menyerah kembali tugas mengawal sempadan Malaysia-Thailand bagi kawasan tanggungjawab OP WAWASAN Kelantan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di Kem Rantau Panjang pada 20 Apr 2019.

Inisiatif asal pengambilalihan operasi sempadan oleh ATM daripada PDRM pada 15 Mei 2012 adalah bagi membantu pihak PDRM mendokong NKRA 1, untuk memberi keutamaan kepada tugas khas membanteras jenayah di kawasan bandar.

Pada 1 Apr 2019, melalui beberapa perbincangan, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memutuskan supaya OP WAWASAN Kelantan ini diserahkan kembali kepada PDRM di bawah pengurusan Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara.

Konsep perlaksanaan OP WAWASAN Kelantan adalah sebagai operasi cegah rintang aktiviti penyeludupan haram dan kemasukan Pendatang Haram Tanpa Izin (PATI) ke dalam negara melalui sempadan darat dan perairan (Sungai Golok) Malaysia-Thailand.

Sepanjang enam tahun empat bulan pihak ATM mengambil alih OP WAWASAN Kelantan ini yang mana banyak kejayaan yang telah disumbangkan disamping memberikan pengalaman dan pengetahuan yang berguna dalam mengekang jenayah rentas sempadan kepada



pegawai dan anggota ATM yang terlibat.


Hal ini juga telah membuktikan keupayaan ATM dalam menjalankan tugas sekunder dan pada masa yang sama meneruskan tugas hakiki mempertahankan kedaulatan negara.

Pengambilalihan sebanyak 18 pos OP WAWASAN Kelantan ini menunjukkan kerjasama yang erat antara dua agensi keselamatan negara iaitu ATM dan PDRM.

Acara Serah Terima OP WAWASAN Kelantan disempurnakan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhammad Huzaimi Sabri dengan Komander Briged Tenggara, Pasukan Gerakan Am (PGA), SAC Khaled Che Lah.

Turut hadir Ketua Staf Am Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat, Mej Jen Dato' Haji Mohd Hassan Loman dan Timbalan Pengarah Kepolisian Am, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam, DCP Dato' Zulkiffli Hj Salleh.

Serah Terima Tugas KS MK 2 Bgd



PERAK: Seramai 15 pegawai 113 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Menyerah Tugas Ketua Staf MK 2 Bgd bertempat di Padang Kawad 2 Bgd pada 22 Apr 2019.

Perbarisan diketuai oleh Mej Hizral Kamal Othman selaku Ketua Perbarisan dan Penolong Ketua Perbarisan Kapt Mohammad Naseef Mohd Esam.

Serah Terima Tugas Ketua Staf 2 Bgd ini diantara Lt Kol Ahmad Abdul Rashid dengan Lt Kol Mior Rasidi Mohamad Idris disaksikan oleh Panglima 2 Bgd, Brig Jen Datuk Mohd Nizam Hj Jaafar.

Selain itu turut diadakan Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 2 Bgd di antara Azrul Liza Aziz dengan Zalina Sulaiman.

Mantan Ketua Staf 2 Bgd serta isteri menerima cenderahati sebagai simbolik berakhirnya tugas dan tanggungjawab beliau di MK 2 Bgd. - **Pbt Rosdan Abdullah**

Penutup Program Orientasi Pegawai Muda Kor Infantri



Oleh : Lt M Muhammad Syarifuddin Md Shukor

Gambar : MK 30 Bgd

PERLIS: Seramai 74 pegawai muda kor infantri terdiri daripada 48 pegawai RAMD, 18 pegawai RRD dan enam pegawai RS terlibat dalam Majlis Penutup Program Orientasi Pegawai Muda Kor Infantri bertempat di Dewan Serbaguna Markas 30 Bgd Infantri, Kem Bukit Cowder pada 19 Apr 2019.

Majlis penutup disempurnakan oleh Ketua Staf MK 30 Bgd, Lt Kol Shamsul Bahari Che Soh yang mana ke semua pegawai muda ini berjaya menamatkan Program Orientasi Pegawai Muda Kor Infantri selama dua minggu anjuran Sel Latih MK 30 Bgd.

Pegawai muda ini didedahkan dengan silibus pembelajaran mengenai aspek penugasan di pasukan, pengendalian selaku pegawai bertugas, lawatan ilmiah dan sistem pemerintahan rejimental serta

beberapa aspek akademik ketenteraan.

Pengajaran secara formal dan tidak formal turut diajar di mana objektifnya adalah memberi pendedahan awal kepada para pegawai muda sebelum melapor ke pasukan.

Minggu permulaan diisi dengan kelas-kelas berkaitan organisasi Tentera Darat seperti pengenalan kepada organisasi BIS (*Batalion Infantri Standard*), Para, Mekanise dan BIRS (*Batalion Infantri Rejimen Sempadan*).

Selain itu, pengisian kelas minggu pertama juga diisi dengan peranan ketua platoon di pasukan, *Cohesion & Army 4 NextG* dan Keselamatan Siber.

Pada masa sama, pegawai muda turut diberi pendedahan cara untuk melaksanakan tugas sebagai Pegawai Bertugas di pasukan oleh Kapt Azrulnizam yang merupakan Ajutan 4 RRD.

Program turut diselitkan dengan lawatan ke Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta Kompleks ICQS yang beroperasi di Bukit Kayu Hitam diketuai oleh Mej Amran Omar, disamping itu mereka turut di bawa melawat ke Tim Nukleus Rejimen 882 PUTD di Pangkalan Udara Butterworth.

Program orientasi pegawai muda ini adalah sangat penting bagi memastikan tahap kesiagaan mereka untuk melapor ke pasukan kelak.

Turut hadir Pegawai Memerintah 5 RS, Penolong Pegawai Memerintah 4 RRD dan wakil dari Jabatanarah Infantri

Serah Terima Tugas Komander Artileri Div 2 Div

PULAU PINANG: Seramai 12 pegawai dan 121 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Komander Artileri Divisyen 2 Div bertempat di Padang Kawad Markas 2 Div, Kem Tun Razak pada 16 Apr 2019.

Perbarisan tersebut menyaksikan Brig Jen Mohd Rawa Hj Seman telah menyerahkan tugas dan kuasa Komander Artileri Divisyen 2 Div kepada Kol Norazman Ismail disaksikan oleh Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad.

Terdahulu Brig Jen Mohd Rawa Hj Seman telah menerima tabik hormat dari perbarisan yang diketuai oleh Pegawai Memerintah Rejimen Ke 3 Artileri Diraja (3 RAD), Lt Kol Abdul Halim Ishak.

Brig Jen Mohd Rawa Hj Seman memegang jawatan sebagai Komander Artileri Divisyen 2 Div yang Ke-7 mulai

30 Okt 2015 hingga 21 Apr 2019 dan akan menamatkan perkhidmatan pada 13 Ogos 2019 setelah menabur bakti selama 40 tahun dalam perkhidmatan TD.

Turut hadir Ketua Staf MK 2 Div, Kol Noorrul Azril Ariffin dan KS MK Div Arti 2 Div, Lt Kol Wan Khalis Wan A. Rahman. - **Mej Mohd Said Adam Mohamed Said, Gambar: Pbt Mohd Nor Izham**



Pertukaran Kepimpinan 73 Wksp Div

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak
Gambar: Pbt Noratirah Abu Seman

MELAKA: Seramai empat pegawai, 120 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dan 32 staf awam terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 73 Woksyop Div pada 2 Apr 2019.

Perbarisan diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah 73 Wksp Div, Mej Noor Affandy Abas.

Serah Menyerah Tugas ini dian-
taranya Lt Kol Mohd Hamdan Adenan
yang menyerahkan tugasnya kepada
Lt Kol Zulkeflay Jamahari disaksikan
Panglima 3 Div, Mej Jen Dato'
Mohammad Ab Rahman.



Lt Kol Hamdan bertukar keluar ke Jabatanarah KJLJD, manakala Lt Kol Zulkeflay bertukar masuk dari MK ATM.

Pertukaran Tampuk Pemerintahan 2 KAD



NEGERI SEMBILAN: Seramai 17 pegawai dan 268 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Rejimen Kedua Kor Armor Diraja (2 KAD) di Padang Kawad Pasukan pada 3 Apr 2019.

Perbarisan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah, Mej Maslan Ukkas menyaksikan Lt Kol Amran Alias menyerahkan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Memerintah kepada Lt Kol Mohd Sanusi Ibrahim disaksikan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman.

Lt Kol Amran yang menggalas tugas Pegawai Memerintah sejak 19 Apr 2017 bertukar keluar ke Maktab Tentera Diraja manakala Lt Kol Sanusi bertukar masuk dari Jabatanarah KAD. - **Lt Mohammad Naim Abdul Razak, Gambar: Sel Risik 2 KAD**

UJL Latih Ketahanan Staf MK 3 Div

MELAKA: Ujian Jalan Laju (UJL) se-
jauh lima kilometer telah diadakan
di peringkat staf Markas 3 Div pada
4 Apr 2019.

Latihan yang merupakan pembuka aktiviti latihan individu bagi tahun 2019 ini melibatkan seramai 12 pegawai dan 65 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang merupakan medan terbaik untuk melatih ketahanan dan keupayaan fizikal setiap individu sebagai persiapan dan persediaan untuk pelaksanaan UJL bagi jarak yang lebih jauh lagi selepas ini.

Ujian yang bermula dari perkaran-
gan MK 3 Div meliputi laluan di dalam
Kem Terendak, diketuai oleh Pegawai
Staf 1 KPD, Lt Kol Mohd Azizi Awang
Lah. - **Mej Mohammed Fahmi Ishak,
Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah**



Pemeriksaan Tahunan Uji Kesiagaan HTD Gemas

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak
Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

NEGERI SEMBILAN: Pemeriksaan Tadbir Tahunan Hospital Tentera Darat (HTD) Gemas telah diadakan pada 9 Apr 2019.

Ketibaan Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman telah disambut oleh Pegawai Memerintah HTD, Kol (Dr) Aeriza Dato' Mohd Yusak disusuli dengan pemeriksaan Kawalan Kuarter.

Panglima 3 Div kemudiannya diperkenalkan kepada pegawai dan staf awam HTD dan taklimat berkaitan pengurusan HTD telah diadakan di Bilik Gerakan oleh Pegawai Memerintah HTD.

Selesai taklimat, Panglima 3 Div dibawa meninjau fasiliti perubatan dan kesihatan yang terdapat di HTD, dan seterusnya melakukan pemeriksaan ke atas peralatan setiap anggota HTD.

Beliau turut melakukan tinjauan ke pejabat pentadbiran HTD serta mengambil peluang untuk menjalani pemeriksaan fisiologi yang turut



disediakan oleh pihak HTD.

Di akhir lawatan, Panglima 3 Div dalam ucapannya berharap agar setiap kakitangan HTD samada tentera mahupun awam, hendaklah sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada setiap pesakit yang datang menerima rawatan.

Turut hadir PKPPK 3 Div, Kol (Dr) Mohd Arshil Moideen dan Pegawai Staf 1 Tadbir, Lt Kol Hj Jonurzaidi Hj Jusoh.

Pemakaian Pangkat Juruiring TYT

MELAKA: TYT Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Yaakob bersama-sama Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman mewakili Panglima Tentera Darat menyempurnakan Pemakaian pangkat kepada Juruiring TYT Yang Dipertua Negeri Melaka iaitu Lt Kol Muhammed Najib Joned pada 10 Apr 2019.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Tuan Adly Zahari, Panglima 1 Bgd, Brig Jen Loh Kooi Leong, Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Khairul Azmizal Ahmad Natal, Komander Artileri Divisyen 3 Div, Brig Jen Ahmad Abu Bakar dan Ketua Staf Markas 3 Div, Kol Abd Karim Ahmad.

- Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah



Pertukaran Tampuk Pemerintahan 11 KAD



NEGERI SEMBILAN: Seramai 19 pegawai dan 322 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Rejimen Ke 11 Kor Armor Diraja (11 KAD) di Padang Kawad Pasukan pada 12 Apr 2019.

Upacara Serah Terima Tugas disaksikan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman yang mana Lt Kol Mohamad Syaibani Abu Bakar menyerahkan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Memerintah 11 KAD kepada pengantinya Lt Kol Suresh Subramaniam.

Lt Kol Syaibani bertukar keluar ke Jabatanarah KAD, manakala Lt Kol Suresh merupakan Penolong Pegawai Memerintah 11 KAD yang baru sahaja dinaikkan pangkat pada 10 Apr 2019 yang lalu.

Acara *Send Off* Mantan Pegawai Memerintah di Balai Pengawal Pasukan mengakhiri upacara tersebut. - Kapt Mohd Nasriq Nordin, Gambar: Sel Risik 11 KAD

Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 1 KAD

Oleh: Kapt Ronnie Howard Joseph

Jiep

Gambar: LKpl Wan Mohd Syazrin

PAHANG: Seramai 13 pegawai dan 200 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) warga Rejimen Pertama Kor Armor Diraja (1 KAD) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah pada 12 Apr 2019.

Perbarisan diketuai oleh Mej Mohd Khidari Sulaiman selaku Ketua Perbarisan dan Penolong Ketua Perbarisan Mej Nasiruldin Md Nasir

Serah Terima Tugas diantara Lt Kol Muhamad Shamsi Abdul Latip selaku Pegawai Memerintah Ke-34 dan Lt Kol Ahmad Kamal Halib, Pegawai Memerintah Ke-35 disaksikan oleh Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Engr. Reizal Arif Tan Sri Ismail.

Perbarisan ini melibatkan 26 buah Kenderaan Perisai 8 x 8 Gempita varian AFV-30mm, AFV-30mm ATGW dan ACV.

Selain itu turut diadakan Serah



Terima Tugas Pengerusi BAKAT 1 KAD di antara Hasmani Hashim dengan Fazilah Md Noor.

Diakhir upacara, mantan Pegawai Memerintah 1 KAD serta isteri diarak dengan menggunakan KP 8 x 8 Gempita ATGW sebagai simbolik berakhirnya tugas dan tanggungjawab beliau di 1 KAD.

Turut hadir Komander Pangkalan Udara Kuantan, Brig Jen Dato' Wan Amin Hafiz Wan Mahmud dan Pegawai Memerintah dibawah naungan 4 Bgd (Mek).

Pegawai Muda TLDM Lawat 4 Bgd Mek



PAHANG: Seramai 40 pegawai muda TLDM dari KD Sultan Idris Satu melakukan Lawatan ke Markas Brigid Keempat Mekanize (4 Bgd Mek) pada 11 Apr 2019.

Ketibaan delegasi lawatan yang diketuai oleh Lt Kdr Muhammad

Norfadli Badri TLDM disambut oleh Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Engr Reizal Arif Tan Sri Ismail.

Pegawai muda diperkenalkan kepada pegawai-pegawai dari 4 Bgd (Mek) dan seterusnya dibawa ke Dewan serbaguna 12 RAMD (Mek)

untuk mendengar taklimat Keupayaan Tempur 4 Bgd (Mek) yang di persembahkan sendiri oleh Panglima 4 Bgd (Mek).

Selesai taklimat, Pegawai Muda TLDM dibawa ke Padang Kawad 12 RAMD (Mek) untuk menyaksikan pameran statik Kenderaan Tempur 4 Bgd (Mek) pelbagai varian.

Lawatan ini dilihat sebagai satu aktiviti penting bagi mengutukuhkan kerjasama antara perkhidmatan ATM yang mana lawatan ini diakhiri dengan acara bergambar dan pertukaran cenderahati.

Turut hadir Ketua Staf Am Lt Kol Ridzwan Abdul Majid, Ketua Staf Tadbir dan Logistik Lt Kol Anwar Jafrizal Hj Ahmad dan Pegawai Memerintah 12 RAMD (Mek) Lt Kol Mohamad Rizal Hj Saad. - **Sjn Gunantharan Baskaran**

Eks RED RHINO Siri 1/2019

Uji Keupayaan Tempur 3 Rej KPTD

Oleh: Lt Nur Wahidah Muhamad
Sahapini
Gambar: Kpl Saipol Bahari Abu Samah

JOHOR: Seramai 20 pegawai dan 73 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari unit-unit di bawah 3 Rejimen Kor Polis Tentera Diraja (3 Rej KPTD) terlibat dalam Perbarisan Pembukaan Eksesais RED RHINO Siri 1/2019 pada 13 April 2019.

Perbarisan yang diadakan di 7 Komp KPTD, Kem Tebrau disempurnakan oleh Pegawai Memerintah 3 Rej KPTD, Lt Kol Mohd Zaki Mastar.

Eksesais yang dimulakan dengan pelaksanaan Latihan CPX bermula 13 hingga 15 Apr 2019 di Kem Tebrau akan disusuli dengan Latihan FTX yang akan diadakan pada 16 hingga 19 April 2019 di kawasan sekitar Kluang.

Ianya melibatkan hampir keseluruhan pegawai dan anggota KPTD di bawah naungan 3 Rej KPTD, yang berkonsepkan Bantuan Tempur Polis Tentera dalam peperangan konvensional, dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pendedahan



dan pemahaman kepada pegawai dan anggota dalam peranan, tugas dan tanggungjawab Bantuan Tempur Polis Tentera secara menyeluruh.

Eksesais ini juga merupakan medan terbaik untuk menilai kredibiliti pegawai dan anggota KPTD di dalam tugas yang disandang selain berfungsi untuk menyemak Doktrin dan ARTEP KPTD dalam atur gerak terkini.

Perlaksanaan eksesais ini adalah selaras dengan hasrat PTD yang telah menetapkan bahawa tahun 2019 sebagai tahun latihan dan penajaran serta selari dengan hasrat Panglima 3 Div.

Pemakaian Pangkat Anggota 3 Div



MELAKA: Seramai enam anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas 3

Div dinaikkan pangkat dalam Majlis pemakaian pangkat disempurnakan

Ketua Staf Markas 3 Div, Kol Abd Karim Ahmad sempena Perbarisan Ketua Staf Markas 3 Div pada 22 Apr 2019.

Bagi anggota yang telah berkahwin, pasangan mereka turut sama hadir dan diberikan penghormatan untuk memakaikan pangkat.

Ketua Staf dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada kesemua anggota yang dinaikkan pangkat, namun mereka turut diberikan peringatan bahawa kenaikan pangkat itu adalah amanah yang datang bersama tanggungjawab untuk memimpin khususnya kepada anggota bawahan mereka nanti.

Turut hadir pegawai-pegawai kanan Markas 3 Div. - Mej Mohammed Fahmi Ishak, Gambar: Pbt Noratirah Abu Seman

Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua CSJ KPTD

Oleh: SSjn Abdul Rahim Awang
Gambar: Kpl Syaiful Amir Alias

KUALA LUMPUR: Seramai 15 Pegawai dan 60 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Cawangan Siasatan Jenayah, 48 CSJ pada 2 Mei 2019.

Serah terima tugas ini diantara Kol Abd Wahab Geoh dengan Lt Kol Muhammad Rafi Abdul Kadir disaksikan oleh Provos Marsyal Darat, Brig Jen Hj Mislan Anuar.

Majlis dimulakan dengan acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan diikuti dengan serah menyerah Tongkat Kuasa Ketua CSJ.

Pada masa sama turut diadakan Serah Menyerah Pengurus BAKAT 48 CSJ di antara Hafifah Ahmad dan Faraliza Mohamed bertempat di Kelab Detektif Markas 48 CSJ.

Mengimbas keperibadian mantan Ketua CSJ, Kol Abd Wahab Geoh dilahirkan pada tanggal 25 Jun 1965 di Kulai, Johor dan mula menceburiai bidang ketenteraan pada 24 Mac 1986 sebelum ditauliahkan di dalam KPTD, beliau telah berkahwin dengan Hafifah Ahmad dan dikurniakan dua orang cahayamata.

Antara kejayaan yang beliau capai sepanjang kerjayanya di dalam ATM ialah



Johan Anugerah Penulisan Esei Tentera Darat Kategori Leftenan Kol/Mej Tahun 2004, Penerima Hadiah Kertas Komandan Maktab Turus Angkatan Tentera Tahun 2004, Penerima Anugerah Inovasi TD Tahun 2015 dan Kementerian Pertahanan Tahun 2016 serta merupakan Penerima Anugerah Cemerlang dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi Ekosistem Konduksif Sektor Awam (EKSA) Tahun 2018 semasa menjawat jawatan Ketua 48 CSJ.

Perbarisan Penghargaan Persaraan Brig Jen Abdul Aziz Ahmad



KUALA LUMPUR: Seramai 15 pegawai dan 127 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan sempena

Persaraan Brig Jen Abdul Aziz Ahmad yang diadakan di Padang Kawad Akademi Latihan Ketenteraan, Kem Perdana Sg Besi pada 3 Mei 2019.

Brig Jen Abdul Aziz menerima tabik hormat dari perbarisan yang diketuai oleh Lt Kol Fandi Hamid serta diiringi oleh gabungan Pancaragam Pusat Latihan Muzik Tentera Darat dan Brass Band RSD.

Perbarisan ini diadakan sebagai tanda penghargaan atas jasa bakti yang dicurahkan selama hampir 43 tahun kepada Tentera Darat serta RSD.

Dalam ucapannya, beliau menyeru semua peringkat pegawai dan anggota RSD untuk terus menggalas tanggungjawab bagi memastikan RSD terus relevan dalam menyediakan komunikasi masa kini.

Perbarisan turut dihadiri oleh Ketua Staf Markas Tentera Darat, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi dan Ketua Pegawai Semboyan, Brig Jen Ahmad Saifuddin Talha. - **Kapt Ahmad Hayatta Razali, Gambar: IKED**

Program Menembak Antara Agensi Kerajaan

Oleh: Kpl Mohd Sadiq Zakaria

SELANGOR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Selangor telah mengadakan Program Menembak Bersama Agensi-Agenzi Kerajaan Negeri Selangor Sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-212 yang diadakan di Kelab Penembak Bandar Diraja Klang pada 10 Apr 2019.

Program menembak ini diadakan bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama antara beberapa agensi kerajaan termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Antara agensi kerajaan yang hadir adalah Jabatan Kehakiman Selangor, Jabatan Peguam Negara Selangor, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pegangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Jabatan Akauntan Negara Selangor.

Acara yang dijalankan dalam program ini adalah Menembak Pistol pada jarak 25 meter dan Menembak Piring pada jarak 20 meter.



Tim dari 4 Div disertai oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid, Penolong Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan (PKPPK) MK 4 Div, Kol Dr Shahril Nizam Abdul Jalil, Pegawai Staf 1 Tadbir MK 4 Div, Lt Kol Mohd Faizor Ismail, Pegawai Staf 1 Logistik MK 4 Div, Lt Kol Zaidi Ahmad dan Pegawai Staf 1 Ordnan MK 4 Div, Lt Kol Azlan Mustaffa.

Penyerahan Cek KSSKA 4 Div

KUALA LUMPUR: Seramai 50 pegawai hadir dalam Majlis Penyerahan Cek KSSKA kepada Pasukan Div Trup 4 Div dan pasukan di bawah Bawah Pentadbiran Tempatan MK 4 Div yang diadakan di Ruang Indera, Markas 4 Div Kem Wardieburn pada 15 Apr 2019.

Majlis penyerahan cek KSSKA ini disempurnakan oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin kepada Kem 4 Div, 4 RSD, 4 Rejimen KPTD, 74 BN KPD, 74 WKSP Div, 74 BOD, 96 RSTD (Rej Semboyan TD), 97 RSPE (Rej Semboyan Peperangan Elektronik) dan 99 RSPS (Rej Semboyan Peperangan Siber).

Turut hadir, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor, Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai Memerintah. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**



Bengkel Multimedia RSD Siri 1/2019



KUALA LUMPUR: Jabatan Arah Rejimen Semboyan Diraja (RSD) telah menganjurkan Bengkel Multimedia dan Juru Gambar pasukan RSD selama dua hari bermula 23 hingga 24 Apr 2019 bertempat di Makmal Pengaturcaraan IKED Kem Perdana Sungai Besi.

Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan, tata-cara dan keperluan sebagai juru gambar pasukan bagi memenuhi dan mengikuti keperluan yang digariskan Tentera Darat.

Seramai 27 anggota dari pasukan RSD seluruh Malaysia telah hadir dalam bengkel ini dan wakil Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM) dijemput sebagai tenaga pengajar dan memberi ilmu-ilmu yang membina kepada anggota yang hadir.

Majlis Penutup Bengkel Multimedia disempurnakan oleh Komandan IKED, Kol Izhar Zakaria selepas selesai pembentangan daripada setiap kumpulan. - **Jabatanarah RSD**

Majlis Penutup Tilawah Al-Quran Peringkat Trup 4 Div Tahun 2019



Oleh: LKpl Khatijah Sahbudin

KUALA LUMPUR: Seramai 19 peserta dari Trup 4 Div iaitu MK 4 Div, 4 RSD, 4 Rej KPTD, 74 Bn KPD, 74 BOD dan 74 WKSP Div mengambil bahagian di dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Trup 4 Div

Tahun 1440H/2019M bertempat di Masjid Muhammad Al-Fateh, Kem Wardieburn pada 25 Apr 2019.

Majlis Penutup dimulakan sejurus ketibaan Pegawai Staf 1 Tadbir MK 4 Div, Lt Kol Mohd Faizor Ismail, terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Pegawai, Qari, Qariah dan Saudara Baharu.

Johan bagi Kategori Pegawai disandang oleh Mej (PKW) Mohd Zailani Muda dari 74 WKSP Div, Kategori Qari pula dimenangi oleh LKpl Amir Amiruddin Karim Sulaiman dari 74 Bn KPD, Johan Kategori Qariah pula disandang oleh Kpl Siti Noraini Jasmani dari 4 Rej KPTD dan Johan Kategori Saudara Baharu disandang oleh Kpl Chairie Reiza Rinder juga dari 4 Rej KPTD.

Keseluruhan Tilawah Al-Quran dimenangi oleh 74 Bn KPD, Naib Johan pula dimenangi oleh MK 4 Div dan di tempat ketiga dimenangi oleh pasukan 4 Rej KPTD.

Turut hadir, Pegawai Memerintah 74 BOD, Lt Kol Amrit Singh Bachan Singh, Penolong Pegawai Memerintah 4 Rej KPTD dan Mej Mohd Hilmi Hashim.

Pertukaran Pegawai Memerintah 74 Wksp



KUALA LUMPUR: Seramai tujuh pegawai dan 129 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 74 Woksyop Divisyen (Div) bertempat di Padang Kawad 74 Woksyop Div Kem Perdana, Sungai Besi pada 29 Apr 2019.

Perbarisan diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah 74 Woksyop Div, Mej Fitri Fathilah ini dimulakan sejurus ketibaan Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin.

Pegawai Memerintah 74 Woksyop Div, Lt Kol Mohd Nadzri Samiran@Jumiran menyerahkan tugasnya kepada Lt Kol Ahmad Zamperi Ishak berkuatkuasa 14 Mac 2019.

Acara diteruskan dengan Menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Penyerahan Tongkat Kuasa disaksikan oleh Panglima 4 Div. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**

JKHEW MK 4 Div Lawat Penjara Malaysia

SELANGOR: Seramai dua pegawai dan 25 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) wanita bawah naungan MK 4 Div menyertai Lawatan ke Galeri Ibu Pejabat Penjara Malaysia diketuai Pegawai Hal Ehwal Wanita MK 4 Div, Mej Osmah Yante Othman di Penjara Wanita Kajang pada 21 Mei 2019.

Program yang diadakan ini bertujuan mendedahkan anggota dengan latihan-latihan dan program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara terhadap Banduan Wanita.

Lawatan ini juga dapat membina jalinan ukhwah dan silaturahim diantara Tentera Darat (TD) dan Jabatan Penjara.

Turut hadir, Pegawai Staf 1 Risik MK 4 Div, Lt Kol Siew Ha Cheam. - **LKpl Khatijah Sahbudin**



Penutup UKM Peringkat 4 Div

KUALA LUMPUR: Panglima 4 Div Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin menyempurnakan Majlis Penutup Pertandingan Ujian Kemahiran Menembak (UKM) Peringkat 4 Div di Lapang Sasar Kem Perdana Sungai Besi pada 26 Apr 2019.

Pertandingan yang diadakan bermula dari 23 hingga 26 Apr 2019 ini bertujuan memilih penembak-penembak baharu di kalangan anggota bagi mewakili 4 Div ke pertandingan UKM peringkat Tentera Darat (TD) yang dijadualkan pada bulan Jul 2019.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu acara Raifal Lelaki dan Wanita, Pistol Lelaki dan Wanita, Mesingan Kegunaan Am (MGKA), Mesingan Ringan (MGR), dan Serangan Seksyen.

Dalam acara Pistol Unit Besar, Johan disandang oleh 1 RAMD dengan membawa pulang piala pusingan bagi acara Pistol Kategori Individu, tempat ketiga jatuh kepada Mej Ahmad Safuan Jaafar dari 1 RAMD yang mana bagi acara MGR Unit Besar, Johan disandang oleh pasukan 1 RAMD turut pasukan juga telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan bagi kategori MGR.

Bagi Kategori MGKA, Johan disandang oleh pasukan 4 RAMD yang mana pasukan 1 RAMD dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan dalam acara MGKA dengan membawa pulang piala pusingan.

Bagi acara Serangan Seksyen, Naib Johan jatuh kepada pasukan 1 RRD dan Johan disandang oleh pasukan 1 RAMD dan acara Raifal Unit Besar Kelas (B), Johan disandang oleh pasukan 1 RAMD manakala bagi acara Raifal Unit Besar Kelas (A), Johan disandang oleh pasukan 1 RRD yang mana pasukan 1 RAMD



telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Raifal Unit Besar.

Bagi keputusan keseluruhan Individu pula, tempat ketiga jatuh kepada Kpl Muhamad Mustafar dari 8 RAMD, Naib Johan jatuh kepada Pbt Mohamad Norafiq Abdul Hamid dari 1 RAMD dan Jaguh bagi UKM Peringkat 4 Div Tahun 2019 telah disandang oleh Pbt Mohamad Adam Hakimi Azman dari 1 RAMD.

Johan keseluruhan bagi kategori unit kecil dimenangi oleh Formasi 11 Bgd manakala Johan bagi kategori unit besar pula dimenangi oleh 1 RAMD.

Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin dalam ucapannya menegaskan sesuatu kejayaan tidak akan dicapai tanpa latihan secara berterusan dan sistematis, beliau juga berharap perkara ini sentiasa dikekalkan bagi mencapai objektif dalam UKM yang akan datang.

Turut hadir, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor dan Pegawai-pegawai Kanan MK 4 Div.

Kursus PIFA Peringkat 4 Div

KUALA LUMPUR: Seramai 31 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PPTK) menghadiri Kursus Pendidikan Islam Fardhu Ain (PIFA) Tahap 4 Peringkat 4 Div Siri 1/2019 yang diadakan di Masjid Muhammad Al-Fateh, Kem Wardieburn bermula dari 22 hingga 26 Apr 2019.

Peserta kursus yang hadir terdiri dari 14 unit di bawah naungan dan Majlis

Penutup Kursus disempurnakan oleh Pegawai Staf 1 Ordnans MK 4 Div, Lt Kol Azlan Mustaffa.

Penuntut Akademik Terbaik disandang oleh PW II Khairul Azizi Mohd Yatim daripada MATM - BPKP dan Keseluruhan Terbaik ialah PW II Mohd Sharudin Mahmud dari 25 RAMD.

Kursus PIFA adalah merupakan satu usaha untuk memenuhi syarat kenaikan pangkat bagi anggota LLP ATM yang mana pelaksanaan kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada anggota tentera mengenai pengetahuan asas Fardhu Ain bagi memantapkan diri dan pegangan agama serta akidah yang kukuh merangkumi perkara Tauhid, Ibadat, Muamalat, Jenayah, Akhlak dan Hafazan Al-Quran.

Turut hadir Pegawai Agama Pasukan, Mej Hilmi Tumpang. - **LKpl Khatijah Sahbudin**



Perbarisan Pegawai Memerintah 8 RRD Para



Oleh: Lt Suhanraj Rajasegaran
Gambar: LKpl Nicholas Vienlis Bato

MELAKA: Seramai 11 pegawai dan 200 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Pegawai Memerintah 8 RRD (Para), Lt Kol Zulkifli Raub bertempat di Padang Kawad Pasukan pada 01 Apr 2019.

Perbarisan tersebut diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah, Mej Mohd Sufian Kamarul Ariffin manakala Ajutan Perbarisan adalah Kapt Nik Abdul Hadi Nik Hassan

dan SMR perbarisan ialah PW I Simon Geliuk Polus.

Perbarisan dimulakan dengan nyanyian lagu pasukan, pemeriksaan perbarisan oleh Pegawai Memerintah dan diikuti dengan ucapan.

Pegawai Memerintah dalam ucapannya mengambil kesempatan membaca Ikrar Para yang seterusnya disahut oleh pegawai dan anggota yang terlibat di dalam perbarisan.

Beliau berhasrat untuk menjadikan 8 RRD (Para) yang terhebat dikalangan terbaik, digeruni lawan disegani kawan dan cemerlang dikalangan terbilang.

Di samping itu, beliau juga turut menekankan hasrat pucuk pimpinan Tentera Darat iaitu meletakkan tahun 2019 sebagai tahun latihan dan penajaran supaya Batalion 8 RRD (Para) sentiasa

berada di tahap kesiapsiagaan yang tinggi dan mampu diaturgerakkan sebagai elemen *Rapid Deployment Force* (RDF) atau lebih dikenali sebagai Pasukan Aturgerak Cepat (PAC).

Sebelum mengakhiri ucapannya, Pegawai Memerintah berharap anggota 8 RRD (Para) dapat memperkasakan ASAS daripada Panglima Tentera Darat, merencanakan tonggak 8 daripada Panglima 10 bgd (Para) dan merealisasikan teras utama pemerintahan beliau sebagai Pegawai Memerintah 8 RRD (Para) yang Ke-24.

Pre Deployment Training Tingkatkan Kesiagaan Operasi 17 RAMD Para

MELAKA: Pasukan 17 RAMD (Para) telah melaksanakan latihan persediaan *Pre Deployment Training* di sekitar Kem Terendak bagi persediaan sebelum mengambil alih tugas operasi di kawasan Sabah.

Latihan persediaan yang berlangsung selama empat minggu itu telah dibahagikan kepada dua fasa iaitu *Training Drill Exercise* (TDX) dan *Field Training Exercise* (FTX) yang merangkumi kelas ulangkaji teori, praktikal, pelarasan senjata dan latihan medan.

Manakala bagi Eksesais *Eagle Warrior* (FTX) telah dilaksanakan di kawasan pantai Kem Terendak bagi menguji kefahaman pegawai dan anggota dalam aspek tugas dan tanggungjawab di kawasan operasi.

Objektif yang digariskan adalah untuk melatih anggota dalam teknik, taktik dan prosedur (TTP) bagi perlaksanaan operasi kelak disamping latihan yang dilaksanakan dikawasan

pantai ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran situasi sebenar perlaksanaan operasi di negeri Sabah. - Lt M Mohd Nafiq Afifi Jumaan,
Gambar: Sel Risik 17 RAMD (Para)



LMIT mantapkan warga Rejimen 881 PUTD

Oleh : Kapt Mohd Amirul Nashriq
Gambar : Pbt Halimi adnan

JOHOR: Seramai 43 pegawai dan 223 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen 881 Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) melaksanakan Latihan Menembak Individu Tempur (LMIT) Siri 1/2019 bertempat di Lapang Sasar 400 Meter, Kem Batu 3 dari 22 hingga 26 Apr 2019.

Latihan ini bertujuan untuk menentukan setiap warga Rej 881 PUTD dapat mengekalkan dan meningkatkan kompetensi dalam pengendalian senjata persendirian dan kemahiran asas pada sebilang masa sejajar dengan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat pada tahun ini iaitu Tahun Latihan dan Penajaran.

Konsep latihan adalah diaplikasikan secara back to basic dan back to back training menjurus kepada template latihan yang telah digariskan.



Penutup Kursus Terjun Bebas Anjuran PULPAK

SABAH: Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK) telah melaksanakan Majlis Penutup Kursus Terjun Bebas (TB) Siri TB/1/19 yang terdiri daripada tiga pegawai dan lapan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) disempurnakan Komandan PULPAK, Kol Adi Ridzwan Abdullah di Hangar No 5 Skuadron TUDM Labuan pada 17 Mei 2019.



Penuntut telah dilatih bagi melaksanakan penerjunan bebas bersama alatan dan senjata yang mana merupakan tujuan utama Kursus Terjun Bebas untuk melayakkan anggota sebagai penerjun bebas tentera dalam operasi sebenar.

Keseluruhan penerjunan adalah sebanyak 22 kali terjunan bebas termasuk Static Ram Air menggunakan pesawat TUDM CN235 dari No 1 Skuadron TUDM dan EC725 dari No 5 Skuadron TUDM di Zon Gugur PU Labuan.

Komandan dalam ucapannya berkehendakkan agar semua penuntut yang lulus dapat meneruskan penerjunan di pasukan kelak supaya kepakaran dan teknik yang telah diajar dapat diteruskan dan diaplikasikan dalam situasi aman mahupun dalam perang sebenar. - Lt Mohamad Hairul Md Salleh, Gambar: Kpl Abd Jalil Abd Rahman

Eks TIGER LEAP Tingkatkan Kesiagaan Anggota 10 Bgd Para



Oleh: Kapt Mohd Naim Md Rani
Gambar: Sel Risik 18 RAMD (Para)

TERENGGANU: 10 Bgd (Para) telah melaksanakan Eksesais Penerjunan Statik dan Bebas di dalam Eksesais *TIGER LEAP* Siri 1/19 pada 9 hingga 11 Apr 2019 di Zon Gugur NANGKA.

Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Nerus telah dijadikan Pengkalan Pelancar untuk eksesais ini dan objektifnya adalah untuk meningkatkan keupayaan, kemahiran dan taraf pengiktirafan *currency* dalam aspek penerjunan statik dan bebas serta pengurusan perlaksanaan Operasi Paracut secara keseluruhannya.

Seramai 320 penerjun yang terdiri daripada pasukan-pasukan di bawah naungan 10 Bgd (Para) yang telah diterjunkan dengan menggunakan sebuah pesawat C130 *Hercules* TUDM.

Eksesais ini dianjurkan oleh 18 RAMD (Para) dan juga telah melaksanakan Eksesais *LION WARRIOR* Siri 1/19 sebagai kesinambungan fasa *Ground Tactical Manouvre* di dalam Operasi Paracut yang berkonsepkan atur gerak elemen *Leading Para Battle Group* (LPBG) yang melaksanakan misi *Secure Airhead* oleh Komp (+) bagi membolehkan elemen keseluruhan LPBG diterjunkan di Zon Gugur.

Latihan ini diakhiri dengan sesi *After Action Review* (AAR) bagi menilai dan meningkatkan lagi kefahaman anggota tentang perlaksaan Op Paracut.

Pegawai Memerintah 9 RAMD (Para), 18 RAMD (Para) dan 8 RRD (Para) juga turut melaksanakan penerjunan semasa eksesais ini.

Eksesais merupakan satu siri latihan yang telah dirancang secara terperinci dan berterusan di dalam *Training Template* MK 10 Bgd (Para) dan ianya adalah sebahagian pelan tindakan yang digubalkan bagi pengekalan kesiagaan 10 Bgd (Para) sebagaimana hasrat Panglima Tentera Darat iaitu mengadaptasikan prinsip ASAS di dalam 10 Bgd (Para) khasnya dan TD amnya.

MK 10 Bgd (Para) juga turut merakamkan penghargaan kepada TUDM, Pengurusan Malaysia Airports Berhad (MAB) serta Agensi Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Terengganu di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan perlaksanaan eksesais pada kali ini.

MMR 10 Bgd Para

MELAKA: Seramai 250 pegawai daripada pasukan di bawah naungan 10 Brighed (Para) bersama pasangan terlibat dalam Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) sempena meraikan Panglima 10 Bgd (Para) dan pegawai-pegawai yang bertukar masuk dan keluar dari pasukan naungan 10 Brighed (Para) bertempat di hotel terkemuka sekitar Bandaraya Melaka.

Majlis disempurnakan oleh Panglima 10 Brighed (Para), Brig Jen Khairul Azmizal Ahmad Natal menyaksikan seramai 24 pegawai bertukar keluar dan 24 pegawai lagi bertukar masuk.

Selain itu, majlis turut diserikan dengan penyampaian cenderahati oleh Panglima 10 Brighed (Para) kepada pegawai-pegawai yang bertukar keluar.

Sebelum penutup majlis, wakil dari pegawai bertukar keluar iaitu Lt Kol Shah Rizal Chan Shah juga menyampaikan ucapan penghargaan kepada 10 Bgd (Para).

Dalam ucapan balas Panglima 10 Bgd (Para), beliau menekankan betapa pentingnya mengekalkan kesatuan yang teguh dan memperkasakan nilai-nilai kepimpinan disetiap peringkat disampingkan sentiasa meningkatkan kesiapsiagaan dan latihan bagi menjadikan 10 Bgd (Para) terus kekal relevan dan menjadi *the spearhead of the Army*. - Lt Fadhlul Baqi Ahmad Ajemi, Gambar : Gabungan Jurugambar 10 Bgd (Para)



Pertandingan UKM Uji Keunggulan Warga 10 Bgd Para



Oleh: Kapt Muhammad Nasrullah Azman
Gambar: Gabungan 10 Bgd (Para)

MELAKA: Semua pasukan dibawah naungan 10 Bgd (Para) terlibat dalam Pertandingan Ujian Kemahiran Menembak (UKM) Peringkat 10 Bgd (Para) yang diadakan selama lima hari bermula 8 hingga 11 Apr 2019.

Pertandingan yang dianjurkan 10 Bgd (Para) itu bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu di kalangan anggota bagi mewakili ketumbukan 10 Bgd (Para) ke Pertandingan UKM Peringkat Tentera

Darat yang dijangka pada Jul 2019.

Majlis penutup disempurnakan oleh Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Khairul Azmizal Ahmad Natal, sebanyak lima acara dipertandingkan iaitu, Acara Rifle, Carbine, Machine Gun, Pistol (Men) dan Pistol (Ladies).

Juara bagi Acara Carbine disandang oleh Sjn Mohd Ariffin Tumin dari 9 RAMD (Para), Juara bagi Acara Rifle dimenangi SSjn Mohd Paezi Ahmad juga dari 9 RAMD (Para), Juara Acara Machine Gun adalah LKpl Anasullah Sabaruddin dan LKpl Muhammad Hafizul Husni Abd Ghani dari 17 RAMD (Para).

Manakala bagi Acara Pistol (Men) diungguli oleh Kpl Redzuan Razali dari 10 KPD (Para) dan Pistol (Ladies) disandang oleh Kpl Rohani Nordin.

Seramai 81 penembak telah terpilih untuk menjalani latihan pesat Tim UKM 10 Bgd (Para) yang diletakkan di bawah kelolaan Pegawai Memerintah 9 RAMD (Para).

Hasrat Panglima 10 Bgd (Para) kepada Tim Menembak 10 Bgd (Para) adalah memberi fokus semasa latihan pesat demi mengekalkan kejuaraan UKM TD 2018.

Tachtlon 10 Bgd Para Uji Ketahanan Warganya

MELAKA: Pasukan dibawah naungan 10 Bgd (Para) menyertai Pertandingan Tachtlon 10 Bgd (Para) yang di adakan di *Tiger's Trail* 10 Bgd (Para) dan Kompleks Lapang Sasar 400m, Kem Terendak pada 11 Apr 2019.

Tachtlon 10 Bgd (Para) merupakan sukan lasak yang dipelopori oleh anggota 10 Bgd (Para) bagi menguji keupayaan Multiskill pegawai dan anggota dari aspek ketahanan mental dan fizikal, semangat serta daya juang yang tinggi dan juga Marksmanship.

Pertandingan ini dimulakan dengan pelepasan peserta yang disempurnakan oleh Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Khairul Azmizal Ahmad Natal.

Konsep pertandingan Tachtlon ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu Peringkat Satu Menguji Ketahanan Fizikal dan Mental dan Peringkat Dua ialah Ujian *Marksmanship*.

Pertandingan Peringkat Satu adalah menguji keupayaan individu serta disimulasikan dalam senario melaksanakan misi di kawasan operasi di mana peserta perlu merentas pelbagai jenis halangan di sepanjang laluan sejauh 9.6 km yang terdiri daripada terowong, kolam, tembok enam

kaki, tebing, palang berganda, titi bertingkat, dawai kawat, palang berlapis, tali labah-labah dan paya semulajadi yang mencabar keupayaan skil individu, ketahanan fizikal, mental, tahap daya juang serta kepantasian.

Seterusnya, peserta akan melaksanakan Pertandingan Peringkat Dua iaitu acara menembak dalam lima praktis dengan menggunakan senjata M4 Carbine di Lapang Sasar 400m, Kompleks Lapang Sasar Terendak.

Johan bagi Kategori Pegawai diberikan kepada Lt Mohd Hafiz Md Arsad dari 9 RAMD (Para) manakala Johan Kategori PTTK ialah Sjn Azman Hujak dari 8 RRD (Para) dan Johan Kategori PTTR adalah Pbt Mohd Farith Mohd Zaki dari 17 RAMD (Para). - **Kapt Muhammad Nasrullah Azman,**

Gambar: Gabungan 10 Bgd (Para)



Kunjungan Hormat Commander 1st Div Australian Army

Oleh: Mej Mohd Said Adam Mohamed Said
Gambar: Kpl Md Shukor Md Soleh

PULAU PINANG: Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad menerima kunjungan hormat dari *Commander 1st Div Australian Army*, Maj Gen Justin Ellwood pada 29 Apr 2019.

Ketibaan beliau disambut Panglima 2 Div serta seterusnya memeriksa kawalan suku dan diperkenalkan kepada Pegawai Staf MK 2 Div.

Objektif kunjungan hormat ini adalah untuk merapatkan hubungan bilateral antara kedua negara dan seterusnya bersama-sama menghadiri Penutup Eksesais HARINGGAROO Siri 70/2019.



Kunjungan hormat ke MK 2 Div ini diakhiri dengan upacara penyampaian cenderahati dan menandatangani buku lawatan.

Eks HARINGGAROO Siri 70/2019

Oleh: SSjn Mohd Zahaki Hassan

KELANTAN: Seramai 44 pegawai dan 485 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan 21 RAMD dan Briged Kelapan Infantri Malaysia (8 Bgd) serta sembilan pegawai dan 108 anggota dari pasukan *Rifle Company Butterworth* (RCB) terlibat dalam Eksesais HARINGGAROO Siri 70/2019 bermula dari 19 sehingga 30 Apr 2019.

Eksesais HARINGGAROO merupakan latihan tahunan yang dilaksanakan di antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Darat Australia (TDA) yang mana MK 8 Bgd dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan Eksesais ini.

Majlis Pembukaan Eksesais dilaksanakan pada 19 Apr 2019 di Padang Kawad 21 RAMD yang telah disempurnakan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhammad Huzaimi Sabri..

Latihan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu Latihan Silang dan Latihan Medan yang mana aktiviti *Civil Military Co-operation* (CIMIC) turut dilaksanakan pada 20 Apr 2019 di Sekolah Kebangsaan Kem Pangkalan Chepa dengan



melaksanakan aktiviti menceriakan landskap seperti mengecat gazebo, pembersihan kawasan, penanaman pokok serta sumbangan buku-buku ilmiah untuk para pelajar.

Latihan Medan diadakan di Kawasan Am Hutan Simpan Pelagat, Jertih, Terengganu bermula dari 26 sehingga 30 Apr 2019.

Eksesais diakhiri dengan serangan terhadap Kem *Malaysian Revolution Army* (MRA) disusuli dengan Acara Penutup Eksesais pada 30 Apr 2019 yang telah disempurnakan oleh Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad bersama Panglima *1st Division Headquarters Australian Army*, Maj Gen Jake Ellwood.

Upacara ini turut disaksikan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhammad Huzaimi Sabri dan Pegawai Memerintah serta Pemerintah naungan 8 Bgd.

Pada malamnya pula telah diadakan Majlis Malam Akrab yang diadakan di Dewan Tan Sri Hamid Bidin, Kem Pangkalan Chepa.

Majlis ini diserikan lagi dengan persembahan Dikir Barat oleh anggota 8 KOD dan persembahan kebudayaan dari Unit Kebudayaan Universiti Malaysia Kelantan.

Turut hadir adalah *Group Capt Gretchen Fryar, Defence Adviser Australian High Commission* serta *Lt Col Paul Michael Sanderson, Commanding Officer 2nd/30th Training Group, Rifle Company Butterworth, Australian Army*.

Panglima 1 Div Berbuka Puasa Bersama Pangdam XII/TPR

Oleh: 1 Div

SARAWAK: Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu telah menghadiri jemputan Majlis Berbuka Puasa bersama Pangdam XII/Tanjungpura, Mej Jen TNI Herman Asaribab pada 15 Mei 2019 di Pos Kotis Entikong.

Ketibaan Panglima 1 Div yang diiringi Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar disambut oleh Pangdam XII/ Tanjungpura bersama-sama anggota TNI.

Majlis dimulakan dengan berbuka puasa dan diikuti Solat Maghrib berjemaah dan diakhiri dengan acara bertukar cenderahati dan acara bergambar.



UCM Perkujuh Kerjasama Dua Hala

SABAH: Unit Commanders Meeting (UCM) Siri 1/19 telah dilaksanakan di Bilik Gerakan Markas Brigid Kelima Infantri Malaysia (MK 5 Bgd), Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu pada 17 Mei 2019.

Mesyuarat telah dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Staf MK 5 Bgd, Lt Kol Kamarulzaman Hj Mohd Yunos dan Kepala Staf Komando Resor Militer 091/Aji Surya Natakesuma (KASREM 091/ASN) Kol Inf Ruslan Effendy selaku Ketua Delegasi Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Darat (TNI- AD).

Program seperti ini diadakan dua kali setahun adalah untuk mengekalkan hubungan antara TDM dan TNI- AD yang telah sedia terjalin berikutan tahun sebelumnya.

Aktiviti bilateral yang berlangsung selama tiga hari ini juga adalah sebuah aktiviti yang mampu mewujudkan

kesefahaman dan memberi penyelesaian bagi setiap permasalahan dari sudut pengoperasian di perbatasan negara Malaysia-Indonesia (KALTARA).

Melalui UCM menjadi platform kepada kedua-dua wakil delegasi untuk mengutarakan dan menyelesaikan segala isu-isu hangat di perbatasan.

UCM diakhiri dengan Majlis Menandatangani Minit Mesyuarat UCM oleh Lt Kol Kamarulzaman Hj Mohd Yunos dan Kol Inf Ruslan Effendy

Turut hadir Pegawai Memerintah 3 RAMD, Pegawai Memerintah 7 RAMD, Pegawai Memerintah 22 RAMD, Pegawai Memerintah 3 RRD, Wakil Pegawai Staf 9 Bgd dan Pegawai Staf dari 5 Bgd. - **Kapt Muhammad Yasin,** Gambar: Pbt Gary Pangabang



Program Jalinan Kasih Pegawai Kanan TD Dan UM

Oleh: INSPEKA

NEGERI SEMBILAN: Satu Program *Coperate Social Responsibility* (CSR) yang bertemakan Jalinan Kasih Pengikat Ukhwah berjaya dilaksana dan dikelolakan oleh Penuntut kursus Sarjana Pengurusan Pemerintah Pasukan Siri 22/2019 dari Institut Pegawai Kanan Tentera Darat (INSPEKA) bertempat di Kg Dusun Kubur pada 6 Apr 2019.

Program ini adalah kolaborasi antara INSPEKA dan Universiti Malaya dengan berobjektifkan ilmiah yang membolehkan penuntut mempraktikkan pembelajaran samada aspek pengurusan kewangan maupun aspek pengendalian.

Ianya juga telah dilihat sebagai satu platform untuk memupuk ikatan siraturahim yang telah sedia terjalin.

Program ini telah melibatkan seramai 30 pegawai dan 25 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP), tiga Pensyarah dari Universiti Malaya serta 300 orang penduduk kampung. Program ini turut mendapat perhatian pemimpin setempat diantaranya ADUN Chennah, Anthony Loke dan ADUN Klawang, Tuan Hj Bakri.

Selain itu, program ini melestarikan ukhwah dan melibatkan aktiviti Promosi Kerjaya ATM,



Pemeriksaan Kesihatan oleh Pasukan Perubatan ATM, Program Baik Pulih Rumah Penduduk Orang Asli, sumbangan kepada penduduk Orang Kurang Upaya (OKU) dan gotong royong serta sumbangan buku di Tabika KEMAS.

Seterusnya, program diakhiri dengan jamuan makan tengahari dan penyampaian sumbangan pakaian sekolah kepada pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di Dewan Serbaguna Kampung Dusun Kubur.

Turut hadir Komandan INSPEKA Brig Jen Dr A. Endry Nixon dan Timbalan Dekan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan UM, Prof Madya Dr Yusniza Kamarulzaman.

Program Jiwa Murni Pasukan 21 Skn KPTD



JOHOR: Seramai satu pegawai dan 24 anggota Lain-Lain Pangkat Pasukan 21 Skuadron Kor Polis Tentera Diraja

(Skn KPTD) terlibat dalam Program Jiwa Murni Siri 1/2019 dilaksanakan disekitar perkampungan Tanjung

Genting dan Tenglu Laut pada 24 Apr 2019.

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat setiaawan dan kerjasama diantara tentera dan penduduk se-tempat disamping berpeluang untuk beramah mesra dalam aktiviti yang dijalankan.

Aktiviti yang dilaksanakan adalah merangkumi gotong royong kebersihan kawasan bagi mengelakkan penyebaran wabak demam denggi, melaksanakan pemberian dan senggaraan kecil di kediaman penduduk yang telah dicadangkan oleh Ketua Kampung serta melaksanakan agihan sumbangan.

Sebanyak tiga kediaman telah dipilih dalam pelaksanaan aktiviti ini disamping pembersihan kawasan persekitaran Surau Kampung Makam. - Mej Mohammad Redzha, Gambar: SSjn Arzahari

Projek Jiwa Murni ENCAP

Oleh MK MAB

SARAWAK: Majlis Ribbon Cutting simbolik penyerahan Projek Jiwa Murni Kejuruteraan (*Engineering Civic Action Program - ENCAP*) sempena Eksesais *PACIFIC PARTNERSHIP* 2019 telah disempurnakan oleh TYT Kamala Shirin Lakhdir Duta Amerika Syarikat ke Malaysia bertempat di Sekolah Kebangsaan Sambir, Asajaya pada 11 Apr 2019.

Penyerahan projek ENCAP di SK Sambir ini adalah sebahagian daripada aktiviti yang dilaksanakan sempena eksesais ini yang melibatkan tiga buah sekolah iaitu SK Sambir dan SK Sebandi Matang di Asajaya serta SK Tanah Puteh di Serian.

Projek ENCAP di SK Sambir melibatkan kerja-kerja Kejuruteraan bagi memperbaiki, membina dan menyelenggara dua bilik darjah dan stor.

Manakala Projek ENCAP di SK Sebandi Matang pula melibatkan kerja-kerja Kejuruteraan membaik-pulih longkang sepanjang 250m dan membaiki dan mengubahsuai tandas yang usang.



Bagi Projek ENCAP di SK Tanah Puteh, Serian pula adalah melibatkan kerja-kerja kejuruteraan memperbaiki, membina enam buah tapak tangki air.

Kesemua projek ENCAP ini dilaksanakan secara bersama oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Amerika Syarikat.

Seramai 33 pegawai dan anggota Skuadron Ke-3 Rejimen Askar Jurutera Diraja (3 RAJD) serta 60 pegawai dan anggota Amerika Syarikat berganding bahu menyiapkan projek-projek tersebut.

Kesemua Projek ENCAP bermula pada 12 Mac 2019 yang lalu dan siap sepenuhnya pada 10 Apr 2019.

Aktiviti seperti ini memberi manfaat terutamanya kepada anggota ATM kerana dapat menimba ilmu bekerjasama dengan tentera luar negara.

Turut hadir Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Dato' Wira Zamrose Mohd Zain, Ketua Misi PP19, Captain Randy Van Rossum USN, Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu dan Guru Besar Sekolah, Sufian Basri.

Kerja Amal Pacific Partnership Bersama Pelajar dan Kakitangan Sekolah

SARAWAK: Peserta *Pacific Partnership* (PP19) dari Tentera Laut Amerika Syarikat mengambil peluang melakukan kerja amal

bersama-sama dengan pelajar dan kakitangan SMK Matang Jaya, Kuching pada 10 Apr 2019.

Antara kerja amal yang dilakukan adalah gotong-royong, menanam pokok dan bera-mah mesra bersama pelajar-pelajar.

Pengetua SMK Matang Jaya Puan Judah Ahmad menyatakan bahawa pihak sekolah amat bebesar hati dan berterima kasih kerana sekolah mereka menjadi salah satu pilihan untuk PP19 mengadakan program di sekolah tersebut.

Di akhir program, para pelajar dan guru-guru SMK Matang Jaya dihiburkan dengan persembahan kugiran dari Kumpulan *D'bamfylde* dari Markas Divisyen Pertama Infanteri Malaysia dan Kumpulan muzik *Pacific Fleet Band*, USNS Fall River yang dianggotai oleh Tentera Laut Amerika Syarikat, Tentera Laut Thailand dan Tentera Laut Filipina.- MK MAB





RAJD Sambut HUT Ke-66

Oleh: Saifun Hakimi Zainon
Gambar: SSjn Vijay Gaunder Arikhrisanan

JOHOR: Seramai 15 pegawai dan 209 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) terlibat dalam Perbarisan Hari RAJD Ke-66 disempurnakan oleh Ketua Jurutera, Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Ahmad Nasir Haji Abd Rahman di Padang Kawad, Institut Kejuruteraan Medan Tentera Darat (IKEM) pada 22 Apr 2019.

Perbarisan diketuai oleh Lt Kol Ramli Jumaat dengan tema sambutan pada tahun ini ialah Tekun Berlatih, Perkasa Keupayaan.

Pada masa yang sama turut diadakan penyampaian Sijil Kepujian Ketua Jurutera kepada tiga pegawai serta 12 anggota LLP dan dua kakitangan awam.

Acara diteruskan dengan penyampaian Sijil Penghargaan Khas kepada 11 mantan SMR Terkanan RAJD.

Dalam ucapan Ketua Jurutera, beliau menekankan bahawa 2019 merupakan Tahun Penjajaran dimana ruang dan ingatan diberikan agar TD kembali kepada ASAS (*back to basic*) yang mana ASAS adalah akronim atau singkatan yang bermaksud Amal, Sistem Pemerintahan Rejimental, Adaptasi dan Siap Siaga.

"Konsep ASAS bukan sahaja mengikuti peraturan sedia ada, tetapi meliputi bantu-membantu, memberitahu



dan memperingati serta menambah ilmu untuk berubah menjadi yang lebih baik.

"Sehubungan itu saya menyertai semua peringkat warga RAJD

terutamanya peringkat pemerintah untuk sentiasa mengimplementasikan ASAS supaya kita menjadi warga yang unggul dan RAJD terus dimartabatkan sebagai satu kor yang disegani di dalam TD," tegasnya.

Turut hadir, Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan, Brig Jen Dato' Pahlawan Ir Chapiti Hj Redzwan, Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan, Brig Jen Sr Dr Mohd Zamri Mohamad Rabab, Komander Jurutera Medan Barat Markas Rejimen Askar Jurutera Diraja, Brig Jen Ir Abdul Hamid Mohd Isa dan veteran-veteran RAJD.

Kayuhan Diraja Sempena HUT AW Ke-61

Oleh: Lt M Nur Faeezah Izzati
Ahmad Rusli
Gambar: Kpl Kamarulzaman
Ahmad

PERLIS: Komander Rejimen 504 Askar Wataniah (AW), DYTMB Brig Jen Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail mencemar duli mengikuti kayuhan Diraja sempena Hari Ulang Tahun AW Ke-61 sekitar Kawasan Kuala Perlis pada 2 Jun 2019.

Kayuhan Diraja bersama pegawai dan anggota Rej 504 AW ini adalah sebahagian daripada acara sambutan awal di peringkat Rejimen dalam mempromosikan AW kepada rakyat dan penduduk Negeri Perlis.

Acara kayuhan ini bermula dan berakhir di Perkarangan Masjid Al-Rahmaniah, Kuala Perlis, kayuhan ini ditaja oleh Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) yang turut memberi sumbangan raya kepada anggota Rejimen



yang bertugas pada 1 Syawal.

Aktiviti kayuhan dimulakan dengan Pelancaran Promosi AW di booth Tapak Bazar Ramadhan Kuala Perlis sebelum meneruskan kayuhan ke rumah asnaf yang dikoordinasikan oleh MAIPs di sekitar Kuala Perlis.

Komander bertitah agar orang ramai menyertai AW dan berharap

ketua jabatan memberi peluang anggota menyertai AW dan menjadi sebahagian benteng kedua pertahanan negara.

Turut serta dalam acara kayuhan ini, Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong, Timbalan Komander 504 AW, Lt Kol Mohamad Zaidi Ishak dan ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri Perlis.

Perbarisan HUT Ke-47 8 Bgd

KELANTAN: Seramai 24 pegawai dan 320 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) Markas Briged Kelapan Infantri Malaysia (8 Bgd) disempurnakan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhammad Huzaimi Sabri di Padang Kawad 16 RAMD pada 26 Jun 2019.

Perbarisan ini diketuai oleh Pegawai Memerintah 5 RRD, Lt Kol Hj Jonurzaidi Hj Jusoh terdiri dari enam kontinjen, dalam ucapan Panglima 8 Bgd, beliau menyeru pegawai dan anggota untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan jujur dan ikhlas demi memastikan keselamatan, kesejahteraan negara serta rakyat terpelihara.



Dimasa yang sama semua pegawai dan anggota diingatkan agar sentiasa peka dengan kejadian semasa sama ada di dalam atau luar negara sebagai persediaan untuk meningkatkan tahap kesiagaan bagi menghadapi segala bentuk ancaman pada masa kini.

Disamping itu juga, demi menjaga nama baik dan imej 8 Bgd khususnya dan TD amnya, beliau menasihatkan seluruh lapisan anggota agar sentiasa memelihara disiplin dan menjauhi amalan serta gejala negatif seperti penyalahgunaan najis dadah, judi siber, jenayah dan sebagainya.

Diakhiri ucapan, Panglima menaikkan setinggi tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pucuk pimpinan Tentera Darat dan ATM kerana memberi sokongan dan sepenuh kepercayaan kepada 8 Bgd untuk terus melaksanakan tugas utama ataupun tugas sekunder yang lain dengan efektif serta efisien, majlis diteruskan dengan acara penyampaian Sijil Penghargaan dan pemakaian pangkat kepada pegawai dan anggota LLP.

Turut hadir Pegawai Memerintah, Pegawai Pemerintah pasukan, BAKAT 8 Bgd dan kakitangan awam.
- Lt Muhammad Suhail Shahimi,
Gambar: LKpl Mohd Noor Zaidan Md Adri

Skill Challenge Sempena Sambutan Hari 7 Skn RAJD



Oleh: Lt Mohamad Hapiszul Sulaiman
Gambar: LKpl Isnorhayana Rosdy

KELANTAN: Seramai lapan pegawai dan 131 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam perbarisan Hari 7 Skn RAJD Ke-43 yang disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah, Kapt Mohd Iqbal Mohd Zainuddin di Padang Kawad Pasukan pada 1 Apr 2019.

Perbarisan dimulai dengan pemeriksaan perbarisan serta acara penyampaian Anugerah Sijil Penghargaan Pegawai Pemerintah kepada pegawai, anggota LLP dan Terup Terbaik.

Penilaian tersebut diambil kira dari aspek G, A dan Q setiap Terup bagi sepanjang tahun dari Apr 2018 sehingga Mac 2019.

Penerima anugerah tersebut menerima Sijil Penghargaan Pegawai Pemerintah, manakala bagi Terup Terbaik membawa pulang Piala Pusingan dan bagi Kategori Pegawai diberikan kepada Lt Umi Aida Nordin manakala bagi Kategori PTTK diaugerahkan kepada PW II Marzuki Hashim, SSjn Mohd Shaiful Mat Daud dan Sjn Mohd Rosmizi Zuhani.

Bagi Kategori Kpl ke bawah pula, anugerah diberikan kepada Kpl Md Shamsudin Abdul Kossin, Kpl Mohd Fani Mohd Fauzi, Kpl Rosman Yusof, Kpl Abdullah Alliyasdan dan Spr Mohd Firdaus Isa.

Turut menerima anugerah bagi Kategori Lain-lain Kor adalah Kpl Mohd Azuan Kamaruzaman dari Kor KPD, manakala pemenang Terup Terbaik daripada Pasukan 7 Skn

RAJD pada tahun ini daripada Terup Markas yang dipimpin oleh Lt Umi Aida Nordin.

Acara Hari Pasukan dimeriahkan lagi dengan Pertandingan *Skill Challenge* diantara terup untuk memastikan anggota Jurutera lebih mahir dan cekap di dalam Aspek Kejuruteraan disamping memberi semangat juang yang tinggi diantara terup untuk mendapat anugerah terup terbaik pada tahun hadapan.

Objektif ini juga untuk membina ketahanan fizikal dan mental setiap anggota serta memelihara kemahiran membuat keputusan dalam situasi yang tegang.

Pertandingan *Skill Challenge* ini dimulakan dan terbahagi kepada empat Disiplin iaitu Disiplin Satu adalah Larian 1 km, Disiplin Dua adalah Pemasangan Ram, Disiplin Tiga adalah Pemasangan *Jetfloat* dan Disiplin Empat adalah Pembinaan *Concentertina Wire Type 1*.

Sebanyak lima Terup terlibat dalam pertandingan ini bagi merebut gelaran Juara Pertandingan *Skill Challenge* di mana pemenang bagi pertandingan tersebut dimenangi oleh Terup Pertama yang diketuai oleh Lt Qairul Fiqri Zainal Abidin dengan catatan masa selama 34 minit 11 saat.

Pegawai Pemerintah 7 Skn RAJD, dalam ucapannya menyarankan warga 7 Skn RAJD agar menjaga disiplin diri kerana faktor disiplin adalah yang terpenting bagi seorang tentera.

Warga 7 Skn RAJD juga dinasihatkan agar menjauhkan diri daripada gejala yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah, judi dan minuman keras.

Selain itu, beliau juga menekankan kepada aspek keselamatan kemerutamanya di waktu malam dan mengharapkan setiap anggota yang ditugaskan supaya melaksanakan amanah diberikan dengan jujur dan ikhlas.



Perbarisan HUT Ke-5 Markas Angkatan Petugas 450



Oleh: Kapt Muhammad Yasin Mohd Sazali

Gambar: Pbt Gary Pangabang

SABAH: Seramai 12 pegawai dan 420 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) Markas Angkatan Petugas 450 yang Ke-5 diketuai oleh Lt Kol Burhan Sagoni di Padang Kawad Rejimen Keenam Artilleri Diraja pada 10 Apr 2019.

Dalam ucapan Panglima AT 450, beliau berasa bangga kerana dapat menyambut Hari Ulang Tahun Markas Angkatan Petugas Ke-5 dan menyeru kepada seluruh warga Angkatan Petugas 450 untuk bersama-sama menzahirkan rasa penuh kesyukuran di atas nikmat keamanan serta keharmonian yang dikecapi pada hari ini di mana ianya merupakan suatu anugerah terbesar yang tidak ternilai dan tiada bandingannya.

"Saya mengajak seluruh warga AT 450 untuk bersama-sama berikrar

untuk mempertahankannya agar anugerah yang sedang dinikmati ini akan berkekalan dan turut dapat dikecapi oleh generasi anak cucu yang akan datang.

"Selain itu, saya menyeru warga AT 450 bersama-sama menyahut dan melaksanakan amanat yang telah disampaikan oleh Panglima Tentera Darat iaitu Amal, Sistem Pemerintahan Rejimantai, Adaptasi dan Siap Sedia haruslah ditafsir dengan mendalam, diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan seterusnya dijadikan sebagai panduan pada sebilang masa," tegas beliau.

Tambahnya lagi, beliau berharap agar semua peringkat anggota bekerja dan bertugas dengan penuh komited serta bertindak secara proaktif untuk memastikan kita dapat bekerja melebihi jangkauan yang ditetapkan serta gunakan sepenuhnya kekuatan imaginatif, kreativiti dan inovasi untuk bersama berganding bahu dan bekerjasama dengan pemerintah bagi menjadikan Div ini lebih cemerlang dan setanding dengan Div-Div lain sesuai dengan cogankata Angkatan Petugas 450 sehingga ke titisan darah terakhir.

Turut hadir Panglima AT 450, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah, Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan, Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan.

Perbarisan HUT RAMD Ke-86

Oleh: Kapt Wan Abdul Fatah Wan Omar

Gambar: Kpl Salfa Nur Azmi Mustafa

NEGERI SEMBILAN: Seramai 16 pegawai dan 370 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) RAMD Ke-86 disempurnakan oleh Pengurus RAMD, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin di Padang Kawad PUSASDA pada 17 Apr 2019.

Perbarisan diketuai oleh Lt Kol Mohamad Rizal Saad yang melibatkan empat detasmen terdiri dari Detasmen Istiadat, Detasmen Para, Detasmen Mekanize dan Detasmen Batalion Infantry Standard (BIS) serta diiringi Pancaragam Pusat RAMD pimpinan Mej Mohd Nor Azizan Yahya.

Dalam ucapan Pengurus RAMD, beliau berkata keistimewaan RAMD telah diperuntukkan melalui Perkara 8, Perkara Kecil, 5 (f) yang memperuntukan tiada apa - apa peraturan yang boleh dibuat yang menyekat kemasukan ke RAMD hanya untuk orang Melayu.

"Peruntukan Perlembagaan Persekutuan mengenai Askar Melayu ini dibuat kerana mereka yang



terdahulu telah memikirkan bahawa orang Melayu walau apa pun terjadi mesti mempertahankan tanah air ini, "Kita yang wujud pada hari ini mesti mempertahankan peruntukan Perlembagaan Persekutuan tersebut," ujarnya.

Turut hadir Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi dan Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman.

HUT KAGAT Ke-34



Oleh: PW I Wan Abd Aziz Wan Hamat

NEGERI SEMBILAN: Seramai 12 pegawai dan 106 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) KAGAT Ke-34 disempurnakan oleh Pengerusi KAGAT, Mej Jen Dato' Hj Kamarudin Hj Mamat di Institut Latihan Dan Kefahaman Islam ATM

(ILMI) pada 16 Apr 2019.

Perbarisan ini diketuai oleh Lt Kol Nadzri Musinman yang terdiri daripada tiga detasmen diiringi pancaragam dari Brass Band Rej Ke-2 Kor Armor Diraja di bawah pimpinan Drum Mej Kpl Mad Som Dali Ibrahim Yaakob.

KAGAT sebelum ini aktif terlibat dalam Ops Perisai Wira yang bertujuan untuk membendung penyebaran fahaman oleh kumpulan pengganas

antarabangsa, DAESH.

"Untuk modul yang kedua ini iaitu Ops Perisai Akidah adalah khas ditubuhkan untuk memberi penerangan kepada pegawai dan anggota tentera tentang penyelewengan akidah dan juga ajaran sesat yang ada dalam negara kita," ujarnya.

Usaha tersebut adalah bagi mengelakkan anggota tentera tidak terlibat sama dalam aktiviti berkenaan, pada masa yang sama, beliau menyambut baik usaha Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk memperkenalkan program pendidikan agama iaitu Pendidikan Islam Fardhu Ain (PIFA).

PIFA merupakan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi oleh anggota tentera beragama Islam sebelum dinaikkan pangkat.

Majlis diteruskan dengan acara pemakaian pangkat kepada 10 anggota LLP KAGAT dan penyampaian Sijil Kepujian Pengerusi Kor kepada lima pegawai dan 10 anggota LLP KAGAT.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Kor, Brig Jen Dato' Hj Mustafa Hj Abd Manap, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Brig Jen Dato' Hj Nawawi Daud serta 500 warga KAGAT.

Derma Darah Sempena HUT PMT TD

SARAWAK: Seramai 312 warga Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMT TD) terlibat dalam Program Derma Darah sempena Hari Ulang Tahun (HUT) PMT TD Ke- 5 bertempat di Dewan Bukavu pada 31 Mac 2019.

Program ini dianjurkan oleh Batalion Pertama Perubatan bertujuan untuk mengumpul bekalan darah agar dapat disalurkan kepada Pusat Darah Negara (PDN).

Ini sedikit sebanyak telah membantu pihak hospital yang mengalami masalah kekurangan bekalan darah, di samping memberi peluang kepada warga Pemerintahan Timur untuk melaksanakan *Corporate Social Responsibility* (CSR) kepada masyarakat setempat.

Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain telah me luangkan masa hadir serta mengambil bahagian dalam program derma darah ini.



Turut hadir Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu, Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar, Ketua Staf Am MK PMTTD, Brig Jen Dato' Hj Kamarol Fauzi Hj Mohd Said dan Pegawai-pegawai Kanan TD. - **Kapt Muhammad Muzhafar Salji, Gambar: Pbt Muhammad Fazlan Tumijan**

Pertandingan Road Relay Sempena HUT 9 Bgd Ke-43

Oleh: Lt Azlan Azmi

Gambar: Sjn Chung Nyek Chu

SARAWAK: Markas Briged Kesembilan Infantri Malaysia (9 Bgd) telah melaksanakan pertandingan *Road Relay* melibatkan semua pasukan-pasukan dibawah naungan 9 Bgd sempena HUT 9 Bgd di Taman Awam Permai, Sibu pada 29 Apr 2019.

Objektif utama pertandingan adalah untuk menguji ketahanan fizikal dan mental sebagai satu pasukan selain menilai tahap kepimpinan seseorang ketua.

Pertandingan ini memerlukan peserta mengharungi trek sejauh 1.7 km yang merangkumi lima disiplin iaitu mengangkat tayar 3 Ton, memikul Kayu Log, membawa Tong Peluru, memikul Jerican dan akhir sekali memasang khemah 180.

Panglima 9 Bgd dalam ucapannya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta kerana telah berjaya menamatkan pertandingan dengan jayanya. Beliau berharap agar



acara ini akan dijadikan sebagai acara tahunan dan melaksanakan lebih banyak aktiviti seumpama ini pada masa akan datang.

Seterusnya Panglima 9 Bgd telah menyampaikan medal serta piala

pusingan kepada pasukan yang telah berjaya di mana tempat Ketiga disandang oleh pasukan 9 KOD, tempat Kedua disandang oleh pasukan 3 RRD dan Johan *Road Relay* disandang oleh Pasukan 20 RAMD.

Sambutan HUT PMB TD Ke-38

KUALA LUMPUR: Seramai 50 pegawai dan 250 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMB TD) terlibat dalam perbarisan Hari Ulang Tahun MK PMB TD Ke-38

disempurnakan oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Azizan Md Delin di Padang Kawad 71 RSD pada 3 Mei 2019.

Perbarisan diketuai oleh Pegawai Staf 1 Risik MK PMB TD, Lt Kol

Abdul Rahman Muhammad Salim diiringi Pancaragam Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD).

Pada masa sama turut diadakan acara pemakaian pangkat dan penganugerahan Pingat Perkhidmatan Setia kepada anggota MK PMB TD.

Kemuncak acara sambutan adalah Majlis Memotong Pulut Kuning oleh PMB TD dan penyampaian hadiah bagi pemenang Penulisan Essei Peringkat Pemerintahan Medan Barat TD di Dewan Dato' Jamil Ahmad serta berarak ke Masjid AT untuk menuaikan Solat Jumaat sempena Hari Ulang Tahun MK PMB TD.

Turut hadir, Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman, Panglima GAPU, Brig Jen Zainal Mohd Noor, Panglima Briged Artilleri Roket, Brig Jen Zulkefale A Rahman dan Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah. - **Kpl Azlina Abd Azmi**



PENGHARGAAN

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: Saifun Hakimi Zinon

PAHANG: Seramai 18 pegawai dan 216 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Risik Diraja (KRD) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan (TKPP), Mej Jen Dato' Ismail Abetah di Padang Kawad Kolej Perisikan Angkatan Tentera Malaysia (KP ATM) pada 4 Apr 2019.

Terdahulu dari itu, Mej Jen Dato' Ismail Abetah menerima tabik hormat terakhir dari kontingen perbarisan terdiri daripada lima detasmen diketuai oleh Lt Kol Mohamad Heikal Mohamad Hairi diiringi brassband dari Rejimen Pertama Kor Armor Diraja bertujuan sebagai tanda penghormatan menghargai jasa yang telah dicurahkan oleh beliau selama 39 tahun dua bulan sembilan hari berkhidmat di dalam ATM amnya dan TD khasnya.

Dalam ucapannya, beliau berasa terharu serta berbangga di atas satu persembahan perbarisan yang penuh bersemangat serta mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan (KPPP), Lt Jen Dato' Sheikh Mohksin Sheikh Hassan mewakili Panglima Tentera Darat (PTD) yang sudi hadir dalam perbarisan penghargaan tersebut.

" Sepanjang tempoh pekhidmatan, saya dapat melihat perkembangan dan pembangunan BSPP serta KRD Khasnya telah menjadi sebuah organisasi yang disegani serta mampu menangani pelbagai spektrum ancaman sejarah dengan arus perkembangan strategik serantau dan global masa kini.

"Disamping itu juga, bentuk kepimpinan yang menyakinkan, tahap profesional yang tinggi, latihan yang mantap serta semangat setia kawan yang tinggi adalah



Perbarisan Penghargaan Mej Jen Dato' Ismail Abetah







antara perkara-perkara asas yang perlu dititik beratkan bagi membolehkan warga BSPP serta KRD menjadi satu pasukan yang efektif dan efisien.

"Nilai-nilai ini akan menjadi landasan kepada kekuatan kita dan menjadi sebuah organisasi perisikan yang mampu mempertahankan kedaulatan negara dalam apaja bentuk ancaman," ujar beliau. Sejurus selepas perbarisan, KPPP turut membuat penyerahan peralatan ICT kepada KP ATM.

Mengimbas keperibadian Mej Jen Dato' Ismail Abetah, beliau dilahirkan pada 10 Sep 1961 di Bukit Duyong, Melaka dan mula menyertai tentera pada 1 Jul 1980 serta mendirikan rumah tangga dengan Datin Sha'bba Mohd Arsat dan mempunyai tiga cahaya mata.

Turut hadir Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, Asisten Ketua Staf Perisikan, Mej Jen Dato' Rezil Shahidin, Timbalan KPPP, Mej Jen Ahmad Norihan Jalal, Pegawai Unit Operasi Khas Jabatan Peguam Negara, Mej Jen Dato' Ghazali Hj Ismail dan Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Engr Reizal Arif Tan Sri Ismail.



Perbarisan Penghargaan Lt Jen Dato' Pahlawan Mohd Razif Hj Idris



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Seramai 27 pegawai dan 318 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Ordnans Diraja (KOD) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Lt Jen Dato' Pahlawan Mohd Razif Hj Idris di Padang Kawad, Kem Batu Kentonmen pada 17 Jun 2019.

Terdahulu dari itu, Lt Jen Dato' Pahlawan Mohd Razif Hj Idris menerima tabik hormat terakhir oleh kontingen perbarisan terdiri daripada lapan detasmen diketuai Lt Kol Md Idris Md Seh diiringi Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja bertujuan sebagai tanda penghormatan menghargai jasa yang telah dicurahkan oleh beliau selama 40 tahun dua bulan dua hari berkhidmat di dalam ATM amnya dan TD khasnya.

Dalam ucapannya, beliau berasa terharu serta berbangga di atas persembahan perbarisan yang mantap dan segak serta mengucapkan terima kasih kepada Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi yang sudi hadir dalam perbarisan penghargaan tersebut.

"40 tahun merupakan satu jangka hayat yang agak panjang di atas segala khidmat bakti saya kepada ATM amnya dan TD khas sehingga ke titik noktah Perbarisan Penghargaan sebagai tanda menutup tirai persaraan saya pada pagi ini.

"Sebelum mengundurkan diri izinkan saya berpesan bahawa sentiasalah berbakti dan korbankanlah masa terhadap ibu bapa yang telah banyak mengorbankan masa dan usia





"40 tahun merupakan satu jangka hayat yang agak panjang di atas segala khidmat bakti saya kepada ATM amnya dan TD khas "

- Lt Jen Dato' Pahlawan Mohd Razif Hj Idris





mereka terhadap kita, sayangilah mereka sebagaimana mereka menyayangi dan menantang kita sewaktu kecil, lemah dan tiada pengalaman serta dengan berkat doa mereka sejak kita kecil sehingga sekarang ini merupakan pemangkin kepada kejayaan kita,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, perhubungan persahabatan perlu digilap bagi sebutir permata di mana kekuatan TD ber�antung kepada perhubungan erat dan ketiaatan kesetiaan antara satu sama lain di dalam satu ketumbukan.

Mengimbas keperibadian Lt Jen Dato' Pahlawan Mohd Razif Hj Idris, beliau dilahirkan pada tanggal 18 Jun 1959 di Kuala Kangsar, Perak dan mula menyertai tentera dan

ditauliahkan ke dalam KOD pada 2 Apr 1981 serta mendirikan rumah tangga dengan Datin Dr Nur Aireen Ismail dan mempunyai lapan cahaya mata.

Turut hadir Asisten Ketua Staf Logistik Pertahanan, Mej Jen Dato' Hj Hashim Jaabar, Pengurus KOD, Brig Jen Muhammad Arif Soo Abdullah dan Pengarah KOD, Brig Jen Hj Azelan Abu Bakar.



Pertandingan Boling BAKAT 4 Div



Oleh: Siti Zubaidah Ramlan

KUALA LUMPUR: Pertandingan Boling Peringkat BAKAT 4 Div telah diadakan bertempat di Gurney Bowl, UTM Residence pada 4 Apr 2019.

Pertandingan Boling ini melibatkan seramai 50 Ahli BAKAT 4 Div dan dianjurkan oleh BAKAT 12 Bgd bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim serta merupakan aktiviti BAKAT tahunan 4 Div.

Turut hadir Pengurus BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeraai, Pengurus BAKAT 11 Bgd, Datin Ruzairitasharina Zakaria, Pengurus BAKAT 12 Bgd, Roziah Abdullah dan Pengurus BAKAT Gabungan 4 Div, Syarifah Hussain.

Mesyuarat Agung BAKAT 1 RRD Tahun 2019

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Agung BAKAT 1 RRD Tahun 2019 telah diadakan di Rumah BAKAT Pasukan, Kem Wardieburn pada 6 Apr 2019.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Mazlinah Rahman, Pengurus BAKAT 1 RRD, mesyuarat Agung BAKAT ini diadakan bertujuan untuk melantik AJK BAKAT 1 RRD serta pembentangan rancangan aktiviti sepanjang tahun 2019.

Dalam kata aluan, Pegawai Memerintah mengingatkan supaya kepentingan BAKAT dan fungsinya dapat mencapai objektif



penubuhannya serta menjadi *platform* sebaiknya supaya terus kekal relevan di masa-masa mendatang. - **Risik Pasukan**

Pengerusi BAKAT Lawat 9 Bgd



SARAWAK: Pengurus BAKAT 1 Div, Datin Salina Hj Said telah melakukan Lawatan Ulung ke BAKAT 9 Bgd Sibu pada 8 Apr 2019.

Ketibaan Pengurus BAKAT 1 Div telah disambut oleh Pengurus BAKAT 9 Bgd, Che Rohana Abdul Kadir dan 110 ahli-ahli BAKAT naungan 9 Bgd.

Dalam lawatan tersebut, Pengurus BAKAT 1 Div telah diperkenalkan dengan pelbagai jenis-jenis masakan dan hasil kraf-tangan dari ahli BAKAT naungan 9 Bgd.

Pengerusi BAKAT 1 Div juga telah dipertontonkan dengan persembahan tarian kebudayaan daripada ahli BAKAT naungan 9 Bgd dan diakhiri dengan menandatangi buku lawatan serta bergambar kenangan bersama ahli-ahli BAKAT 9 Bgd. - **Lt M Nurul Farahin Zaharuddin, Gambar: Sjn Chung**

Pertandingan Master Chef BAKAT 18 RAMD Para

Oleh : 18 RAMD (Para)

TERENGGANU: Pertandingan *Masterchef* dan Sukan Badminton Peringkat BAKAT 18 RAMD (Para) telah diadakan di Dewan Seri Terengganu, Kem Seri Pantai pada 6 Apr 2019.

Seramai 134 Ahli BAKAT 18 RAMD (Para) mengambil bahagian bagi semua acara yang dipertandingkan, pertandingan yang julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh Pengurus BAKAT 18 RAMD (Para), Sharifah Hanem Syed Idrus.

Acara dimulakan dengan Demonstrasi Masakan oleh Chef Fadzil Ismail dari Hotel Paya Bunga dan diteruskan dengan Pertandingan Masakan dan Hiasan Kek.

Bagi pertandingan masakan dimenangi oleh Kompeni Bantuan manakala bagi Pertandingan Hiasan Kek dimenangi oleh Kompeni Markas.

Pada masa sama, Pertandingan Badminton peringkat akhir turut diadakan dimana pusingan awalnya dilaksanakan secara liga bermula pada 4 hingga 5 Apr 2019 di dalam dua kategori



iaitu Perseorangan dan Beregu Wanita.

Kompeni B menjadi Juara Keseluruhan Pertandingan Badminton selepas berjaya menjuarai kedua-dua Kategori yang dipertandingkan, pemenang bagi semua acara akan mewakili BAKAT 18 RAMD (Para) ke pertandingan peringkat 8 Bgd.

Turut hadir Pegawai Memerintah 18 RAMD (Para), Lt Kol Syed Suhairi Syed Hussin.

Pengerusi BAKAT 2 Div Lawat BAKAT 8 Bgd

KELANTAN: Pengerusi BAKAT 2 Div, Datin Sdafra' Hj Ahmad melakukan Lawatan Ulung ke BAKAT 8 Bgd pada 4 Apr 2019.

Ketibaan Datin di Dewan Sri Pahlawan, Kem Desa Pahlawan disambut oleh Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Hjh Rosilawati Ahmad Tajri bersama 105 Ahli BAKAT naungan 8 Bgd.



Lawatan dimulakan dengan sesi bergambar bersama Ahli-ahli BAKAT dan seterusnya mendengar ceramah disampaikan Pengarah JHEV ATM Kelantan, Mej Muhd Aman Shah Alias bertajuk Peranan Dan Tanggungjawab JHEV ATM Dalam Menjaga Kebajikan Isteri, Balu Dan Anak Veteran ATM.

Dalam lawatan tersebut juga, Pengerusi BAKAT 2 Div turut menyampaikan sumbangan kepada Ahli BAKAT yang berpenyakit kronik dan anak OKU.

Lawatan diteruskan ke Pusat Pemulihan Dalaman Komuniti (PPDK) yang berkekuatan seramai 23 kanak-kanak kurang upaya.

Sumbangan turut disampaikan oleh Datin kepada anak-anak OKU ini dan lawatan kebajikan ini diakhiri dengan menandatangani Buku Lawatan dan bergambar kenangan bersama anak-anak OKU dan Penyelia PPDK.

Aktiviti sepanjang Lawatan Ulung diakhiri dengan kunjungan ke Ladang Madu Kelulut MM Desa Pahlawan. - **Kapt Ummi Kalsom Mohd Lias, Gambar: Kpl Farhan Zahari.**

Lawatan Sosial Anjuran BAKAT 8 Bgd

Oleh: Kapt Ummi Kalsom Mohd
Lias
Gambar: Sjn Norayunie Omar

KELANTAN: Program Lawatan Sosial anjuran BAKAT 8 Bgd telah diadakan di lokasi terpilih sekitar Kota Bharu pada 5 hingga 6 Apr 2019.

Pengerusi BAKAT 2 Div, Datin Sdafra' Hj Ahmad dan Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Puan Hjh Rosilawati Ahmad Tajri selaku pengajar telah mengikuti acara Lawatan Sosial ini.

Aktiviti Lawatan Sosial selama dua hari itu turut disertai oleh Pengerusi-pengerusi BAKAT dari semua formasi di bawah naungan 2 Div serta Ahli-ahli BAKAT naungan 8 Bgd.

Antara tempat yang dilawati adalah Kompleks Bebas Cukai Pengkalan Kubor, Restoran Kopitiam Kita, Kilang Serunding Kg Laut, Bazar Buluh Kubu



dan Wisma Songket Hjh Che Bedah.

Lawatan ini bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahim disamping memperkenalkan beberapa tempat menarik dan kepelbagaiannya yang terdapat di negeri Kelantan, lawatan diakhiri dengan makan tengahari di Restoran Cheng Mai.

Lawatan Pengerusi BAKAT 4 Div

PAHANG: Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 4 Div, Datin Hanim Jeraai melakukan Lawatan Ulung ke BAKAT 11 Bgd di Batalion Ke-25 RAMD pada 6 Apr 19.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengerusi BAKAT 11 Bgd, Datin Ruzairitasharena Zakaria dan Pengerusi BAKAT 25 RAMD.

Beliau memulakan lawatan dengan menziarahi keluarga anggota yang mempunyai anak berstatus orang kelainan upaya dan masalah kesihatan.

Pengerusi juga berkesempatan menyaksikan Demonstrasi Ketenteraman Awam oleh Pasukan 25 RAMD dan pameran kraftangan, kuih raya, fruit carving dan mini library yang dihasilkan oleh Ahli BAKAT 11 Bgd.

Lawatan diakhiri dengan penanaman pokok, penyampaian cendera kenangan dan menandatangani Buku Lawatan.

Turut hadir Pengerusi-pengerusi BAKAT pasukan bawah naungan 11 Bgd dan ahli-ahli BAKAT 11 Bgd.
Kapt Fakhrullman Mohd Shamsuddin, Gambar: Pbt Muhammad Nashriq Khairul Zaime



BAKAT Gabungan 4 Div Bersama JKPZT



KUALA LUMPUR: BAKAT Gabungan 4 Div telah menganjurkan Program Pergigian bersama Jabatan Kesihatan Pergigian Zon Titiwangsa bertempat di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti(PPDK), Desa Tun Hussein Onn pada 10 Apr 2019.

Ceramah Kesihatan Pergigian disampaikan oleh Puan Dr Nor Aida Abdul Malik dari Klinik Pergigian Zon Titiwangsa di mana ceramah dimulakan sejurus ketibaan Pengerusi BAKAT Gabungan 4 Div, Syarifah Hussain dan diteruskan dengan ucapan perasmian majlis.

Program ini melibatkan seramai 100 orang terdiri dari ibu bapa, Pelatih PPDK, ahli BAKAT, Pegawai Pergigian, termasuk para Petugas PPDK.

Objektif program ini agar dapat memberi kesedaran kepada pelatih, petugas dan ibu bapa serta penjaga mengenai penjagaan kesihatan pergigian dan pencegahan penyakit gusi bagi anak-anak berkeperluan khas ini.

Majlis diakhiri dengan latihan memberus gigi bagi Pelatih-pelatih PPDK dan menandatangani Buku Lawatan.

Turut hadir Ahli-ahli BAKAT MK 4 Div dan Ahli-ahli BAKAT Trup Div. - **LKpl Khatijah Sahbudin**

Isteri MENHAN Lawat PPDK Al-Mawaddah

Oleh: Kpl Norazlina Abd Azmi

KUALA LUMPUR: Isteri Menteri Pertahanan, Hjh Normah Alwi telah meluangkan masa melawat Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Kem Perdana Sg Besi pada 9 Apr 2019.

Program dimulakan dengan acara bergambar dan menandatangani Buku Lawatan, majlis diteruskan dengan ucapan dari Pengerusi PPDK Al-Mawaddah, Datin Hajah Ruziah Haji Seman dan taklimat dari Naib Pengerusi PPDK Al-Mawaddah Kol Haji Hashim Haji Osman.

Selepas ucapan, isteri Menhan dibawa untuk beramah mesra bersama pelatih serta melawat bilik Multi Sensori yang berfungsi sebagai tempat rangsangan bagi anak-anak OKU yang bermasalah *autisme*, bilik pembelajaran anak-anak OKU yang mempunyai masalah anggota serta bilik pengajaran pertuturan yang merangkumi kajian kes dan intervensi awal untuk diberi kaunseling termasuk dari segi nasihat pencegahan.

Hjh Normah Alwi turut memberikan ucapan dan menyampaikan



sumbangan kepada PPDK Al-Mawaddah dan turut menyerahkan Geran Tahunan Peruntukan Kewangan untuk PPDK Al-Mawaddah kepada isteri Ketua Staf MK PMBTD, Datin Hajah Ruziah Haji Seman.

Turut hadir Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Puan Sri Datin

Sri Hjh Rusnah Hj Abdul Rahman, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT DARAT, Datin Seri Noor Akmar Yaacob, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT LAUT, Datin Maslina Ismail dan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT UDARA, Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hjh Tengku Muhamaini Sultan Haji Ahmad Shah.

BAKAT 10 Bgd Para Lawat BAKAT 10 Skn RAJD Para

MELAKA: Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 10 Bgd (Para) Rozita Waty Ridzuan melakukan Lawatan Ulung ke BAKAT 10 Skn RAJD (Para) pada 13 Apr 2019.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengerusi BAKAT 10 Skn RAJD (Para), Nurul Huda Hashim bersama Ahli-ahli BAKAT Pasukan.

Lawatan Ulung yang direncanakan ini adalah bertujuan untuk bersua

muka dan merapatkan tali silaturrahim diantara Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para) dengan ahli-ahli BAKAT 10 Skn RAJD (Para).

Lawatan beliau dimulakan dengan taklimat BAKAT yang disampaikan oleh Pengerusi BAKAT 10 Skn RAJD (Para) dan dipersembahkan dengan beberapa aktiviti yang melibatkan ahli-ahli BAKAT pasukan seperti tarian Ngajat, pameran kraftangan serta pertandingan hiasan pulut kuning dan menyediakan kerabu mangga.

Seterusnya sesi dialog diantara Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para) dengan ahli-ahli BAKAT 10 Skn RAJD (Para) telah diadakan di rumah BAKAT pasukan dalam usaha mendalami ahli-ahli BAKAT 10 Skn RAJD (Para) disamping menyampaikan beberapa nasihat dalam memastikan BAKAT 10 Bgd (Para) kekal proaktif.

Majlis ini berjalan dengan lancar dan diakhiri dengan Upacara menandatangani buku lawatan BAKAT 10 Skn RAJD (Para). - Lt Muhammad Hurusaini Ahmad Asri, Gambar: LKpl Mohd Nur Nazeem Mohd



BAKAT 3 Div Pecah Peluh Di Tanjung Tuan



Oleh: Mej Aidaliza Abd Latiff
Gambar: Pbt Noratirah Abu Seman

NEGERI SEMBILAN: BAKAT 3 Divisyen (Div) telah menganjurkan aktiviti riadah bertempat di Hutan Rekreasi Tanjung Tuan, Port Dickson

Serah Tugas Pengerusi BAKAT MK PL DTD

NEGERI SEMBILAN: Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (MK PLTD) telah dilaksanakan diantara Pengerusi BAKAT MK PLTD Ke-19, Datin Wira Rosnani Ab Ghani dengan Datin Hjh Raja Mariah Hjh Raja Latiff disaksikan Penasihat BAKAT MK PLTD, Kol Mohd Mansor Hjh Mohd Sharip di Bilik Imphal pada 23 Apr 2019.

Mantan Pengerusi BAKAT akan mengikuti suami, Mej Jen Dato' Wira Md Tajri Alwi yang akan menamatkan perkhidmatan.

Turut hadir, Pengerusi BAKAT Pusat Latihan di bawah naungan MK PLTD. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustpha**
Gambar: Kpl Mohd Amirul



disertai Pengerusi BAKAT 3 Div, Datin Ramlah Dawipada 20 Apr 2019.

Aktiviti riadah ini mencabar kekuatan fizikal iaitu mendaki Bukit Batu Putih dan melawat ke Rumah Api Tanjung Tuan melibatkan penyertaan seramai 30 Ahli BAKAT Trup 3 Div dan BAKAT 1 Bgd.

Program ini bertujuan meningkatkan kecerdasan dan kesihatan badan di samping mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan Ahli BAKAT.

Selain itu ia juga dapat menambahkan pengalaman dan pengetahuan berkenaan Rumah Api Tanjung Tuan yang merupakan Rumah Api tertua di Malaysia.

Turut sama menyertai aktiviti ini ialah Naib Pengerusi BAKAT 3 Div, Faridah Hj Kassim, Pengerusi BAKAT 1 Bgd, Lau Cheng Bin dan Pengerusi BAKAT Trup 3 Div, Amelia Ahzan.

Badminton BAKAT Peringkat 8 Bgd



KELANTAN: Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Hjh Rosilawati Ahmad Tajri merasmikan Pertandingan Badminton BAKAT Peringkat 8 Bgd di Dewan Sri Pahlawan, Kem Desa Pahlawan pada 26 Apr 2019.

Ketibaan Pengerusi BAKAT 8 Bgd disambut oleh Pengerusi-pengerusi BAKAT pasukan bersama 54 Ahli BAKAT di bawah naungan 8 Bgd serta peserta pertandingan.

Acara dimulakan dengan sesi bergambar seterusnya aksi gimik bagi memulakan pertandingan oleh Pengerusi BAKAT 8 Bgd.

Sebanyak 18 pasukan yang menyertai pertandingan yang mana konsep pertandingan yang dipersetujui ialah kalah mati.

8 Komp KPD muncul sebagai Johan serta penyampaian hadiah piala pusingan disempurnakan oleh Pengerusi BAKAT 8 Bgd.

Pertandingan badminton diakhiri dengan jamuan makan tengahari. - **Kapt Ummi Kalsom Mohd Lias**,
Gambar: Kpl Sofia Dahlan

Pertandingan Akhir Badminton BAKAT Peringkat 12 Bgd

Oleh: Cwg Risik 12 Bgd

KUALA LUMPUR: Pertandingan Akhir Badminton BAKAT peringkat 12 Briged (Bgd) telah diadakan di Dewan Serbaguna Jalan Labuan Desa Tun Abdul Razak, Kem Perdana Sg Besi pada 28 Apr 2019.

Pertandingan Badminton BAKAT 12 Bgd ini diadakan selama dua hari yang mana Pengerusi BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeraai merasmikan Pertandingan Badminton BAKAT Peringkat 12 Bgd.

Johan Pertandingan Badminton BAKAT peringkat 12 Bgd disandang oleh BAKAT Gabungan 1 RAMD dan PP RAMD manakala Naib Johan disandang oleh BAKAT gabungan PULAPOT dan PALAPES UM.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Pengerusi BAKAT 4 Div diiringi Pengerusi BAKAT 12 Bgd Roziah Abdullah.



Turut hadir Pengerusi BAKAT Kem 12 Bgd, Mej Nazatul Nazwah Ibrahim serta Pengerusi-pengerusi BAKAT pasukan naungan 12 Bgd.

Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 1 RS



KELANTAN: Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 1 RS telah diadakan di Rumah BAKAT Kem Batu Sebelas pada 18 Mei 2019.

Serah terima tugas tersebut dimulakan dengan Upacara Menandatangani Nota Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 1 RS diantara Mantan Pengerusi BAKAT, Nor Padilah Mohd dengan Pengerusi BAKAT yang baharu Dr Noor Aida Saad disaksikan oleh Pengerusi BAKAT 8 Bgd Hjh Rosilawati Ahmad Tajri.

Majlis diakhiri dengan acara bergambar kenangan bersama Ahli BAKAT 1 RS. - Lt Abdul Halim Ali, Gambar: Kpl Ahmad Nazratul Naiem Azmi

BAKAT Trup 3 Div dan 1 Bgd Menyantuni Anak Yatim

MELAKA: BAKAT Trup 3 Divisyen (Div) bersama-sama dengan BAKAT 1 Briged (Bgd) turun padang dalam Program Menyantuni Anak Yatim pada 24 Mei 2019.

Program kali ini telah berkunjung ke Kampung Legong Ulu, Rembau bagi menyantuni enam adik beradik yang kehilangan ibu mereka dalam kemalangan jalanraya awal Ramadhan yang lalu.

Tambah memilukan, ayah mereka pula ditahan di penjara dan dijadual akan dibebaskan selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

Ketika ini, enam beradik ini dijaga oleh datuk saudara mereka, Sajirin Kassim yang mana kunjungan diketuai oleh Pengerusi BAKAT 3 Div, Datin Ramlah Dawi ini bertujuan untuk menghulurkan sumbangan bagi meringankan beban penderitaan yang ditanggung anak-anak kecil ini.

Sumbangan berupa bantuan barang-barang dapur dan pakaian sedikit sebanyak akan dapat memeriahkan sambutan Syawal keluarga ini nanti.



Turut hadir dalam kunjungan ini ialah Pengerusi BAKAT 1 Bgd, Sa'adah Ali. - Mej Aidaliza Abd Latiff

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Veteran RAJD

Oleh: Lt Mohd Fadzly Hamidi
Gambar: Kpl Shahrul Anuar Azmi

NEGERI SEMBILAN: Ketua Jurutera, Mej Jen Dato' Pahlawan Hj Ahmad Nasir Hj Abd Rahman menyerahkan Kunci Rumah Veteran RAJD, PWII Mohd Halmi Mohd Sani (Bersara) bertempat di Kampung Serting Ulu, Simpang Pertang pada 18 Apr 2019.

Pembinaan Rumah Veteran ini merupakan salah satu aktiviti sempena sambutan Hari RAJD Ke-66 yang mana program ini menyasarkan Veteran ATM khususnya anggota yang pernah berkhidmat di pasukan RAJD.

Program ini merupakan salah satu inisiatif bagi membantu golongan Veteran RAJD yang berpendapatan rendah dengan menyediakan tenaga kerja bagi pembinaan yang dilaksanakan di mana peserta program hanya menyediakan kos bahan bina sahaja.

PW II Mohd Halmi Mohd Sani (Bersara) merupakan bekas anggota RAJD yang telah menamatkan perkhidmatan pada 24 Apr 2003 dan unit terakhir beliau adalah di 22 Skn RAJD (AW).

Pembinaan rumah ini telah dilaksanakan oleh anggota dari pasukan 9 Skuadron RAJD yang berpengalaman di Kem



Terendak Melaka dengan mengambil masa selama 41 hari bermula dari 14 Feb hingga 10 Apr 2019.

Rumah ini telah dibina dengan saiz 30' x 36' yang menelan kos pembinaan berjumlah RM 45,000.00 di mana kos ini telah disediakan oleh penerima bantuan.

Majlis penyerahan ini dimulakan dengan taklimat projek oleh Pegawai Pemerintah 9 Skuadron RAJD, Mej Mohd Redzuan Mohamad Ya'akob.

Acara diteruskan dengan penyerahan replika kunci rumah, lawatan dalam dan luar rumah serta menandatagani *wall plaque* oleh Ketua Jurutera.

Turut hadir Komander Rejimen Jurutera 3 Divisyen, Kol Fazillah Ibrahim, Pengarah Cawangan Operasi Jabatan Arah RAJD, wakil Pengarah Cawangan Pengurusan dan Veteran RAJD Zon Selatan.

Program Seputih Lebaran PPDK 7 Bgd



JOHOR: Pengurus Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) 7 Bgd, Dr Hajah Zaharah Abd Rahman meluangkan masa dalam Program Seputih Lebaran bagi meraikan anak-anak PPDK 7 Bgd, Kluang pada 25 Mei 2019.

Program tahunan ini bertujuan untuk menggalakkan sikap prihatin masyarakat terhadap orang kurang upaya disamping mengeratkan lagi jalinan silaturrahim antara ibu bapa dan masyarakat setempat.

Aktiviti program seperti membeli belah persiapan menyambut 1 Syawal untuk 30 anak-anak PPDK di Pasaraya Pacific Kluang Mall dan sumbangan kepada petugas PPDK.

Selain dapat mengeratkan silaturrahim antara masyarakat dan orang kurang upaya program ini juga turut meningkatkan imej ATM yang sentiasa prihatin terhadap perkara kebijakan warganya.

Turut hadir Panglima 7 Bgd, Brig Jen Haji Zawawi Hj Adam. - **Lt Rabiahtul Adarwiyah Mohd Yasin,** Gambar: Sjn Nuur Hamidah Zuber

Majlis Reunion Silaturrahim Penyambung Legasi

Oleh : 9 RAMD (Para)

PAHANG: Meriah dan bermakna, warga Batalion Kesembilan Rejimen Askar Melayu Diraja (9 RAMD) berhimpun di dalam sebuah majlis yang dilaksanakan di Camp ABC, Janda Baik, pada 16 Jun 2019.

Majlis *reunion* yang dihadiri seramai 268 warga 9 RAMD sejak penubuhannya menggabungkan dua generasi yang berbeza iklim dan suasana telah memaparkan keakraban tali silaturrahim walaupun usia perhubungan generasi ini menjangkaui enam dekad.

Banyak cerita dan pengalaman yang dikongsikan oleh para veteran terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dengan arus gerak pasukan semasa di Kuching, Sarawak di antara tahun 1972 sehingga 1974.

Acara Majlis *Reunion* yang diberikan nama Tautan Kasih 9 RAMD telah dimulakan dengan bacaan doa, ucapan aluan oleh pihak pengajur, Brig Jen (B) Dato' Adnan Said dan kata-kata penuh semangat oleh hos *Reunion* iaitu Kol (B) Izaidin M R Samsoodeen, Pegawai Memerintah Ke-6 yang merupakan pencetus kecemerlangan pasukan di era menentang komunis dari tahun 1972 hingga 1974.

Majlis ini turut memperingati para Pahlawan Sembilan yang telah gugur syahid melalui acara tahlil ringkas yang dilaksanakan



bersama-sama para veteran dan juga para hadirin yang hadir.

Acara turut dimeriahkan dengan persembahan *band* oleh *D'Tiger Nine*, sukaneka kanak-kanak dan ramah mesra di antara para veteran serta kaum keluarga.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai dan anggota 9 RAMD (Para) yang masih berkhidmat dalam membantu majlis ini berlangsung.

Selain membantu, kehadiran warga pasukan 9 RAMD (Para) sedikit banyak telah memberi kesan yang positif kepada mereka serta membakar semangat juang berdasarkan pengalaman dan rentetan sejarah yang dikongsi oleh warga veteran 9 RAMD.

Sesungguhnya, jerit-perih dan kesungguhan para veteran ini di suatu ketika dahulu telah menjadi inspirasi kepada generasi pewaris 9 RAMD (Para) untuk sentiasa memartabatkan nama batalion ini dengan kalimah keramat yang sentiasa tersemat di dalam roh dan sanubari setiap warganya iaitu 'Sembilan Tak Kenal Menyerah'.

Lawatan Kebajikan Pengerusi BAKAT 5 RRD

KELANTAN: Pengerusi BAKAT Batalion Kelima Rejimen Renjer Diraja (5 RRD), Rozita Mat Rashid melakukan Lawatan Kebajikan ke rumah isteri dan anak anggota 5 RRD yang mengalami sakit kronik dan kurang upaya pada 21 Jun 2019.



Empat Ahli BAKAT dan keluarga yang terlibat di dalam lawatan tersebut ialah Hazila Ghazali, isteri kepada SSjn Azmi Gani yang mengalami komplikasi jantung, Rosemaria Abd Kadir, isteri kepada SSjn Khazaini Ab Razab yang mengalami telesemia dan penyakit buah pinggang, Muhammad Adeeb Mikail, anak kepada Kpl Norainin Alipin mengalami komplikasi lahir pramatang dan jantung berlubang dan Mahani Itam, isteri kepada Kpl Bah Aeton Bah Gerol yang mengalami masalah saraf.

Lawatan ini dapat memberi ruang komunikasi di antara Pengerusi BAKAT 5 RRD dan anggota keluarga yang terlibat serta menaikkan moral anggota kerana kebajikan mereka sentiasa menjadi keutamaan di dalam organisasi ATM amnya dan TD khasnya.

Sempena lawatan tersebut, sedikit sumbangan berupa barang-barang keperluan telah dihulurkan bertujuan untuk meringankan beban ahli keluarga tersebut.

Turut hadir semasa lawatan Naib Pengerusi BAKAT 5 RRD, Rozila Ghazi dan AJK Kebajikan BAKAT 5 RRD, Noor Ain Zainal Abidin. - **Lt Abdul Hadi Abdul Halim,** Gambar: SSjn Joe Frezer Kiyak



Puasa merupakan salah satu rukun Islam. Ia wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam yang mukallaf dalam tempoh sebulan dalam bulan Ramadan setiap tahun tanpa kecuali melainkan mereka yang berkeuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Hal ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaklum: "(Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui". (Al-Baqarah: 184)

Di antara keuzuran yang membolehkan seseorang tidak berpuasa atau berbuka puasa di siang hari pada bulan Ramadan yang dinyatakan dalam ayat di atas ialah orang sakit, orang musafir dan golongan yang tidak berkemampuan untuk berpuasa disebabkan faktor usia atau penugasan dan kerja yang berat. Namun, mereka yang dibenarkan tidak berpuasa tersebut ada yang diwajibkan untuk menjalani puasa pada bulan yang lain atau dikenakan bayaran fidyah mengikut keadaan masing-masing. Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap umat Islam mempunyai amalan yang boleh memperkuatkan keimanan dan ketakwaannya kepada Allah SWT. Berbalik kepada persoalan berpuasa ketika melaksanakan penugasan atau ketika menjalani latihan ketenteraan, kita perlu menelusuri beberapa persoalan yang dinyatakan di atas iaitu Apakah penugasan atau latihan yang dijalankan membabitkan perjalanan jauh atau pemusafiran?. Apakah penugasan atau latihan yang dijalankan menyebabkan kesukaran yang tinggi dan melemahkan tubuh badan sehingga tidak mampu untuk berpuasa? Jika jawapannya ya, maka kelonggaran atau rukhsah boleh diambil untuk berbuka puasa atau tidak berpuasa. Namun, kewajipan puasa tersebut mesti ditunaikan dengan melakukan

Tuntutan Berpuasa Ketika Penugasan Atau Latihan

Oleh: Mej Mohd Ramizi Remli

puasa secara qada untuk menggantikan puasa yang ditinggalkan dalam bulan Ramadan.

Setiap satu hari yang ditinggalkan digantikan dengan satu hari sebelum datangnya bulan Ramadan tahun berikutnya. Jika jawapannya tidak, maka kewajipan berpuasa terus kekal dan haram berbuka puasa atau terus tidak berpuasa. Justeru, setiap anggota yang melaksanakan apa jua penugasan dan latihan sepanjang bulan Ramadan hendaklah menyangut seruan Allah SWT supaya



berpuasa untuk membuktikan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT sebagaimana yang diikrarkan dalam lafaz Ikrar Kesatria.

Segala cabaran dan dugaan yang dihadapi dalam penugasan dan latihan hendaknya dilalui dengan penuh kesabaran. Tanggungjawab ketenteraan merupakan satu amanah yang penting dan pastinya Allah SWT tidak akan membiarkan kita tanpa bantuan dan pertolongan. Sesungguhnya orang berusaha menegakkan kemuliaan agama Allah SWT dengan segala penat lelah dan susah payah pasti ada ganjarannya.

Allah SWT telah menjuruk pertolongan kepada para penolong agamanya melalui firman-Nya yang bermaksud: "...dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa". (Al-Hajj: 40) Justeru, Allah SWT menganjurkan kepada yang mempunyai kelonggaran dan keuzuran untuk tetap melaksanakan puasa dengan cara meningkatkan kesabaran diri kerana tindakan tersebut akan mendatangkan kebaikan dalam menyubukan keimanan dan ketakwaan. Firman Allah SW yang bermaksud: "...dan (walau-pun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui". (Al-Baqarah: 184) Oleh yang demikian, seluruh anggota tentera disarankan untuk meningkatkan semangat dan menguatkan kerohanian dengan memperkuatkan kesabaran bagi meneruskan ibadat puasa meskipun dalam menjalankan penugasan yang sukar mahupun latihan yang mencabar.

Ingatlah kebaikan gantangan yang ada sisi Allah SWT, iaitu syurga yang kenikmatannya tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas di fikiran kita.



KONSEP JIHAD DALAM ISLAM



Oleh: Mej Mohd Ramzi Remli
Jabatanarrah Kor Agama Angkatan Tentera

Jihad fi sabilillah atau jihad di jalan Allah bermaksud amal-amal yang direndai Allah sama secara fizikal mahupun spiritual. Menurut Jamaluddin al-Qasimi, sabilillah bererti sesuatu yang dijadikan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan menegakkan agama-Nya. Misalnya mendirikan sekolah, membeli kitab untuk para ulama, mendermakan untuk merealisasikan ran-cangan yang baik dan apa sahaja yang berbentuk kebaikan tanpa mengira masa atau tempat.

Berdasarkan keterangan di atas, yang dikatakan jihad fi sabilillah ialah berusaha, berkorban dan berjuang sama ada dengan lidah (perkataan), harta benda (kekayaan) atau dengan perbuatan (amal kebaikan) atau melancarkan jihad perang sama ada memerangi musuh-musuh Allah, musuh-musuh Islam atau musuh-musuh yang tidak diketahui atau memerangi hawa nafsu yang buruk dan kotor pada diri sendiri, bagi menegakkan yang hak (kebenaran) dan keadilan, dan bagi menghancurkan serta melenyapkan kemungkar (keburukan) dan kebatalan serta kekufturan

untuk mencapai jalan yang direndah Allah. Islam sejak awal seruan dakwahnya sehingga munculnya masyarakat Islam dan seterusnya terbentuk pula negara Islam tidak dapat dipisahkan dari jihad dalam pengertiannya yang umum; iaitu perlunya curahan daya dan tenaga kekuatan untuk menghadapi musuh-musuh yang menghalang bagi mencapai matlamat sebagai seorang muslim, masyarakat muslim dan negara Islam. Jihad adalah kepastian dari Islam atau lebih jelas jihad ialah natijah yang pasti dan tabii dalam diri seorang muslim, masyarakat muslim dan negara Islam. Islam bererti penyerahan diri kepada Allah.

Menurut Islam setiap makhluk, sama ada di langit atau di bumi semuanya sujud menyerah diri kepada Allah. Menurut Islam kesemuanya itu adalah ditundukkan oleh Allah Maha Pencipta demi keperluan hidup insan di bumi. Demikian menurut Islam bahawa Allah telah memberikan mandat penuh kepada manusia untuk mempergunakan segala ciptaan bagi membangun tamadunnya. Allah Maha Pencipta telah menetapkan dalam perkembangan sucinya tentang kedudukan manusia dalam semesta ini sebagai tuan yang menguasai dan memerintah di atas muka bumi ini.

Tetapi segala makhluk dan ciptaan Allah hanya rela dipergunakan oleh manusia seperti yang diarahkan oleh Allah Maha Penciptanya, dan dikuasai demi untuk membangun tamadunnya, jika sekiranya manusia itu sanggup patuh, menyerah dan sujud kepada Allah SWT. Dengan penyerahan dan sujudnya manusia kepada Allah dalam sepanjang tugas dan risalahnya untuk membina tamadun itu, maka akan selaraslah perjalanan roda di alam semesta ini bertepatan dengan sunnatullah dan bertepatan dengan fitratullah, fitrah manusia dan fitrah alam semesta.

Hanya dengan penyerahan diri dan sujud kepada Allah; iaitu kepada keesaan, keagungan dan kebesaran Allah, kepada ilmu dan hikmat, kekuasaan dan iradah Allah, kepada kerajaan, pemerintahan dan kehakiman Allah, maka tamadun umat manusia dan tamadun dunia akan benar-benar menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan seterusnya menjadi asas kepada kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di akhirat yang kekal abadi.

Islam adalah kalimatullah, nurullah dan hidayatullah. Jalan yang lurus dilalui oleh pengajaran dan pengembaraan insan dan itu manhaj Rabbani. Natijahnya bahawa Islam adalah rahmat Ilahi yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia. Maka Islam adalah satu hakikat ketuhanan yang tidak sekali-kali boleh dipisahkan dari manusia sebagai hamba-Nya yang terpenting di dunia ini, oleh kerana itu, hanya Islam yang akan melimpahkan dan menurahkan kebaikan dan kebijakan kepada umat manusia.

Islam yang sedemikian sifatnya sudah pasti sangat perlu disampaikan, disebarluaskan, diperjuangkan dan diihadkan. Setiap manusia muslim yang menerima Islam dengan penuh kerelaan hati, yang menghayati jiwa Islam dengan sendirinya memikul tugas; iaitu berjihad kerana Islam untuk kesejahteraan manusia sejagat.

Ringkasnya, jihad adalah natijah yang pasti dan tabii dari keislaman dan kemusliman. Itulah tenaga penyambung tugas Rasul untuk meninggikan kalimatullah, bagi menegakkan agama Allah. Jihad adalah tenaga yang mengekalkan keutuhan umat Islam yang menjamin terselamat dari pencerobohan dan kezaliman.

Jihad dalam pengertian di atas jelas menunjukkan penggunaan senjata, nyawa, harta dan sebagainya untuk menghadapi musuh adalah salah satu daripada bentuk jihad qital (jihad melalui perperangan). Tetapi terdapat beberapa jihad lain yang lebih utama untuk diperhatikan oleh kita umat Islam di Malaysia seperti:

- Jihad memerangi hawa nafsu.
- Jihad dalam melakukan perubahan pada diri diri-pada buruk kepada baik.
- Jihad dalam konteks mencari keredaan Allah dengan mengikut seluruh tuntutan syarak

HUKUM JIHAD

Hukum jihad berbeza-beza mengikut perbezaan setiap bahagian dan jenisnya. Hukum jihad nafsu adalah fardu ain ke atas setiap individu muslim, kerana itulah penyelamat dan pengawal kepada setiap amal ibadat. Manakala hukum jihad zahir terutama jihad lisan dan kalam, jihad ilmu dan taklim, jihad wang dan harta kekayaan terbahagi kepada tiga bahagian:

1. **Fardu kifayah:** Iaitu kewajipan yang tertanggung ke atas masyarakat Islam seluruhnya. Sekiranya kewajipan ini tidak tertunai, maka setiap anggota masyarakat bertanggungjawab dan berdosa. Tanggungjawab ini hanya akan terlepas manakala ada seseorang atau sekumpulan ataupun segolongan daripada anggota masyarakat itu yang dapat menunaikan keperluan atau tuntutan mesyarakat Islam yang tersebut mengikut penilaian mereka yang ahli dalam bidang pentadbiran dan perancangan kemajuan masyarakat.
2. **Fardu ain:** Iaitu kewajipan setiap anggota masyarakat yang dilantik oleh masyarakat sesuai dengan keahliannya dalam setiap bidang.
3. **Sunat:** Iaitu galakan kepada sesiapa sahaja dari anggota masyarakat yang berusaha meningkatkan pengabdianya kepada Allah untuk berjihad lebih dari batas yang difardukan.

HUKUM JIHAD DI MEDAN PERANG

Hukum jihad di medan perang dengan kekuatan senjata dan tentera terbahagi kepada dua bahagian:

1. Fardu ain ke atas setiap individu muslim apabila pemerintah atau ketua negara mengisyiharkan atau melancarkan perang jihad untuk mempertahankan diri ('ifa') setelah musuh menyerang atau seseorang itu telah bernazar untuk berjihad fi sabilillah.
2. Fardu kifayah ke atas seluruh anggota masyarakat seperti yang dapat difahami dari firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan tidaklah betul dan elok orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (daripada melakukan larangan Allah)". At-Taubah: 122

Jihad fi sabilillah merupakan amalan yang begitu istimewa dalam Islam sehingga orang mati kerana tugas ini disebut sebagai mati syahid dan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Mengikut hukum fiqah orang yang mati syahid tidak wajib dimandikan, dikafarkan dan disembahyangkan.

KEAGAMAAN/KEROHANIAN

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan jangan sekali-kali kamu menyangka orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki. Dan juga mereka bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka bahawa mereka tiada rasa takut dan tidak pula menanggung dukacita". Ali-Imran: 169-170

JIHAD NAFSU

Al-Quran telah menyatakan persoalan jihad secara umum dan jihad besar adalah merupakan jihad nafsu. Sebagaimana yang diketahui umum manusia diciptakan daripada dua unsur iaitu jasmani yang bersifat lahir dan rohani yang bersifat ghaib. Maka dengan sendirinya kehidupan manusia mempunyai dua bidang. Begitu juga musuh manusia mempunyai dua bentuk bentuk zahir (syaitan al-ins) dan bentuk ghaib (syaitan al-jin).

Al-Quran menerangkan secara jelas dan terperinci segala taktik dan teknik syaitan, segala tipu helah dan godaannya untuk menyesatkan manusia dari jalan Allah yang lurus. Perang kemusnahan iblis dan syaitan terhadap manusia bukanlah pada unsur jasmani tetapi unsur kerohanian yang menjadi asas kepada kewujudan insan yang hakiki iaitu untuk membina insan:

- ketulenan akidah tauhid.
- keikhlasan ibadah dan ubudiah.
- kejernihan dan kesucian akhlak serta ketinggian budi.

Sekiranya berlaku kemusnahan pada unsur kerohanian insan, maka secara langsung merosakkan manusia dalam semua aspek kegiatan hidupnya di samping kerugian yang hakiki di akhirat.

Selain iblis dan syaitan yang menjadi musuh ghaib, hawa nafsu yang berada di dalam diri setiap orang itu juga boleh menjadi musuh secara tidak disedari. Nafsu merupakan kubu iblis dan syaitan dalam melancarkan serangan kepada manusia. Kehidupan rohani dan kesuburannya yang menjadi matlamat setiap insan rabbani memerlukan mereka mengisyiharkan perang habis-habisan terhadap iblis dan syaitan serta melakukan serangan demi serangan untuk mempertahankan diri daripada ancamannya. Manakala jihad nafsu merupakan tempat permulaan bagi setiap jihad-jihad yang lain. Hal ini semestinya diberikan terlebih dahulu, lantaran itu ia disebut sebagai jihad besar atau jihad agung.

Jihad nafsu menjadi jihad agung kerana:

- Medan perjuangannya yang luas dan tidak terbatas.
- Masa perjuangannya tidak menentu dan tiada hadnya.
- Kesukaran pejuangannya kerana pada hakikatnya ialah perjuangan seseorang berhadapan dengan dirinya sendiri.
- Kedudukan musuh yang tidak dapat dijangkau dengan pancaindera.



- Jihad nafsu merupakan pengawas kepada jihad lain dan seterusnya menjadi kayu ukur bagi setiap perjuangan.
- Ia merupakan asas kepada jihad-jihad lain terutamanya jihad di medan perang dengan kekuatan senjata atau tentera.

SALAH FAHAM KONSEP JIHAD

Terdapat beberapa salah tanggapan atau salah faham tentang konsep jihad yang sebenar mengikut ajaran Islam sehingga berlaku tindakan-tindakan seperti berikut:

- Berjihad tanpa mempedulikan orang awam yang tidak berdosa.
- Melaksanakan jihad yang menyebabkan orang bukan Islam menganggap Islam sebagai agama pelampau dan ganas.
- Berjihad melawan pemerintah Islam dan bertindak menyerang rumah ibadat bukan Islam seperti kuil dan gereja.
- Berjihad membabi-buta semata-mata tanpa ilmu dengan alasan untuk mendapat pahala mati syahid.
- Berjihad bertujuan untuk membala dendam ke atas orang kafir dan melibatkan orang yang tidak berdosa.
- Tidak membuat persiapan rapi dengan bersungguh-sungguh secara taktikal dan teknikal.

JIHAD MEMPERSIAPKAN KEUATAN UMAT ISLAM

Terdapat beberapa unsur kekuatan yang perlu diambil perhatian umat Islam iaitu:

- Kekuatan ilmu dan Penguasaan sains dan teknologi.
- Kekuatan akidah atau pegangan prinsip/falsafah yang mantap.
- Kekuatan budi pekerti yang baik.
- Kekuatan ekonomi.
- Kekuatan susunan perdamaian.
- Kekuatan ketenteraan.



TINDAKAN GERAKAN MILITAN NEGARA ISLAM (IS) YANG TIDAK BERTEPATAN DENGAN AJARAN ISLAM

Dakwaan gerakan militan IS bahawa mereka sedang berjihad tidak dapat diterima kerana tindakan-tindakan berikut:

1. Mempertontonkan tindakan kejam terhadap musuh.
2. *Tokoh besar tabii (murid para sahabat Nabi s.a.w) iaitu al-Zuhri menyatakan: "Tidak pernah dibawa kepada Rasulullah satu kepala pun, tidak sekalipun dalam Perang Badar. Pernah dibawa kepala kepada (Khalifah) Abu Bakar, beliau membantahnya". (Sunan Said bin Mansur, al-Mu'jam al-Kabir oleh al-Tabarani, Marasil Abi Daud dan Sunan al-Baihaqi).*
3. Membunuh orang awam yang tidak berdosa.
4. Mengisyiharkan khalifah yang tidak bertepatan dengan syarak dan menyeru seluruh umat Islam memberi baiah.
5. Mengkafirkhan dan menghalalkan darah orang yang tidak memberi baiah kepada mereka.
6. Menggesa umat Islam berjihad untuk mati syahid dengan tidak berlandaskan syarak.
7. Mencemarkan imej Islam

FATWA MENGENAI GERAKAN MILITAN IS

Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan menyenaraikan kumpulan militan IS yang bertopengkan jihad dalam usaha membendung penyertaan rakyat Malaysia menyertai perang di Syria dan Iraq. Pengerusinya, Tan Sri Dr Abd Shukor Hussin berkata langkah itu bertujuan menghindarkan orang Islam Malaysia daripada terpengaruh dengan gerakan yang melaungkan jihad. Kita akan bincang lebih lanjut (langkah menyenaraikan gerakan militan). Fokus kita sekarang ialah menahan, tidak menggalak dan mengeluarkan fatwa haram menyertai perjuangan militan Negara Islam", jelas beliau. (Berita Harian 24 Oktober, 2014). Beliau menambah bahawa IS memporak-peranda negara dan umat Islam. Beliau berkata:

Oleh itu, umat Islam dinasihatkan tidak terpengaruh dengan IS kerana gerakan itu memporak-perandakan negara dan umat Islam. Ia kerana, yang membunuh dan yang dibunuh adalah umat Islam".

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom yang hadir bersama di Multaqa Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Seluruh Malaysia 2014 di Terengganu semalam berkata, jihad di Syria dan Iraq bukan mati syahid. "Selepas bermuzakarah dan mengemukakan hasil kajian serta hujah yang bersandarkan nas, ulama sepakat merumuskan perjuangan IS atas nama jihad adalah sia-sia dan bukan tergolong sebagai mati syahid," katanya. Jamil berkata, tanggapan mengatakan mereka berjuang atas nama jihad tidak tepat, sebaliknya ia kematian yang sia-sia.

Justeru itu, atas nama jihad ramai akan terpengaruh dan sanggup mati kerana dianggap syahid sedangkan ia sia-sia," katanya.

Jumlah suspek militan Malaysia yang ditahan Bahagian Anti Pengganas kini meningkat kepada 22 orang sejak 28 April lalu. Putrajaya juga mengumumkan akan memerangi kumpulan militan IS dan membendung penglibatan rakyat dalam menyertai gerakan tersebut. Sebelum ini juga media melaporkan beberapa rakyat Malaysia yang menemui ajal semasa mengangkat senjata di Syria dan Iraq.

BAHAYA GERAKAN IS KEPADA WARGA ATM

- Warga hendaklah sentiasa ingat bahawa ikrar taat setia yang dilafazkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- Ketaatsetiaan yang tidak berbelah-bahagi untuk mempertahankan negara.
- Penglibatan dalam gerakan ini bercanggah dengan ketaatsetian dan mencemarkan imej dan kredibiliti.
- Gerakan tersebut tidak berlandaskan ajaran Islam sebenar.
- Apa jua dakwaan mereka hanyalah untuk mempengaruhi orang yang cetek ilmu dan tidak boleh berfikir secara rasional.
- Sebarang hujah yang berkaitan agama hendaklah diperolehi daripada sumber yang berautoriti.
- Tiada jalan pintas untuk mendapat ganjaran syurga di sisi Allah.
- Mati syahid adalah anugerah Allah SWT yang tidak boleh diperoleh dengan cara membunuh diri sendiri.

Kesimpulannya, konsep jihad dalam Islam merupakan amalan murni bagi membentuk kesejahteraan dan menyebarluaskan kasih sayang dalam usaha untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Ia dilaksanakan berdasarkan ketetapan hukum berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Justeru, pelaksanaannya hendaklah berdasarkan ilmu dan kefahaman yang sebenar. Bukan hanya berdasarkan dakwaan dan tindakan melulu semata-mata.

KEAGAMAAN/KEROHANIAN

Oleh itu, sesiapa yang mempunyai niat untuk berjihad ke Syria dan Iraq perlu keizinan pemerintah selain beberapa syarat lain termasuk mendapatkan keizinan ibu bapa, beragama Islam dan baligh. Ini bermakna, jika perjuangan mereka tanpa keizinan pemerintah, perbuatan mereka tidak menepati syarat berjihad. Malaysia tidak membenarkan mana-mana rakyat menyertai jihad di Syria dan Iraq, maka barang sesiapa ingkar arahan pemerintah serupa mengingkari perintah Allah.

Hadis riwayat Bukhari: 7137 dan Hadis Muslim: 1835 dari Abu Hurairah R.A., sabda Rasullah S.A.W:

"Barangsiapa mentaatiku dia mentaati Allah; barangsiapa derhaka terhadapku, dia derhaka terhadap Allah; dan barangsiapa taat kepada pemerintah dia taat kepadaaku; barangsiapa derhaka terhadap pemerintah dia derhaka terhadapku; sesungguhnya pemerintah adalah perisai (untuk) berjuang di belakangnya dan berlindung dengannya".

Walau bagaimanapun, menerusi kaca mata Islam, tanggungjawab berjihad secara amnya dipikul ke atas mereka yang dilantik sebagai tentera dan diamanahkan untuk menjaga kedaulatan sesebuah negara dan fardu kifayah kepada orang ramai pada waktu aman. Keadaan mengizinkan kepada orang awam untuk turun ke medan perang dan menjadi fardu ain bagi seluruh masyarakat mempertahankan tanah air mengikut keupayaan masing-masing apabila negara diceroboh dan keadaan sudah tidak terkawal pada ketika itu.

Jika ianya masih tidak terkawal, umat Islam sekitar negara bergolak iaitu negara-negara jiran wajib menghulurkan bantuan saudara Islam di situ. Negara-negara Islam yang jauh bertanggungjawab menghulurkan bantuan kemanusiaan seperti bantuan makanan, pakaian dan perubatan. Maksudnya di sini rakyat Syria dan Iraq sahaja wajib berjihad mempertahankan tanah air mereka bukannya rakyat negara lain yang beribu batu jauh seperti rakyat Malaysia "terbang" ke Syria menjadi muhajidin kononnya sanggup berkurban demi Islam.

Dalam pada itu, satu hadis Rasulullah SAW menyebut bahawa *"barang siapa menyertai perbalahan antara dua kumpulan Islam, kedua-dua pihak yang membunuh dan terbunuh akan masuk neraka"* [An-Nisa'a':93]. Jelas bahawa IS memerangi umat Islam yang lain hanya kerana tidak sealiran dengan mereka.

Bangkitlah berjihad namun jihad yang perlu dilancarkan adalah ke atas diri sendiri terlebih dahulu. Perbaiki diri dan penuhkan dada dengan ilmu agar teguh iman di dada, seperti kata Syeikh Hasan Al Hudhaibi, *"Tegakkan Islam dalam dirimu, nescaya Islam akan tertegak di atas bumimu."* Bukannya pergi berperang dan saling berbunuhan seperti yang dilakukan oleh IS.

Penglibatan Rakyat Malaysia.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman SAC Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay, seramai 30 warganegara Malaysia menyertai IS dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2014 dan terus meningkat kepada 60 orang pada akhir tahun 2014. Sehingga kini, jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dengan kegiatan IS di Syria dipercayai telah mencapai seramai 92 orang.



Sepanjang operasi bermula dari bulan Feb 2013 hingga bulan Mei 2015, PDRM berjaya menangkap seramai 107 orang rakyat Malaysia yang disyaki terlibat dengan kegiatan kumpulan IS. Daripada jumlah ini seramai 87 orang adalah lelaki dan 20 orang perempuan. Kesemua mereka mempunyai latar belakang pekerjaan yang pelbagai seperti pelajar, doktor, peniaga, anggota tentera dan pegawai bomba. Mereka yang ditahan ada juga remaja semuda 14 tahun dan pasangan-pasangan muda yang baru berkahwin.

Paling menarik perhatian dan membimbangkan adalah bagaimana IS begitu licik merekrut bukan sahaja lelaki tetapi gadis remaja dan kanak-kanak. Kumpulan sasaran remaja menjadi perhatian disebabkan penggunaan media sosial bentuk baru seperti Facebook dan Twitter yang menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian mereka. Bukan sahaja landasan media sosial menjadi saluran komunikasi utama kumpulan anak muda tetapi juga ia adalah sumber maklumat utama dan sahih mereka.

Sekurang-kurangnya 500 akaun Facebook yang dikenal pasti menjalankan aktiviti mempromosi, merekrut serta cubaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk berjuang di Syria. Misalnya, dua gadis pelajar sekolah dari Austria iaitu Sabina Selimovic yang baru berumur 15 tahun dan Samra Kesinovic, 17 tahun sebagai ikon anak muda dalam IS untuk menyertai Jihad Al-Nikah atau jihad seksual. Video propaganda, perkembangan terkini tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama gambar-gambar dimuat naik di laman sosial yang menunjukkan kemenangan pada pihak mereka mempengaruhi anak muda.

Sedarlah rakyat Malaysia semua, dunia akhir zaman ini terlalu ramai pihak menggunakan agama bagi mempengaruhi pemikiran sekali gus menarik minat umat Islam menyertai mereka, seperti mana dilakukan IS. Diseru kepada semua umat Islam untuk fahami takrif Islam itu terlebih dahulu. Islam ertiannya agama yang bersifat selamat dan menyelamatkan. Selamat aqidah, selamat syariat zahir serta batin dan selamat akhlak. Juga selamat sejahtera dunia dan akhirat. Sekaligus menyelamatkan aqidah, syariat dan akhlak orang lain. Berdasarkan takrif Islam itu dapatlah kita kembangkan lebih kurang begini, individu Islam ertiannya individu yang bersifat selamat dan menyelamatkan. Namun ahli IS tidak menyelamatkan sebaliknya membinasakan.

Peta Impian Penaklukan IS



“Tegakkan Islam dalam dirimu, nescaya Islam akan tertegak di atas bumimu”

Kesimpulannya, tidak dinafikan terdapat pejuang Islam sejati yang benar-benar berjuang mengikut syariat Islam sebelum kedatangan IS lagi. Mereka berjuang menuntut dan membebaskan Iraq daripada kekejaman pemerintahan Nouri Al-Maliki yang mempergunakan militan Syiah untuk membunuh puak Sunni dengan kejam. Pejuang tulen ini dikenali sebagai *Freedom Fighter*. Mereka ini terdiri daripada kumpulan kecil yang bersifat kedaerah yang berjuang menyelamatkan daerah, tanah air mereka yang ditindas semasa pemerintahan Nouri Al-Maliki.

Pada mulanya, kemunculan IS merupakan “cahaya” kepada pejuang-pejuang tulen ini kerana kekuatan kumpulan IS memperkasa pejuangan mereka. Harapan pejuang tulen ini apabila mereka bergabungan bersama IS, matlamat menjatuhkan regim pemerintahan Maliki di Iraq dan Pemerintahan Basyar As-Assad di Syria dapat ditumpaskan dengan mudah. Namun hasrat perjuangan *Freedom Fighter* ini tidak kesampaian kerana tindakan-tindakan IS seolah-olah bukan untuk menggulingkan kerajaan pemerintahan Maliki di Iraq dan Basyar As-Assad di Syria walaupun tentera kedua-dua kerajaan ini semakin lemah akibat serang kumpulan IS.

Nasib pejuang tulen ini semakin malang disebabkan telah berbai’ah dengan IS dan akan dibunuhi sekiranya belot. Walaupun mereka tidak bersetuju dengan tindakan keganasan IS, namun mereka tiada daya untuk menentang. Mereka kemudiannya mengambil sikap memencilkan diri tidak terlibat di dalam aktiviti keganasan-keganasan IS.

Apabila disebut perjuangan menegakkan Islam bukan hanya dengan berjihad Qital sahaja caranya. Disebabkan fahaman yang cetek inilah terdapat golongan umat Islam seperti pengikut IS salah dalam mentakrifkan perjuangan Islam, lantas mereka menjadi militan malah mengangkat senjata untuk membunuh atau terbunuhi.

Rakyat tidak memahami apakah konsep dan syarat bagi menyertai perang yang dimaksudkan sebagai jihad Qital seperti yang disyariatkan. Syarat menyertai jihad Qital adalah menentang kafir harbi yang memusuhi umat Islam. Jihad tersebut mestilah diistiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agung. Manakala anggotanya terdiri dari kalangan tentera yang dilatih. Sekiranya anggota tentera telah tiada atau tidak mencukupi untuk dikerahkan, maka orang awam akan dipilih dan perlu

dilatih terlebih dahulu bukannya sewenang-wenangnya pergi ke Iraq atau Syria berjuang seperti yang berlaku kini.

Justeru itu, Malaysia mengambil ketetapan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan:

“Tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan IS adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak”.

Oleh itu, setiap umat Islam perlu fahami terlebih dahulu apakah matlamat perjuangan Islam. Daripada memahami matlamat itulah nanti perjuangan Islam menjadi tepat dan tidak terpesong ke arah lain. Matlamat perjuangan Islam ialah La ilha kalimatullahil iya ‘ulya yakni supaya kalimah Allah itu diagungkan dalam segenap kehidupan dengan menjalankan hukum Allah. Semoga kita semua berada di pihak benar dan diberi petunjuk oleh Allah S.W.T agar tidak tersesat dan menyesatkan dalam mencari jalan keredhaannya tanpa terhenti dalam meneruskan perjuangan Islam.

‘Negara Islam’ ciptaan IS juga tidak membawa apa-apa kebaikan dan tidak menyelesaikan sebarang masalah umat Islam bahkan masyarakat dunia kini melihat Islam melalui kacamata ‘Negara Islam’ yang kasar, ekstrem, tanpa undang-undang dan tidak berperikemanusiaan. Perbuatan ini hanya memberi keuntungan dan penyebab mereka untuk menentang Islam.

Golongan Sunni di Iraq akan terus dihantui kezaliman militan Syiah dan pada masa yang sama militan Syiah daripada Iran telah dijemput masuk ke Iraq untuk menentang IS. Kemenangan sementara IS melalui keganasan hanya akan membangkitkan revolusi rakyat yang ditakrifkan sebagai tertindas dan menimbulkan kemarahan dunia. Apabila dunia melihat kebangkitan Sunni di Iraq sebagai pengganas dan ektrimes, maka mudah saja untuk kuasa luar campur tangan dan membantu kerajaan Maliki menekan semula kebangkitan puak Sunni. Untuk jangka panjang Iraq dan Syria dalam bahaya hanya disebabkan oleh IS.

Majlis Bacaan Yasin Sejuta Umat Bukti Solidariti Warga Terendak



Oleh: Mej Zuhairy Hj Ahmad Kusaini
Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

MELAKA: Seramai 703 warga Kem Terendak telah berhimpun bagi menyertai Majlis Bacaan Yaasin Sejuta Umat di Masjid As-Syuhada, Kem

Terendak pada 4 Apr 2019.

Majlis ini merupakan tanda sokongan warga Kem Terendak ke atas kemenangan solidariti terhadap perjuangan dan pembelaan Baitul Muqaddis dan Masjid Al-Aqsa dengan menggunakan slogan #YAASIN4AQSA yang mana merupakan majlis yang dilaksanakan

secara serentak di seluruh negara.

Acara dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib dan diikuti dengan Solat Hajat berjemaah yang turut dibacakan dengan Qunut Nazilah.

Selesai solat, Majlis Bacaan Yasin dimulakan dengan dipimpin oleh Pegawai Staf 2 Agama Markas 3 Div, Mej Zuhairy Hj Ahmad Kusaini.

Kemuncak aturcara majlis tersebut adalah penyerahan Tabung #YAASIN4AQSA yang disempurnakan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman.

Tabung kutipan hasil sumbangan warga Kem Terendak berjumlah RM 3120.00 kemudiannya diserahkan kepada wakil Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia(MAPIM), Aidi Khairin Sabirin.

Turut hadir Ketua Staf MK 3 Div, Kol Abdul Karim Ahmad, Pegawai Memerintah 3 RSD merangkap Pengerusi Masjid As-Syuhada', Kol Nik Nahar Nik Mohd Isa, Pegawai Memerintah dan Pemerintah naungan Markas 3 Div.

Penutup Kursus PIFA Peringkat MK PMB TD



KUALA LUMPUR: Seramai 84 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) sekitar Lembah Klang menghadiri Kursus Pendidikan Islam Fardhu Ain (PIFA) Tahap Tiga Siri 2/2019 yang diadakan di Masjid AT, Kem Perdana Sg Besi bermula dari 1 hingga 5 Apr 2019.

Majlis Penutup Kursus PIFA ini telah disempurnakan oleh Pegawai Staf 1 Agama MK PMB TD, Lt Kol Mohd Jihadi Hj Ahmad.

Kursus PIFA merupakan satu usaha untuk memenuhi syarat kenaikan pangkat bagi anggota LLP Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pelaksanaan kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada anggota tentera mengenai pengetahuan asas Fardhu Ain bagi membina jati diri dan pegangan agama serta akidah yang kukuh merangkumi perkara Tauhid, Ibadat, Muamalat, Jenayah, Akhlak dan Hafazan Al-Quran.

Lt Kol Mohd Jihadi Hj Ahmad dalam ucapan beliau berpesan agar semua peserta kursus mengamalkan setiap ilmu Fardhu Ain yang dicurahkan oleh tenaga pengajar kerana ianya mampu meningkatkan tahap ketaqwaaan dan intelektual diri. - **LKpl Norirawati Abdul Wahab**

Tilawah Al-Quran Semarakkan Kerohanian Warga Trup 3 Div

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak
Gambar: Pbt Noratirah Abu Seman

MELAKA: Majlis Tilawah Al-Quran (MTAQ) Peringkat Trup 3 Div telah diadakan pada 10 Apr 2019.

Majlis yang merupakan program tahunan Mk 3 Div, telah dilangsungkan di Masjid As Syuhada', Kem Terendak bagi mencari calon peserta MTAQ Peringkat 3 Div yang bakal diadakan pada 24 dan 25 Apr 2019 nanti.

Bertemakan "Al-Quran Memberi Kejayaan Dunia dan Akhirat", seramai 31 peserta telah mengambil bahagian di dalam empat kategori yang diperlombakan iaitu Kategori Pegawai, Kategori Qari, Kategori Qariah dan Kategori Qari Saudara Baru.

Bagi Kategori Pegawai, dimenangi oleh Kapt Sofhian Yusof (Mk 3 Div). Sementara itu, Sig Mohd Nor Ikmal Kepli (3 RSD) menjuarai Kategori Qari manakala Kategori Qariah dimenangi oleh Seniwati Che Kob (11 Skn RAJD), kategori Qari Saudara Muslim pula menyaksikan Kpl Iqbal David (2 KAD),



muncul pemenang.

Majlis Penutup MTAQ Peringkat Trup 3 Div disempurnakan oleh Ketua Staf Mk 3 Div, Kol Abdul Karim Ahmad, turut hadir Pegawai Memerintah dan Pemerintah Trup 3 Div.

Ceramah Israk Mikraj

KUALA LUMPUR: Sel Agama MK 4 Divisyen (Div) mengajurkan Program Ceramah Israk Mikraj Peringkat 4 Div sempena memperingati peristiwa Israk dan Mikraj bertempat di Masjid Muhammad Al-Fateh pada 11 Apr 2019.

Seramai 60 pegawai, 250 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) termasuk awam hadir untuk sama-sama menunaikan Solat Maghrib berjemaah sebelum ceramah dimulakan.

Penceramah jemputan kali ini adalah Penolong Setiausaha Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor, Ustaz Sukiman Selamat yang menyampaikan ceramah bertajuk Israk Mikraj Bukti Kebesaran Pencipta.

Diantara perkara yang disampaikan adalah pengetahuan berkaitan alam semesta, huraihan tempoh perjalanan Nabi Muhammad SAW untuk bertemu Allah dan hitungan waktu mengikut kiraan sains moden.

Ceramah diakhiri dengan penyerahan cenderahati kepada penceramah oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Haji Baharuddin.

Turut hadir, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar, Pengurus BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeraai dan Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**



Ceramah Badar Kubro Kem Wardieburn



KUALA LUMPUR: Seramai 250 warga Kem Wardieburn hadir dalam Ceramah Badar Kubro sempena sambutan Hari Nuzul Al-Quran bertempat di Masjid Muhammad Al-Fateh pada 27 Mei 2019.

Ceramah ini anjuran Sel Agama MK 4 Div dan menjemput Penceramah Bebas Pencetus Ummah (PU), Ustaz Azman Syah Alias yang membincangkan pengertian Badar Kubro dan kelebihannya dalam ceramah bertajuk Inspirasi Dan Ibrah Daripadanya.

Majlis diakhiri dengan penyerahan cenderahati oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin.

Turut hadir, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor, dan Pengurus Masjid MAF, Lt Kol Mohd Khairulnizam Suliman. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**

Forum Perdana Hal Ehwal Islam Sempena HUT MK PLTD



Oleh: Pbt Mohd Azhar Md Isa

KUALA LUMPUR: Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat (MK PLTD) mengadakan Forum Perdana Hal Ehwal

Islam sempena menyambut Hari Ulang Tahun (HUT) MK PLTD Ke-31 di Dewan PULNORD pada 4 Mei 2019.

Seramai 225 warga MK PLTD hadir dalam majlis ilmu ini dan sama-sama mendengar ceramah yang bertajuk Penghayatan Ramadan ke Arah Berjaya di Dunia dan Berjaya di Akhirat.

Ceramah disampaikan oleh penceramah jemputan yang terdiri daripada Ketua Unit Pasdam Jabatan Arah KAGAT sebagai Moderator iaitu Mej Azlismah Abd Aziz.

Manakala Ahli Panel dari Timbalan Mufti Selangor iaitu Dato Dr Anhar Hj Opir dan Pegawai Staf 1 Agama MK Pemerintahan Medan Barat, Lt Kol Mohd Jihadi Hj Ahmad.

Para panel menyampaikan dan membincangkan penghayatan sepanjang bulan Ramadan iaitu bagaimana untuk berjaya didunia dan diakhirat, amalan ibadat yg diterima oleh Allah S.W.T dan bekalan pahala kita yang membawa kita berjaya didunia dan akhirat kelak.

Majlis diakhiri dengan penyerahan cenderahati yang disampaikan oleh Panglima Logistik TD, Mej Jen Dato' Hanafiah Jaafar kepada ketiga-tiga Ahli Panel Jemputan.

Turut hadir, Timbalan Panglima Log TD, Brig Jen Ab Aziz Mohd Sharif dan Ketua Staf MK Log TD, Kol Izani Abdullah.

Kuliah Zohor Peringkat 2 Bgd

PERAK: Markas Brigid Kedua Infantri Malaysia (MK 2 Bgd) telah menganjurkan satu sesi Kuliah Zohor Peringkat 2 Bgd bertajuk Kekentalan Akidah Benteng Pertahanan Diri di Surau Solahuddin Al-Ayubi pada 21 Mei 2019.

Sesi dimulakan dengan Solat Zohor dan disusuli dengan ceramah yang disampaikan oleh Imam Besar Masjid Negeri Perak, Ustaz Hj Abd Farid Hj Salleh dan dihadiri seramai 550 terdiri dari pegawai dan anggota dari semua pasukan bawah naungan 2 Bgd.

Antara pengisian ceramah adalah bahayanya ancaman akidah kepada organisasi dan negara, fahaman-fahaman yang dibawa boleh merosakan agama serta serangan melalui pemikiran tanpa disedari.

Selain itu, penceramah juga memohon semua hadirin untuk mempersiapkan diri untuk bersama-sama mengambil peluang sebanyak mungkin untuk beribadah pada bulan Ramadan yang mulia dan Nuzul Al-Quran.

Turut hadir Panglima 2 Bgd, Brig Jen Datuk Mohd



Nizam Hj Jaafar serta semua Pegawai Memerintah di bawah naungan. - Cwg Risik 2 Bgd

Khatam Al-Quran Peringkat 6 Bgd

KEDAH: Seramai 18 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dan 11 Ahli BAKAT 6 Bgd menyertai Majlis Khatam Al-Quran Peringkat 6 Bgd Tahun 2019 disempurnakan Panglima 6 Bgd, Brig Jen Hj Mohd Khalid di Masjid An Naim pada 24 Mei 2019.

Majlis Khatam Al-Quran dipimpin oleh Pegawai Staf 2 Agama, Mej Ahmad Nasri Rahman dimana merupakan majlis tahunan yang diadakan pada penghujung setiap bulan Ramadan dan merupakan penutup bagi Program Tadarus 30 juzuk Al-Quran dianjurkan Cawangan Agama MK 6 Bgd.

Turut hadir, Ketua Staf 6 Bgd, Lt Kol Zunaidi Hassan dan Pengurus BAKAT 6 Bgd, Norihan Ab Razak. - Pbt Muhammad Junazrin Mat Jusoh



Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Kentomen Sg Besi

Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

KUALA LUMPUR: Seramai 107 peserta Tadarus Al-Quran menyertai Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Kentonmen Sungai Besi Tahun 2019M/1440H bertempat di Masjid AT Kem Perdana Sungai Besi pada 23 Mei 2019.

Majlis Khatam Al-Quran adalah majlis tahunan yang diadakan pada penghujung setiap bulan Ramadan dan merupakan penutup bagi Program Tadarus 30 juzuk Al-Quran di sepanjang bulan Ramadan.

Acara Khatam Al-Quran dipimpin oleh Pegawai Staf 1 Agama Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD), Lt Kol Mohd Jihadi Hj Ahmad.

Terdahulu majlis dimulakan dengan acara khatam Al-Quran dan penyampaian cenderahati kepada semua peserta disusuli dengan penyampaian duit raya oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin kepada pelajar tahniz Sekolah Tahfiz



Anak Yatim Angkatan Tentera Malaysia (STAY ATM).

Turut hadir, Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman, Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah dan anggota dibawah naungan MK PMBTD.

Ceramah Sempena Nuzul Quran

KUALA LUMPUR: Sel Agama Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMB TD) menganjurkan Ceramah Perdana sempena Nuzul Quran bertempat di Masjid AT Kem Perdana Sg Besi pada 24 Mei 2019.

Ceramah Nuzul Quran ini disampaikan oleh Penyelaras Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) Wilayah Persekutuan, H. J Fadhil Osman.

Tujuan ceramah dilaksanakan adalah untuk meningkatkan dan menambah ilmu pengetahuan mengenai Nuzul Al-Quran kepada warga Kentonmen.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Ketua Staf Perkhidmatan MK PMB TD, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah serta pegawai dan anggota warga Kentonmen Sg Besi. - **LKpl Norirawati Abdul Wahab**



MK PLTD Anjur Ceramah Sempena Nuzul Quran



NEGERI SEMBILAN: Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD (MK PLTD) telah menganjurkan ceramah bersempena dengan Nuzul Quran di Masjid Kem Segenting, Port Dickson pada 24 Mei 2019.

Ceramah bertajuk Keutamaan Mempelajari Al-Quran disampaikan oleh Pensyarah dari UKM, Ustaz Izuli Dzulkifli yang mana dihadiri oleh semua peringkat anggota dari MK PLTD, PULAMOR ATD dan Pusat Pengaman Malaysia (PPM).

Atur cara ceramah diteruskan dengan Solat Jumaat sejurus selepas ceramah disampaikan.

Turut hadir Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, Ketua Staf MK PLTD, Kol Mohd Mansor Hj Mohd Sharip serta Kol Doktrin MK PLTD, Kol Suhaimi Navinder Abdullah. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha**
Gambar: Kpl Ahmad Idhlan Firdaus Rasdy

Penutup Tilawah Al-Quran Peringkat 12 Bgd Tahun 2019



Oleh: Cwg Risik MK 12 Bgd

KUALA LUMPUR: Seramai 37 peserta bawah naungan 12 Bgd mengambil bahagian di dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat 12 Bgd Tahun 2019 bertempat di Rumah BAKAT 12 Bgd pada 30 Apr 2019.

Majlis penutup dimulakan selepas ketibaan Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar.

Terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Pegawai, Qari, Qariah dan Saudara Baharu.

Johan bagi Kategori Pegawai disandang oleh Lt Ahmad Yazid Abd Nasir dari MK PMBTD manakala Kategori Qari dimenangi oleh Sjn Fatid Abd Rasid dari 99 RSPS.

Johan Kategori Qariah disandang oleh PW I (FOS) Hajijah Obil dari 99 RSPS dan Johan Kategori Saudara Baharu Kategori Lelaki disandang oleh Kpl Haitami Madi dari 1 RRD manakala Kategori Wanita disandang oleh Sjn Nur Syuhada Abdullah dari 99 RSPS.

Turut hadir, Ketua Staf MK 12 Bgd, Lt Kol Mohamad Zambari Hj Abdul Khorib.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat 9 Bgd

SARAWAK: Seramai 34 peserta terdiri dari pasukan di bawah naungan 9 Bgd telah mengambil bahagian dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat 9 Bgd Tahun 2019 disempurnakan Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff di Dewan RASCOM pada 30 Apr 2019.

Majlis Tilawah dianjurkan oleh 3 RRD dengan Sel Agama 9 Bgd ini telah berlangsung selama satu hari melibatkan lima kategori dipertandingkan iaitu Kategori Pegawai, Qari dan Qariah, Saudara Baharu dan Saudara Baharu.

Majlis bertujuan untuk memupuk semangat kecintaan terhadap Al-Quran selain mencungkil bakat bagi setiap kategori untuk mewakili 9 Bgd dalam pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat 1 Div.

Johan kategori Pegawai disandang oleh Lt Muhammad Anwar Khalili Ahmad Dardiri dari 9 SSB, Johan Kategori Qari ialah Sjn Azmi Ismail dari 20

RAMD, Johan kategori Qariah ialah Nurzanaziah Mohd Noor dari 9 Wksp Bgd,

Bagi Kategori Saudara Baharu Johan disandang oleh Kpl Akmal Abdullah dari Rej 510 AW dan Kategori Saudari Baharu dimenangi Nur Lashira Lily Saing daripada 20 RAMD dan Johan Keseluruhan disandang oleh Pasukan 20 RAMD.

Turut hadir Pegawai Memerintah, Pegawai Pemerintah dan pengurus BAKAT serta Ahli BAKAT pasukan-pasukan di bawah naungan 9 Bgd. - **Lt Azlan Azmi, Gambar: Kpl Muhammad Aizat**



Program Tadarus Al-Quran

Peringkat 5 RRD



Oleh: Lt Mohamad Salehuddin

Jaafar

Gambar: Pbt Muhammad Fateh Nasri

KELANTAN: Program Tadarus Al-Quran Peringkat Batalion Kelima Rejimen Renjer Diraja (5 RRD) Sempena Program Ihya' Ramadan

Tahun 2019 telah selamat melabuhkan tirai dengan Upacara Perasmian Penutup Majlis Khatam Tadarus Al-Quran disempurnakan Pegawai Memerintah 5 RRD, Lt Kol Hj Jonurzaidi Hj Jusoh pada 31 Mei 2019.

Program ini telah dilaksanakan bermula dari 13 hingga 31 Mei 2019

bertempat di Surau An-Nur 5 RRD melibatkan seramai 80 peserta tadarus terdiri daripada pegawai dan anggota LLP pasukan.

Aktiviti Khatam Al-Quran ini merupakan program tahunan yang diadakan dalam Program Ihya' Ramadan dan Majlis Khatam Tadarus Al-Quran dimulakan dengan tazkirah ringkas bertajuk Fadhilat dan Keistimewaan disampaikan oleh Pegawai Agama Pasukan, Lt Mohamad Salehuddin Jaafar.

Selepas majlis khatam Al-Quran selesai, acara diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada para peserta Tadarus Al-Quran yang telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah 5 RRD merangkap Penaung Surau An-Nur dan diakhiri dengan acara bergambar.

Turut hadir Penolong Pegawai Memerintah selaku Pengerusi Surau An-Nur, Mej Hirwan Baharudin dan warga muslim 5 RRD.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat 4 Div

KUALA LUMPUR: Seramai 13 peserta telah terpilih ke peringkat akhir dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat 4 Div Tahun 2019 di Masjid Muhammad Al-Fateh, Kem Wardieburn pada 18 Jun 2019.

Peserta-peserta ini terdiri daripada kategori pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada formasi 11 dan 12 Bgd.

Majlis anjuran MK 12 Bgd ini dimulakan dengan alunan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Johan Keseluruhan, SSjn Muhammad Hassan Basri Ahmad daripada formasi 11 Bgd.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah dan trofi kepada para pemenang yang disempurnakan oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin.

Johan Tilawah dipilih dari segi bacaan tajwid, penggunaan taranum, alunan suara, dan fasohah yang di nilai oleh empat juri jemputan.

Johan bagi Kategori Pegawai dimenangi oleh Lt Ahmad Yazid Abd Nasir daripada 12 Bgd, bagi Kategori Qari Johan dimenangi oleh SSjn Muhammad Hassan Basri Ahmad daripada Markas 11 Bgd manakala bagi Kategori Qariah, Johan dimenangi



oleh PWI (FOS) Hajijah Obil daripada Markas 12 Bgd.

Bagi kategori Saudara Muslim Johan Qari pula adalah Lt Kol Mohd Azhar Lee Abdullah daripada 11 Bgd manakala Johan Qariah pula adalah Sjn (FOS) Nur Syuhada Abdulla daripada 12 Bgd.

Turut hadir Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Asri Shukor, Pengerusi Masjid MAF, Lt Kol Mohd Khairulnizam Suliman dan Pegawai Kanan 4 Div. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**

Tilawah Al-Quran

Peringkat 3 Bgd Tahun 2019

Oleh: Pbt Muhammad Aiman
Solihin Hasmady

SARAWAK: Seramai 32 peserta daripada pasukan-pasukan di bawah naungan 3 Bgd menyertai Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat 3 Bgd yang diadakan di Masjid Solahuddin Al Ayyubi, Kem Penrissen dari 20 hingga 21 Jun 2019.

Tilawah Al-Quran yang dianjurkan oleh Kem 3 Bgd itu bertujuan untuk memilih peserta-peserta yang akan mewakili Bgd bagi setiap kategori untuk pertandingan peringkat Div.

Peserta terdiri dari sembilan pegawai, 13 Qari, lapan Qariah dan dua peserta Qariah saudari baharu muslim, johan Keseluruhan Pertandingan dimenangi pasukan 13 RAMD berdasarkan catatan markah tertinggi yang berjaya diraih.

Majlis Penutup dimulakan dengan



dipedengarkan bacaan daripada Johan Pertandingan Kategori Pegawai dan diakhiri dengan penyampaian hadiah dan saguhati yang disampaikan oleh Panglima 3 Bgd dan

isteri kepada pemenang serta peserta pertandingan.

Turut hadir Ketua Staf MK 3 Bgd, Lt Kol Hj. Ilyas Hj. Hanafi.

Majlis Tilawah Al-Quran

Peringkat Trup 2 Div

PERAK: MK RAJD 2 Div telah mengajurkan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Trup 2 Div bertempat di Kem Sangro, Taiping, Perak pada 18 dan 19 Jun 2019.

Seramai empat peserta terpilih ke peringkat seterusnya bagi kategori Pegawai, Anggota Lain-lain Pangkat

(LLP) dan BAKAT untuk bertanding ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat 2 Divisyen pada bulan Jul 2019.

Majlis penutup tilawah ini dimulakan dengan alunan bacaan ayat suci Al-Quran oleh pemenang yang mencapai markah paling tertinggi dari semua kategori iaitu LKpl Yusof Mat

Daud mewakili pasukan 2 RKPTD.

Upacara penyampaian hadiah dan trofi disempurnakan Ketua Staf MK 2 Div, Kol Noorul Azril Ariffin yang mana Johan Tilawah dipilih dari segi bacaan tajwid, penggunaan taranum, alunan suara, dan fasohah yang dinilai oleh empat juri jemputan.

Johan bagi Kategori Pegawai dimenangi oleh Lt Muda Ahmad Bashir Mohamad mewakili pasukan 3 KAD, Johan bagi Kategori Qari dimenangi oleh LKpl Yusof Mat Daud dari pasukan 2 RKPTD manakala Adibah Hajar Limat dari MK Arti Div 2 Div dinobatkan sebagai Johan Kategori Qariah.

Bagi kategori Saudara Muslim, Johan Qari disandang oleh Bdr Helmi Wilfred Datu dari MK Arti Div 2 Div manakala Johan pusingan bagi keseluruhan pasukan Peringkat Trup 2 Div 2019 dimenangi oleh MK Arti Div 2 Div.

Turut hadir, Timbalan Komander Rejimen Jurutera MK RAJD 2 Div, Lt Kol Annuar Hj Kaliman dan Pegawai-pegawai Memerintah naungan Trup 2 Div. - PWI I Jamil Zaki, Gambar:Kpl Mohd Shahril Hassan





Judi Online

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

Definisi 'Judi' mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat adalah permainan dengan memakai wang sebagai taruhan atau menggunakan wang sebagai taruhan dalam permainan judi.

Mengikut wikipedia pula judi bermaksud permainan yang melibatkan pertaruhan nilai. Dalam perjudian, pihak yang kalah dalam permainan harus membayar sejumlah nilai kepada pihak yang menang. Biasanya ia menghabiskan tempoh masa yang singkat untuk mendapatkan hasil keputusan sama ada menang atau kalah.

Apa Itu Judi Online?

Perjudian Online ataupun judi dalam talian merupakan sebarang bentuk permainan perjudian yang dimainkan menggunakan komputer atau peranti mudah alih seperti telefon pintar dan sambungan internet. Perjudian dalam talian menawarkan hampir semua pertaruhan yang tersedia di kasino hidup seperti pertaruhan sukan, permainan kasino tradisional, slot video dan banyak lagi.

Sekadar Gambar Hiasan

RENCANA

Kasino dalam talian dimainkan dengan cara yang sama seperti fizikal, permainan dan peluang yang sangat mirip dengan kasino luar talian. Terdapat beberapa perbezaan yang menarik dari kasino luar talian dengan kasino dalam talian iaitu judi dalam talian ini tidak mengenal peringkat usia dan pekerjaan kerana iaanya mudah diakses dengan menggunakan telefon bimbit.

Kemungkinan cara ini juga adalah selamat berbanding bermain judi di premis-premis yang menyediakan perkhidmatan judi dalam talian. Ianya juga adalah merbahaya jika premis tersebut diserbu oleh pihak berkuasa dan sesiapa yang berada ketika itu boleh dikenakan hukuman mengikut jenis kesalahan yang diperuntukkan apabila ditangkap.

Penularan kegiatan judi dalam talian semakin membimbangkan apabila golongan tentera juga mula terjebak dengan aktiviti haram itu. Ini kerana operator judi terbabit semakin berani menawarkan permainan berkenaan secara terbuka.

Namun apa yang menyediakan mereka sanggup menghabiskan duit gaji untuk bermain judi dalam talian yang boleh diakses di mana sahaja dan pada bila-bila masa selagi mempunyai akses internet. Umum mengetahui bahawa tugas seorang tentera adalah menjaga keamanan negara, memelihara keselamatan negara serta mempertaruhkan nyawa demi memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

Tetapi yang membimbangkan sekiranya mereka mudah terpengaruh dan terjebak dalam judi atas talian bagaimana sikap, kelakuan dan tabiat ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi perubahan sifat individu tersebut.

Masalah perjudian atas talian ini perlu dibendung di setiap lapisan peringkat anggota dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khasnya. Kita tidak boleh mengambil sikap sambil lewa kerana iaanya melibatkan soal moral anggota. Sebagai contoh sekiranya seorang anggota tersebut terlibat dengan judi atas talian, mereka sanggup menghabiskan masa menghadap telefon bimbit serta berani mempertaruhkan duit gaji sehingga habis.

Setelah kehabisan wang ringgit mereka ini cenderung pula dengan aktiviti pinjaman wang dengan Ah Long atau individu-individu yang menjalankan perniagaan pinjaman wang tanpa lesen. Pada awalnya memang seronok namun kesan serta

akibat dari pinjaman tersebut boleh mengundang perubahan sikap anggota itu sendiri.

Sebagai contoh, seorang warga tentera telah ditangkap pada bulan Mei 2019 di atas kesalahan jenayah pecah premis dan mencuri beg tangan berjenama mewah. Mengikut artikel yang disiarkan oleh sebuah akhbar tempatan, kegiatan individu tersebut terbongkar selepas dia diberkas dan pihak polis berjaya merampas 70 beg tangan pelbagai jenama mewah.

Hasil siasatan mendapati individu tersebut gian bermain judi dan disebabkan masalah hutang, beliau sanggup melakukan jenayah ini.

Pengajaran yang boleh diambil adalah jangan sesekali mencuba untuk bermain judi atas talian atau apa sahaja jenis judi yang lain. Ada sesetengah anggota mereka hanya bermain sebagai suka-suka untuk



mengisi masa lapang namun kebanyakkan telah menjadi satu tabiat yang sukar untuk dicegah

Bermain judi atas talian boleh menyebabkan individu tersebut menjadi ketagih apabila wang yang dilaburkan

buat pertama kali itu berjaya digandakan dan mereka menjadi seronok dan terus bermain sehingga kehabisan wang tanpa disedari. Ini yang menyebabkan anggota terbabit bertindak tanpa berfikir kesan dan akibat atas



Sekadar Gambar Hiasan

"Bermain judi atas talian boleh menyebabkan individu tersebut menjadi ketagih apabila wang yang dilaburkan buat pertama kali itu berjaya digandakan dan mereka menjadi seronok dan terus bermain sehingga kehabisan wang tanpa disedari.

perbuatan yang dilakukan. Trend terkini menunjukkan judi atas talian atau judi *online* ini mula mengambil tempat premis judi seperti sebelum ini kerana telefon pintar menjadi senjata utama sindiket judi dalam memastikan operasi mereka terus berkembang dan sukar dikesan oleh pihak berkuasa.

Judi boleh menjerumuskan individu itu ke tahap ber hutang yang serius termasuk meminjam dari ceti haram atau Ah Long ini kerana kemenangan besar yang dijanjikan akan mendorong mereka mencari jalan pintas untuk mendapatkan modal pertaruhan dengan meminjam dari ceti haram mahupun mana-mana institusi kewangan berkaitan. Apa yang akan terjadi sekiranya kalah judi dan apa yang akan jadi terhadap segala hutang tersebut?

Malah judi juga turut memprak perandakan rumah tangga dan keluarga dari pelbagai sudut. Judi boleh mencetuskan pergaduhan dalam kalangan suami isteri sehingga

membawa kepada penceraian. Ia boleh menyebabkan keluarga menjadi huru-hara dan anak-anak menjadi mangsa keadaan. Keganasan rumah tangga dan jenayah dalam kalangan anggota keluarga juga akan terus meningkat akibat daripada judi.

Pernah juga terdengar satu cerita tentang seorang anggota yang sanggup memberikan kad bank kepada Ah Long atau peminjam wang tanpa lesen sebagai bayaran diatas khidmat pinjaman wang yang diberikan. Apa yang menyediakan apabila pihak yang memberikan pinjaman wang tersebut berani mengganggu isteri dan anak-anak yang tidak tahu apa-apa. Ini kerana mereka tidak dapat menghubungi atau mencari anggota tersebut.

Kenapa perkara sebegini berlaku dikalangan anggota tentera yang dipercayai oleh rakyat dalam membela negara? Namun mereka juga seperti orang awam yang lain terlibat dalam perkara tidak bermoral dan

menghadapi masalah tersendiri.

Kita boleh mencegah dan membendung kegiatan ini daripada berleluasa dengan melaporkan kepada pihak atasan sekiranya mendapati ada di antara rakan kita yang terlibat dengan judi atas talian ini.

Tindakan sebegini dapat membantu mereka keluar dari ketagihan akibat berjudi. Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi memandang serius masalah judi atas talian ini dan beliau meminta semua pemerintah supaya sentiasa melakukan pemeriksaan dari masa ke semasa terhadap telefon pintar milik anggota tentera agar tidak ada aplikasi judi atas talian yang dimuat turun oleh anggota ke dalam telefon masing-masing.

Pasukan-pasukan boleh mengadakan sesi kaunseling terhadap anggota yang terlibat dalam masalah perjudian supaya mereka tidak berada dipinggirkan oleh perkhidmatan. Selain itu, pasukan turut digalakkan untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah sebagai langkah untuk menghapuskan masalah judi atas talian ini.

Perlawanan Persahabatan Wisma Sri Mersing Dan Sri Sekakap

Oleh: Kapt Sirichai Manichorte

Gambar: SSjn Ahmad Norizam Jaafar

JOHOR: Perlawanan persahabatan di antara Wisma Sri Sekakap menentang Wisma Sri Mersing telah diadakan di Padang Perumahan Blok F, Kem Iskandar pada 10 Apr 2019.

Objektif perlawanan ini adalah bagi memupuk semangat kesukanan serta dapat merapatkan hubungan silaturrahim di antara pegawai dan PTT Kanan.

Selain itu, ia turut bertujuan bagi menggalakkan warga Gerak Khas agar sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat iaitu dengan memanfaatkan masa di sebelah petang untuk beriadah selain daripada melaksanakan jasmani pagi dan latihan kepakaran Gerak Khas.

Seterusnya, secara tidak langsung aktiviti ini dapat mengelakkan anggota daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat selepas tamat waktu kerja, perlawanan persahabatan ini



diakhiri dengan jamuan makan yang disediakan oleh ahli Wisma Sri Sekakap.

Turut hadir Panglima 21 Gerup Gerak Khas, Mej Jen Datuk Hasan Ali dan Ketua Staf Am, Brig Jen Datuk Jamaluddin Jambi.

Skuasy Persahabatan Kol YDP RSD



NEGERI SEMBILAN: Pasukan 96 RSTD telah menganjurkan Skuasy Persahabatan Tim Kolonel YDP RSD menentang Tim Pengurus Kor RSD bertempat di Gelanggang Skuasy Royal Seri Menanti pada 27 Apr 2019.

Pertandingan dibahagikan kepada kategori individu lelaki, inividu wanita, beregu lelaki, beregu campuran dan skuasy 57.

Antara pemain jemputan termasuk mantan KPS, Mej Jen Dato' Ahmad Hadiatullah Maknun Hj Ridzuan dan bekas pemain skuasy wanita negara, Sharon Wee.

Pertandingan pada kali ini berpihak kepada Tim DYMM Kol YDP RSD menewaskan Tim Pengurus Kor RSD, DYMM Kol YDP RSD berkenan untuk menyampaikan Piala Pusingan kepada pemenang diiringi KPS, Brig Jen Ahmad Saifuddin Talha semasa Majlis Santapan Tengahari. - **96 RSTD**

Kejohanan Taekwondo Peringkat 21 GGK

JOHOR: 21 Skuadron Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) telah menganjurkan Kejohanan Taekwondo Peringkat 21 Gerup Gerak Khas (GGK) bagi tahun 2019 bertempat di Dewan Jenalik, Mersing bermula dari 16 hingga 18 Apr 2019.

Kejohanan yang bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu sebagai pelapis 21 GGK di dalam sukan Seni Mempertahankan Diri (SMD), Taekwondo.

Majlis penutup disempurnakan oleh Panglima 21 GGK, Mej Jen Datuk Hasan Ali. Peserta Berpotensi Kejohanan diberikan kepada Tpr Jalius Situ dari 11 Rejimen Gerakhas, manakala Pemain Terbaik Kejohanan ialah LKpl Muhammad Amiruddin Che Zukri dari Gabungan 21 GGK.

Johan Keseluruhan kejohanan diungguli oleh 11 Rejimen GGK dan menerima piala pusingan dan wang tunai sebanyak RM 1000 daripada Panglima 21 GGK. - **Kapt Sirichai, Gambar: SSjn Ahmad Norizam Jaafar**



Jom Jawab & Menang

Tempoh Kempen Jun – Disember 2019



Hadiah Utama

3X
TV Pintar LED
Berjenama

Hadiah Kedua

5X
Samsung Galaxy
Tab A 8.0"

Hadiah Saguhati

10X
RM100 Baucar
AEON

Cara Penyertaan

1



Permohonan pembiayaan diluluskan

2



Taip pautan:
<https://tinyurl.com/JomJawabDanMenangKT2019>
atau layari FB KT & laman sesawang KT

3



Jawab (5) soalan berkaitan KT

4



Lengkapkan slogan tidak melebihi 20 patah perkataan

*Tertakluk terma dan syarat

Kunjungi cawangan KT berhampiran anda untuk maklumat lanjut.



1-300-8000-58



www.katmb.com.my



[facebook.com/Koperasi Tentera](https://facebook.com/KoperasiTentera)



ISSN 1511-0508

A standard linear barcode representing the ISSN number 1511-0508. The barcode is black and white, with vertical bars of varying widths.

9 771511 050068